LAPORAN TAHUNAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Keselamatan Tanggungjawab Bersama

www.moha.gov.my

LAPORAN TAHUNAN

2012

Kandungan

PERKARA	M/S
1. Perutusan YB. Menteri Dalam Negeri	**04**
2. Kata-kata Aluan Ketua Setiausaha	**05**
3. Carta Organisasi	**06**
4. Teraju Utama	**08**
5. Pengurusan Tertinggi	**09**
6. Visi, Misi, Teras dan Objektif	**18**
7. Imbasan Pencapaian KDN 2012	**19**
8. Laporan Pencapaian	
i. Sektor Ketua Setiausaha	**24**
a. Bahagian Perancangan Strategik	25
b. Bahagian Penasihat Undang-Undang	33
c. Bahagian Audit Dalam	37
d. Bahagian Komunikasi Korporat	41
ii. Sektor Keselamatan	**48**
a. Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran	49
b. Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam	53
c. Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan	61
d. Bahagian Kepenjaraan, Antidadah dan Pertahanan Awam	65
e. Bahagian Urusetia Lembaga Parol	67
f. Bahagian Antarabangsa	71
g. Bahagian Bidang Keberhasilan Utama Negara	75
h. Bahagian Kepolisan dan Keselamatan Sempadan	79
i. Bahagian Veteran Polis Diraja Malaysia	85
iii. Sektor Pengurusan	**90**
a. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	91
b. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat	95
c. Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	99
d. Bahagian Parlimen dan Kabinet	103
e. Bahagian Suruhanjaya Polis	107
f. Bahagian Kewangan	109
g. Bahagian Akaun	113
h. Bahagian Pembangunan	117
i. Bahagian Perolehan	121
iv. Sektor Operasi	**124**
a. Bahagian Hal Ehwal Imigresen	125
b. Bahagian Pengurusan Pekerja Asing	131
c. Pasukan Sukarelawan Malaysia	137
d. Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan	141
e. Jabatan Depot	145
v. Jabatan/Agensi	**150**
a. Polis Diraja Malaysia	151
b. Jabatan Penjara Malaysia	161
c. Agensi Antidadah Kebangsaan	165
d. Jabatan Imigresen Malaysia	169
e. Jabatan Pendaftaran Negara	173
f. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	181
g. Jabatan Pertahanan Awam	185
h. Percetakan Nasional Malaysia Berhad	189
9. Peristiwa Penting	**191**
10. Sidang Editorial	**204**

Perutusan
YB. Menteri Dalam Negeri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana berkat limpah kurnia dan izinNya jua maka seluruh warga Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah diberi kekuatan, keupayaan, kesabaran dan kesungguhan untuk melaksanakan segala perancangan dan agenda yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komited dan penuh dedikasi sepanjang tahun 2012.

Syabas dan tahniah kepada KDN di atas segala usaha yang telah dicurahkan bagi menerbitkan Buku Laporan Tahunan KDN 2012 yang berperanan memberi gambaran yang jelas tentang bidang tugas serta pencapaian kejayaan KDN sepanjang tahun 2012.

Dalam konteks memartabatkan KDN sebagai peneraju keselamatan negara dan ketenteraman awam, seluruh warga KDN telah menunjukkan semangat kerja yang tinggi dengan mengfokuskan segala usaha ke arah memperkukuhkan proses transformasi bagi merealisasikan pelaksanaan negara bebas jenayah dan selamat. Saya melihat bahawa semua pihak komited dan berusaha untuk mengekalkan kedudukan malaysia sebagai negara paling selamat di dunia.

Warga KDN juga telah berusaha dan bekerja sebagai satu pasukan 1KDN bagi merealisasikan semua matlamat dan hala tuju yang ditetapkan oleh KDN bagi menjamin keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Adalah menjadi harapan saya untuk melihat KDN terus melangkah ke hadapan dan mencipta kejayaan.

Akhir kata, tahniah dan syabas atas sumbangan dan inisiatif semua pihak dalam menerbitkan buku Laporan Tahunan KDN 2012 yang diharapkan menjadi bahan rujukan penting terhadap pencapaian KDN sepanjang tahun 2012. Saya mendoakan agar kita semua di KDN, dapat bergerak selari dengan hasrat kerajaan dan saya berasa amat berbesar hati atas kejayaan semua dalam melaksanakan tugasan sepanjang tahun 2012.

Selamat Maju Jaya,

DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI DALAM NEGERI

Kata-kata Aluan
YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2012.

Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada seluruh warga KDN di atas komitmen dan iltizam tinggi yang dicurahkan sepanjang tahun 2012 ini bagi memastikan hala tuju KDN dapat direalisasikan dengan cemerlangnya. Seterusnya, ucapan syabas juga ditujukan kepada sidang redaksi buku laporan ini di atas usaha yang dicurahkan bagi meneribitkan Buku Laporan Tahunan KDN 2012.

Tahun 2012 menyaksikan banyak kejayaan yang dilakarkan oleh warga KDN khasnya dan kementerian amnya. Di antara kejayaan-kejayaan yang telah di iktiraf sama ada di peringkat dalam negara dan antarabangsa adalah Indeks Keamanan Global:– Malaysia merupakan negara paling selamat dan paling aman di Asia Tenggara, negara ke-4 paling selamat di rantau Asia Pasifik dan negara ke-20 paling selamat di seluruh dunia, Laporan *World Justice 2012*: – menempatkan Malaysia sebagai negara paling selamat di kalangan 30 Negara berpendapatan sederhana atas dan ke-16 paling selamat di dunia, mengatasi kedudukan Amerika Syarikat dan Great Britain, *Safe City Monitoring System* (SCMS) – Malaysia menerima *Special Achievement in GIS Award* dari *Enviromental System Research Intitute* (ESRI) dan *"Future City of The Year 2012"* dari *Future GOV Summit.* Pengiktirafan ini membuktikan bahawa KDN telah menunjukkan kejayaan yang ketara dalam merealisasikan agenda transformasi kerajaan.

Akhir kata, sekalung tahniah kepada semua warga KDN atas sokongan, kerjasama dan komitmen yang telah diberikan sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah S.W.T memberkati segala usaha kita, dan semoga negara ini terus dirahmati dan rakyat terus dilimpahi rahmat bagi memastikan kejayaan dalam perjalanan kita menuju matlamat tersebut.

DATO' SRI ABDUL RAHIM MOHAMAD RADZI
KETUA SETIAUSAHA

Carta Organisasi
Kementerian Dalam Negeri




TIMBALAN MENTERI
YB Dato' Lee Chee Leong
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN (PENGURUSAN)
Dato' Daud bin Tahir
UTAMA A
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
Hasanah binti Abd Hamid
UTAMA B
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
Zulkifli bin Rahmat
UTAMA C
PENGURUSAN MAKLUMAT
Dato' Haji Mohmed Rosli bin Saad
KHAS C
KHIDMAT PENGURUSAN DAN ASET
Dato' Mohmed Asri bin Yusof
UTAMA C
PARLIMEN DAN KABINET
Muhamad Sade bin Mohamad Amin
M54
SURUHANJAYA PASUKAN POLIS
Khairim Shahril bin Mat Khalid
M52
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN & PEROLEHAN)
Dato' Wahab bin Mohd Yasin
UTAMA B
KEWANGAN
Dato' Nor Ashikin binti Haji Md. Salim
UTAMA C
AKAUN
Manuriani binti Che Tahir
UTAMA C
PEMBANGUNAN
Y.M. Dato'Raja Mohd bin Raja Ismail
UTAMA C
PEROLEHAN
Abd Aziz bin Md. Nor
UTAMA C
POLIS DIRAJA MALAYSIA
Tan Sri Haji Ismail bin Omar
UTAMA TURUS II
JABATAN PENJARA MALAYSIA
Datuk Wira Haji Zulkifli bin Omar
UTAMA A (T)
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
Puan Sri Dato' Zuraidah binti Haji Mohamed
UTAMA B (KUP UTAMA A)
JABATAN IMIGRESEN
Dato' Alias bin Haji Ahmad
UTAMA B
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
Dato' Hajjah Jariah binti Hj. Mohd Said
UTAMA B
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
Dato' Abdul Rahman bin Othman
UTAMA C (KUP UTAMA B)
JABATAN PERTAHANAN AWAM
Dato' Sulaiman bin Keling
UTAMA C
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Izham bin Yusoff

Teraju Utama

YB. DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN
Menteri Dalam Negeri

YB. DATUK WIRA ABU SEMAN YUSOP
Timbalan Menteri Dalam Negeri

YB. DATO' LEE CHEE LEONG
Timbalan Menteri Dalam Negeri

Pengurusan Tertinggi

Duduk:

DATO' SRI ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI
Ketua Setiausaha

Berdiri Dari Kiri:

DATO' WAHAB BIN MOHD YASIN
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan & Perolehan)

DATO' DAUD BIN TAHIR
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pengurusan)

HASANAH BINTI ABD HAMID
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

DATO' ALWI BIN HAJI IBRAHIM
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan)

DATO' WAN ALI BIN BESAR
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Pengurusan Tertinggi
Sektor Ketua Setiausaha

01
TANASENGRAN SINNATHAMBI
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik

02
OTHMAN BIN YUSOF
Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang

03
ZAABA BIN ZAINUDDIN
Ketua Audit Dalam
Bahagian Audit Dalam

04
NIK AHMAD KHUSAIRI BIN NIK IBRAHIM
Setiausaha Bahagian
Bahagian Komunikasi Korporat

05
SITI HASIAH BINTI JUSOH
Setiausaha Bahagian
Unit Pembangunan Insan

Pengurusan Tertinggi
Sektor Operasi

01
DATO' ZAITUN BINTI AB. SAMAD
Setiausaha Bahagian
Bahagian Hal Ehwal Imigresen

02
ROHANI BIN SALLEH
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Pekerja Asing

03
DATO' MUSTAFA BIN IBRAHIM
Ketua Pengarah
Pasukan Sukarelawan Malaysia

04
SITI ZAUYAH BINTI OSMAN
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan

05
ZAHARI BIN ABDUL AZIZ
Ketua Pengarah
Jabatan Depot

Pengurusan Tertinggi
Sektor Keselamatan

01
HASHIMAH BINTI NIK JAAFAR
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran

02
DATO' AWANG DIN BIN HUSAIN
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam

03
RAZAK BIN DRAHMAN
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan

04
HABSAH BINTI MD. SIDEK
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kepenjaraan, Antidadah dan Pertahanan Awam

05
MOHAMAD RAZIN BIN ABDULLAH
Setiausaha Bahagian
Urusetia Lembaga Parol

Pengurusan Tertinggi
Sektor Keselamatan

01
MOHD KHAIR RAZMAN BIN MOHAMMED ANNUAR
Setiausaha Bahagian
Bahagian Antarabangsa

02
DR. WAITCHALLA A/P R.R.V
Setiausaha Bahagian
Bahagian Bidang Keberhasilan Utama Negara

03
DATO' AB. RAHIM BIN ISMAIL
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kepolisan dan Keselamatan Sempadan
Merangkap Ketua Pengarah.....

04
SAC HASHIM BIN ALI
Setiausaha Bahagian
Bahagian Veteran Polis Diraja Malaysia

05
ABDUL MUNIR LUTFI BIN SAID
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keselamatan Siber

Pengurusan Tertinggi

Sektor Pengurusan

01
ZULKIFLI BIN RAHMAT
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

02
DATO' HAJI MOHMED ROSLI BIN SAAD
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

03
DATO' MOHMED ASRI BIN YUSOF
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset

04
MUHAMAD SADE BIN MOHAMAD AMIN
Setiausaha Bahagian
Bahagian Parlimen dan Kabinet

05
KHAIRIM SHAHRIL BIN MAT KHALID
Setiausaha Bahagian
Suruhanjaya Pasukan Polis

Pengurusan Tertinggi
Sektor Pengurusan

01
DATO' NOR ASHIKIN BINTI HAJI MD. SALIM
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan

02
MANURIANI BINTI CHE TAHIR
Ketua Akauntan
Bahagian Akaun

03
YM DATO' RAJA MOHD BIN RAJA ISMAIL
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan

04
ABD AZIZ BIN MD. NOR
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan

Pengurusan Tertinggi
Jabatan/Agensi

01
TAN SRI HAJI ISMAIL BIN OMAR
Ketua Polis Negara
Polis Diraja Malaysia

02
DATUK WIRA HAJI ZULKIFLI BIN OMAR
Ketua Pengarah
Jabatan Penjara Malaysia

03
PUAN SRI DATO' ZURAIDAH BINTI HAJI MOHAMED
Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan

04
DATO' ALIAS BIN HAJI AHMAD
Ketua Pengarah
Jabatan Imigresen Malaysia

Pengurusan Tertinggi
Jabatan/Agensi

DATO' JARIAH BINTI HJ. MOHD SAID
Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara

02
DATO' ABDUL RAHMAN BIN OTHMAN
Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

03
DATO' SULAIMAN BIN KELING
Ketua Pengarah
Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

04
IZHAM BIN YUSOFF
Pengarah Urusan
Percetakan Nasional Malaysia Berhad

VISI

Peneraju Keselamatan Dalam Negeri

MISI

Mentadbir Urus Keselamatan Dalam Negeri Untuk
Menjamin Keamanan Dan Kesejahteraan Rakyat

TERAS

Integriti
Kualiti
Inovasi
Profesionalisme
Esprit De Corps

OBJEKTIF

- Memastikan keselamatan negara dan ketenteraman awam sentiasa terjamin dan terpelihara melalui kemantapan tindakan penguatkuasaan undang-undang dan kecekapan pelaksanaan dasar-dasar bagi program-program yang berorientasikan perkhidmatan teras KDN. Pengukuran atau penilaian ini perlu berdasarkan indeks jenayah, penyalahgunaan dadah, penerbitan, filem, pertubuhan, kewarganegaraan, pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI).

- Memastikan rakyat melibatkan diri dalam program-program kesedaran dan pencegahan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kesedaran dan penglibatan orang awam tentang kepentingan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

- Meningkatkan keberkesanan program-program rawatan dan pemulihan bagi penagihan dadah dan pesalah undang-undang. Tindakan-tindakan pencegahan juga dilaksanakan untuk mempastikan apa jua niat jahat, ancaman musuh dan kacau bilau dapat dibendung

- Menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan berkualiti secara cekap dan berkesan kepada pelanggan yang melibatkan urusan-urusan penting seperti pendaftaran pengenalan diri, pasport, pendaftaran pertubuhan, penerbitan, mesin cetak, agensi persendirian, senjata api, filem dan teks Al-Quran.

- Menjalin kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) serta Badan-badan Antarabangsa yang terlibat untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

- Memantapkan hubungan kerjasama dan kolaborasi dalaman antara Bahagian-Bahagian dan Jabatan / Agensi di bawah KDN.

- Memantapkan mekanisme pentadbiran, sistem pengurusan kewangan, pembangunan sumber manusia, penggunaan ICT, perolehan dan pembangunan infrastruktur dalam menyumbang kepada usaha KDN seiring dengan kemajuan teknologi, pertumbuhan sosioekonomi dan keperluan negara semasa serta pencapaian matlamat Pelan Strategik Tujuh (7) Tahun KDN (2009 – 2015)

Negara dan rakyat telah melalui tempoh transformasi selama empat tahun. Sejak Agenda Transformasi yang datang bersama gagasan "1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" diumumkan pada tahun 2009, pelbagai perubahan pesat telah dirasai oleh rakyat negara ini. Bermula dengan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), diikuti dengan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) dan disusuli Pelan Transformasi Politik (PTP), hasrat Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak adalah untuk membawa gelombang perubahan yang besar dalam pentadbiran negara agar setiap rakyat dapat merasai kemakmurannya dan negara dapat menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Tugas teras KDN adalah untuk memastikan keamanan dan keselamatan negara terjamin agar hasrat Agenda Transformasi Perdana Menteri dapat direalisasikan. Soal dan isu keamanan dan keselamatan negara tidak mungkin statik, dan kedinamikannya tentunya akan menyebabkan KDN akan terus berhadapan dengan cabaran baru dari semasa ke semasa.

Ancaman keselamatan akibat kegiatan jenayah

Ancaman pertama adalah dalam Bidang NKRA mengurangkan jenayah. Sasaran awal kerajaan adalah untuk memastikan kadar Jenayah Jalanan dikurangkan sebanyak 20 peratus dan kadar Jenayah Indeks dikurangkan sebanyak lima peratus.

Selaras dengan sasaran kerajaan membanteras peningkatan kadar Jenayah Jalanan, KDN telah bertindak meningkatkan kawalan keselamatan termasuk meletakkan anggota RELA di tempat letak kereta pusat membeli-belah dan ini menandakan bahawa KDN komited dalam mengurangkan indeks jenayah

Melalui strategi lautan biru dan pendekatan di luar kotak kebiasaan, penentuan titik panas *(hot-spots)* yang tepat, *omnipresence,* perkongsian berkesan merentasi pelbagai kementerian dan agensi, dibantu pula dengan kesungguhan warga KDN dalam melaksanakan setiap inisiatif yang dirancang, dalam tempoh hanya setahun, kadar Jenayah Jalanan telah dapat diturunkan dengan begitu drastik sehingga 37 peratus dan Jenayah Indeks pula turun sebanyak 16 peratus.

KDN mengambil langkah proaktif memantapkan kerjasama antara polis, masyarakat dan pihak berkepentingan menerusi program SafeCam Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kerjasama ini memberikan peluang kepada PDRM meningkatkan keberkesanan dalam mengurangkan jenayah dan meningkatkan tahap keselamatan khususnya di di tempat-tempat awam serta kawasan-kawasan perumahan.

Sepanjang tahun 2012, KDN telah meningkatkan kehadiran anggota ke setiap halaman baru *(new fronts)*, termasuk taman-taman perumahan dan pusat membeli belah. Kawasan di luar titik panas, termasuk kawasan yang terlindung dari *omnipresence* seperti taman perumahan dan pusat membeli belah.

Bagi memastikan kadar jenayah dapat diturunkan secara berterusan, pendampingan dengan pihak berkepentingan utama seperti Persatuan Penduduk, golongan wanita, kanak-kanak, anak muda, pemilik gedung membeli-belah, pemilik perniagaan dan operator tempat meletak kenderaan mesti dipertingkat dan diperkukuhkan agar rakyat merasa lebih selamat.

KDN turut melaksanakan Program Rondaan 1Malaysia yang disertai semua agensi di bawahnya termasuk PDRM, RELA, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Bagi mengurangkan lagi kadar Jenayah Jalanan, pengawasan telah ditingkatkan di taman perumahan dan premis perniagaan. Tumpuan juga telah diberikan bagi membanteras kegiatan pecah rumah dan rompakan di tempat meletak kenderaan.

Komitmen yang tinggi bagi mengurangkan jenayah di halaman baru ini ditunjukkan sendiri oleh Perdana Menteri semasa melancarkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan penyerahan sebanyak 1,000 unit motorsikal bagi tugas rondaan di taman perumahan dan tapak perniagaan terpilih di 150 lokasi di seluruh negara. Perdana Menteri sendiri telah memberi jaminan dengan memperluaskan lagi inisiatif ini jika terbukti kadar jenayah di kawasan perumahan dapat diturunkan dengan signifikan.

Dengan pelancaran Unit Rondaan Bermotosikal (URB) oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak pada 18 Disember 2012, ianya membuktikan bahawa kerajaan serius dan bersungguh-sungguh dalam mengurangkan kadar jenayah.

Dalam program Pemulihan Selepas Keluar Penjara misalnya, melalui pelbagai pendekatan di sepanjang tahun 2012, Jabatan Penjara telah berjaya memastikan kadar residivis kekal di bawah 10 peratus, iaitu pada kadar 7.97 peratus. Melalui Program Pemulihan Pemasyarakatan Banduan di bawah Strategi Lautan Biru Nasional bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), ia bukan sahaja membantu mengurangkan jenayah, tetapi juga membolehkan kerajaan menjimatkan kos sekitar RM200 juta untuk membina kompleks penjara baru.

***Blue Ocean Strategy* antara Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang mempersiapkan bekas penghuni dengan ilmu sahsiah yang menjadi benteng kekuatan diri agar tidak kembali melakukan jenayah selain dibekalkan dengan kemahiran yang bertauliah agar mereka mampu berdikari dan menyumbang sesuatu yang lebih bermakna untuk pembangunan negara.**

Selain Program Pemasyarakatan Banduan, Rumah Perantaraan, Sistem Parol dan Perintah Kehadiran Wajib juga banyak membantu mengurangkan kadar residivis penjara di dalam negara.

Menerusi transformasi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), pelbagai pembaharuan diperkenalkan dalam program pemulihan dan pencegahan dadah. Klinik Cure & Care 1Malaysia mencatat pertambahan kehadiran klien seramai 12,766 orang pada tahun 2012. Kajian Universiti Malaya dan Universiti Yale di Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi dan Kota Bharu pada tahun 2012 menunjukkan bahawa hampir 95 peratus klien berjaya mengurangkan craving terhadap dadah. Selain itu, *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) atau dulunya PUSPEN (Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik) telah diperkenalkan dengan modul baru berkonsepkan *Fun, Effective and Easy to Implement.*

Hasil dari program ini, seramai 500 orang klien telah dibebaskan dan daripada jumlah itu, 78.9 peratus berjaya memperolehi dan mengekalkan pekerjaan dari tempoh Mac hingga Disember 2012. Di peringkat komuniti pula, sebanyak 43 buah *Cure and Care Service Centre* (CCSC) di seluruh negara telah memberikan perkhidmatan kepada 4,994 residen dan 172,861 klien harian dan 62 buah *Caring Community House* (CCH) telah memberi khidmat kepada seramai 106,713 orang klien sehingga Disember 2012.

Ancaman akibat kegiatan jenayah merentasi sempadan

Ancaman kedua terhadap keselamatan dan keamanan negara adalah Jenayah Merentasi Sempadan. Bagi menangani ancaman ini, KDN telah meneruskan kerjasama strategik dengan negara-negara rakan seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Arab Saudi dan Bangladesh. Sesungguhnya usaha menangani jenayah rentas sempadan memerlukan kerjasama secara kolektif dan holistik di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa kerana tiada sebarang negara di dunia ini yang dapat menanganinya secara bersendirian.

Melalui Perjanjian dan Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Jenayah Rentas Sempadan, KDN telah memberi fokus terhadap jenayah tertentu secara lebih spesifik. Perjanjian dan Memorandum Persefahaman ini juga telah membuka ruang kepada penyertaan Kementerian dan Agensi Penguatkuasaan lain untuk bekerjasama dengan KDN secara bersepadu, berkongsi perspektif dan kepakaran serta tidak lagi bekerja secara berasingan.



Pada 2 Ogos 2012, KDN yang mewakili Malaysia telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Republik Rakyat China dalam usaha memerangi jenayah rentas sempadan. Perjanjian tersebut merupakan dokumen kerjasama keselamatan keempat yang dimeterai Malaysia dengan rakan strategik asing iaitu Arab Saudi, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

KDN merupakan agensi peneraju dalam usaha negara menangani ancaman pemerdagangan orang dan penyeludupan migran terutama dalam aspek penguatkuasaan. Bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan di sempadan negara, Sistem Penguatkuasaan Dan Pendaftaran (Biometrik) Warganegara Asing Nasional Atau Sistem NERS telah dikuat kuasakan di 64 pintu Masuk dan Keluar Negara.

Negara juga mempunyai perundangan khusus untuk memastikan sindiket dan agen yang terlibat dalam jenayah ini dapat dibawa ke muka pengadilan kerana mengaut keuntungan di atas penderitaan dan penganiayaan terhadap individu yang tidak berdosa.

Pada waktu yang sama, kerajaan Malaysia amat prihatin terhadap aspek perlindungan mangsa pemerdagangan manusia. Atas sebab kemanusiaan, pada 11 Januari 2012 kerajaan telah membenarkan mangsa kes pemerdagangan orang, terutama dalam mangsa kes eksploitasi buruh untuk tinggal dan bekerja di negara ini. Pelaksanaan dasar ini penting kerana ia merupakan elemen kritikal dalam usaha Malaysia untuk meningkatkan tahap perkhidmatan dalam aspek perlindungan berlandaskan *'victim centered approach'* terhadap mangsa pemerdagangan orang di negara ini.

Satu lagi bentuk ancaman jenayah rentas sempadan yang serius adalah jenayah siber yang melibatkan eksploitasi data dan kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Penjenayah siber hari ini semakin licik. Sepanjang tahun 2012 sahaja terdapat sejumlah 4,564 kes dalam bentuk pencerobohan, penggodaman, serangan kod

berbahaya dan spam yang melibatkan jumlah kerugian sebanyak RM 94 juta.

Penjenayah siber turut menggunakan peralatan teknologi maklumat seperti komputer dan pencetak bagi memalsukan dokumen seperti matawang, cek dan pasport. Jika jenayah siber ini tidak ditangani dengan baik dan bersungguh-sungguh, ia boleh menjejaskan keamanan dan ketenteraman negara pada masa akan datang, termasuk meruntuhkan sistem ekonomi, institusi dan prasarana. Menyedari hakikat ini, Bahagian Keselamatan Siber, KDN telah ditubuhkan bagi menghadapi ancaman serangan siber yang semakin canggih dan berubah-ubah.

Ancaman akibat ketiadaan dokumen pengenalan diri

Ketiadaan dokumen pengenalan diri merupakan ancaman ketiga terhadap keselamatan negara. Tanpa pengenalan diri, akan ada rakyat yang terpinggir dan tersisih dari pendidikan dan pembangunan negara. Negara bukan sahaja akan kehilangan potensi modal insan, tetapi juga akan mengakibatkan permasalahan sosial yang berpanjangan.

YB Timbalan Menteri Dalam Negeri menyampaikan Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri

Di sepanjang tahun 2012, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sekali lagi berjaya merealisasikan KPI Menteri Dalam Negeri dan Ketua Setiausaha KDN dalam menyelesaikan permohonan Daftar Lewat Kelahiran dengan pencapaian sebanyak 100% daripada keseluruhan 23,719 permohonan. Pada waktu yang sama, JPN juga telah banyak membuat penambahbaikan dan pembaharuan dalam sistem penyampaian perkhidmatan melalui pengenalan prosedur baru Pendaftaran Kematian dengan menggabungkan dokumen Pendaftaran Kematian dan Permit mengubur, mewujudkan Sijil Kelahiran yang berbeza warna bagi kanak-kanak warganegara dan bukan warganegara, mempergiatkan program turun padang dan memperkenalkan perkhidmatan permohonan Gantian MyKad secara Dalam Talian *(Online)* dan *"Phone-In"*. Kesemuanya adalah demi kemudahan dan keselesaan rakyat, sesuai dengan hasrat gagasan 1Malaysia untuk mendahulukan rakyat dalam segala aspek.

Ancaman keganasan dan gangguan terhadap ketenteraman awam

Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa inisiatif Program Transformasi Politik (PTP) yang melibatkan pembatalan tiga Proklamasi Darurat, pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Kediaman Terhad dan Akta Buang Negeri, dan Penggubalan Akta Perhimpunan Aman termasuklah pemindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.
Bagi menggantikan ISA, Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 telah diperkenalkan. Perdana Menteri turut mengumumkan pemansuhan Akta Hasutan 1948 yang akan digantikan dengan Akta Keharmonian Nasional bagi melengkapkan fasa pertama PTP. Dengan Akta-akta dan peruntukan undang-undang sedia ada, kerajaan memberi jaminan untuk tidak berkompromi terhadap sebarang ancaman keganasan serta gugatan terhadap keselamatan rakyat dan negara.

Inisiatif transformasi politik ini telah menunjukkan hasil yang positif dalam perhimpunan yang diadakan pada 12 Januari 2013. Perhimpunan 12 Januari ini telah menguji kewibawaan Akta Perhimpunan Aman 2012. KDN mendapati pihak berkuasa dan penganjur dapat menghayati kehendak akta ini. Tidak ada sebarang insiden buruk yang berlaku dan perhimpunan dapat dilaksanakan dengan aman tanpa sebarang ancaman terhadap keselamatan negara. Pada waktu yang sama, begitu banyak penghargaan diberikan kepada pihak PDRM kerana berjaya menjaga keselamatan dan ketenteraman awam semasa berlangsungnya perhimpunan tersebut sekali gus, ia telah memulihkan persepsi orang ramai terhadap PDRM.

Gelombang kesukarelaan untuk keamanan dan memerangi jenayah

Menyedari bahawa lebih banyak lagi anggota masyarakat perlu dilibatkan bagi membantu memastikan keselamatan dan keamanan negara, salah satu komitmen utama KDN pada tahun 2012 adalah untuk menggerakkan gelombang kesukarelaan melalui pasukan RELA, JPAM, AADK dan PDRM. Atas komitmen ini, Skuad Muda KDN telah ditubuhkan bagi memberikan seluas-luasnya platform kepada golongan muda melibatkan diri dalam kegiatan

kesukarelaan. Sesuai dengan namanya, Skuad Muda KDN bersifat inklusif dan membuka penglibatan kepada seramai mungkin anak muda, bukan sahaja dari pasukan Rela, JPAM, AADK dan SUKSIS, tetapi sesiapa sahaja dari dalam KDN dan di luar KDN.

Menerusi Skuad Muda KDN, kita mahu pemimpin-pemimpin muda terlibat dari peringkat awal lagi, iaitu di peringkat memberi input, merancang dan melaksanakan program yang sesuai dengan jiwa dan minat mereka. Dari segi jumlah, terdapat sekitar 850,000 sukarelawan muda terlatih di dalam RELA, 200,000 di dalam JPAM, 90,000 di dalam AADK dan 2,000 di dalam SUKSIS. Jumlah ini sahaja membentuk RM 1.14 juta orang sukarelawan muda berumur 18 – 25 tahun. Ini belum termasuk sukarelawan-sukarelawan muda dari pelbagai jabatan dan agensi di dalam dan di luar KDN yang mempunyai pelbagai bakat dan kemahiran masing-masing.

Jumlah sukarelawan RELA, JPAM, AADK, PVR dan Skuad Muda KDN telah melebihi 3.7 juta orang. Dengan jumlah seramai 3.7 juta sukarelawan, termasuk 1.14 juta terdiri daripada golongan muda, KDN mempunyai cukup tenaga bagi memerangi jenayah dan juga menyokong keamanan. Menerusi slogan *`We Want Peace'* dan '*United Against Crime'* gerakan ini dapat membantu mengurangkan lagi kadar jenayah di dalam negara ini seterusnya menyumbang ke arah gerakan keamanan yang berterusan.

Penubuhan Skuad Muda KDN memberikan ruang kepada golongan belia melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti berfaedah di samping menggerakkan gelombang kesukarelaan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak.

Indikator kejayaan KDN dalam memastikan keselamatan dan keamanan negara

Indikator kejayaan KDN di dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara melalui semangat 1KDN.

i. Indeks Keamanan Global – Malaysia merupakan negara paling selamat dan paling aman di Asia Tenggara, negara ke-4 paling selamat di rantau Asia Pasifik dan negara ke-20 paling selamat di seluruh dunia.

ii. Laporan *World Justice* 2012 – Malaysia di tempat paling selamat di kalangan 30 Negara Berpendapatan Sederhana Atas dan ke-16 paling selamat di dunia, mengatasi kedudukan Amerika Syarikat dan Great Britain.

iii. *World Economic Forum Global Competitiveness Report* 2012 - Malaysia di tempat tertinggi dalam Ekonomi Membangun Asia walaupun kedudukan jatuh daripada tempat ke-21 ke tempat ke-25

iv. *Crime NKRA International Panel Review* ('IPR') yang terdiri daripada pakar penguatkuasaan undang-undang dan pembasmian jenayah dari AS, UK, Hong Kong dan Singapura menyatakan bahawa 'apa yang dicapai Malaysia dalam tempoh 12-18 bulan mungkin hanya akan dicapai selepas beberapa tahun pelaksanaan oleh negara lain'

v. *Safe City Monitoring System* (SCMS) – Malaysia menerima *Special Achievement in GIS Award* dari *Enviromental System Research Intitute* (ESRI) dan *"Future City of The Year* 2012 " dari Future GOV Summit.

Kesemua pengiktirafan ini menunjukkan bahawa KDN telah melakukan sesuatu yang betul untuk memastikan keamanan negara dan keselamatan rakyat negara ini.

SEKTOR
KETUA SETIAUSAHA

BAHAGIAN

PERANCANGAN STRATEGIK

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

1.0 PENGENALAN

YAB Perdana Menteri menerapkan kaedah konstruktif Strategi Lautan Biru Kebangsaan [*National Blue Ocean Strategy (NBOS)*] dalam pentadbiran Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat.

NBOS merupakan model yang unik berdasarkan pendekatan pengolahan semula Strategi Lautan Biru [*Blue Ocean Strategy (BOS)*] yang disuntik dengan idea dan khidmat nasihat Prof. W. Chan Kim, ahli penasihat Kesatuan Eropah dan penasihat di beberapa buah negara.

Model ini mengejar pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sambil mengekalkan kadar cukai yang rendah. Pertumbuhan inklusif dan saksama adalah sangat penting, sejajar dengan pengagihan pendapatan yang saksama. Pembangunan model negara meningkatkan hasil melalui pembinaan semula sempadan konvensional, dan ia bermula dengan pengetahuan bahawa sumber negara yang belum diterokai menunggu untuk digunakan merentasi sempadan konvensional dalam negara.

Kaedah NBOS yang antaranya terdiri daripada Nilai Inovasi, Proses Adil dan Kepimpinan Fokus Keutamaan, telah memainkan peranan penting dalam merangka dan melaksanakan model Malaysia yang unik melalui Sidang Kemuncak NBOS. Sidang Kemuncak NBOS mewujudkan persekitaran ikatan emosi di antara agensi-agensi Kerajaan. Ikatan ini adalah penting bagi meningkatkan kerjasama tanpa sempadan dalam melaksanakan projek nasional.

YAB Perdana Menteri merumuskan bahawa model Malaysia yang unik harus inklusif dan memberi manfaat kepada setiap rakyat Malaysia tanpa mengira umur, jantina atau bangsa.

Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Politik (PTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan beberapa program transformasi lain merupakan usaha kohesif Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi yang harmoni dan progresif. Bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan negara maju berpendapatan tinggi tercapai, program-program transformasi ini dipacu menggunakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) (Gambaran 1).

Strategi ini menggunakan sumber dari sektor Kerajaan mahu pun sektor swasta sama ada sedia ada ataupun belum diterokai, agar matlamat Negara dicapai dengan kos yang minimum, berimpak besar dan dilaksanakan dengan segera.

Strategi Lautan Biru Kebangsaan: Struktur Kebangsaan

GAMBARAN 1: Strategi Lautan Biru Negara Dalam Struktur Pelaksanaan Dasar Negara

YAB Perdana Menteri secara rasminya mengaplikasikan konsep NBOS pada tahun 2009 dengan memperkenalkan beberapa inisiatif dan strategi baru dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Inisiatif NBOS bermula dengan fokus Kerajaan dalam meningkatkan keselamatan negara menggunakan usaha dan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan.

Seterusnya, pendekatan holistik digunakan untuk mempercepatkan pembangunan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat dengan mewujudkan rangkaian perniagaan strategik di antara kawasan bandar dan luar bandar. Usaha ini diteruskan dengan mewujudkan kejiranan dan masyarakat penyayang serta melibatkan masyarakat secara aktif demi kemakmuran negara.

Daripada 2009 sehingga akhir tahun 2012, hampir 50 inisiatif NBOS telah diperkenalkan. Kerajaan dari masa ke semasa akan memperkenalkan inisiatif NBOS baru agar lebih ramai pihak mendapat manfaat daripada kebaikan yang dibawa melalui NBOS dalam mencapai pembangunan negara mampan dan kesejahteraan masyarakat.

Selain program-program transformasi untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi yang harmoni dan progresfi, matlamat Kementerian Dalam Negeri juga dirangka untuk mencapai wawasan 2020. Matlamat utama Kementerian Dalam Negeri adalah untuk memelihara negara agar selamat dan sejahtera *(safety and security)*. Matlamat ini bersandarkan teras-teras strategik Kementerian Dalam Negeri yang turut dipacu menggunakan kaedah NBOS (Gambaran 2).

Strategi Lautan Biru Kebangsaan: Struktur Kementerian Dalam Negeri



GAMBARAN 2: Strategi Lautan Biru Kebangsaan Dalam Struktur Pelaksanaan Dasar Negara Oleh Kementerian Dalam Negeri

2.0 PENCAPAIAN KERJA

Peranan Kementerian Dalam Negeri dalam Strategi Lautan Biru Kebangsaan bermula pada tahun 2009. Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 15 penglibatan signifikan Kementerian Dalam Negeri dalam pelan Strategi Lautan Biru Kebangsaan sama ada sebagai peneraju mahu pun ahli projek.

1. NBOS 1: Penempatan anggota polis dari tugasan perkeranian kepada rondaan keselamatan *(Shifting police officers from desk duties to street patrols)*
   - Tambahan 7,402 anggota polis telah ditugaskan untuk rondaan keselamatan dan 4,279 penjawat awam telah dilantik untuk mengendalikan tugasan perkeranian dan pentadbiran.

2. NBOS 2: Pemulihan penjenayah kecil di kem-kem tentera *(Rehabilitating petty criminals in military camps)*
   - 5 kem tentera telah digunakan untuk menjalankan Program Pemulihan Pemasyarakatan (PPP) [*Community Rehabilitation Program (CRP)*] kepada banduan bagi meningkatkan kemahiran dan peluang untuk menampung diri sendiri apabila kembali kepada masyarakat.
   - 3,390 Orang Diselia (ODS) menyertai PPP telah selesai menjalani hukuman.

3. NBOS 2: Latihan polis menggunakan kemudahan tentera (*Training of police using military facilities*)
   - Seramai 1,000 anggota polis telah menjalani latihan selama 6 bulan di Pusat Latihan Tentera Darat (PUSASDA), Port Dickson semenjak 23 Jun 2012.

4. NBOS 2: Pengambilan bekas anggota tentera oleh PDRM *(Recruitment of veterans by PDRM)*
   - 100 orang bekas anggota tentera telah diambil sebagai konstabel polis dan konstabel polis tambahan telah selesai menjalani latihan selama 3 bulan semenjak 26 Ogos 2012.

5. NBOS 2: Rondaan bersama oleh anggota polis, tentera dan anggota keselamatan lain *(Joint patrol by the police, military and other security forces)*
   - Seramai 712 anggota polis dan 392 anggota tentera menjalankan rondaan bersama di sekitar Negeri Sembilan, Perak, Johor, Kelantan, Pulau Pinang,

Selangor, Sabah, Sarawak dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

6. NBOS 2: Meningkatkan kehadiran polis secara kreatif *(Creative multiplication of police presence)*
   - Seramai 100,000 anggota menjalankan rondaan keselamatan bersama di antara pihak PDRM, JPAM, RELA, ATM, pihak berkuasa tempatan dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang melibatkan 152 daerah polis.
   - 320 buah kereta peronda polis menggunakan lampu mata arah dan pembesar suara untuk mengumumkan kehadiran polis di 4 buah negeri kawasan panas dan akan diperluaskan ke negeri-negeri panas yang lain.
   - 10,520 anggota polis memakai jaket keselamatan LED di 4 negeri kawasan panas.
   - 500 buah sekolah di seluruh negara ditingkatkan langkah keselamatan dengan melaksanakan konsep *Blue & Green* di mana 861 anggota polis bersama 422 anggota RELA menjalankan rondaan.

7. NBOS 2: Menggerakkan Pasukan Gerakan Am menangani jenayah di kawasan Bandar *(Sharing of resources and responsibilities between ATM and PDRM)*
   - Op WAWASAN dan Op NYAH 1 yang dijalankan oleh Pasukan Gerakan Am untuk mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin dan penyeludupan manusia di sempadan Negara diserahkan kepada Angkatan Tentera Malaysia secara rasmi pada November 2010.
   - Op WAWASAN dan Op NYAH 1 diserahkan semula kepada Pasukan Gerakan Am pada 15 Mei 2012

8. NBOS 3: Nilai tambah tinggi pertanian di atas tanah AADK yang tidak digunakan *(Engaging rural labour for high value-added economic activities on unused Government louds)*
   - 5 Institusi Pemulihan AADK menjalankan aktiviti-aktiviti nilai tambah ekonomi disamping merawat dan memulihkan penagih dadah melalui konsep *'work therapy'*

9. NBOS 4: Transformasi kehidupan luar Bandar melalui Pusat Transformasi Luar Bandar [*Transforming rural lives through Rural Transformation Centres (RTCs)*].
   - 3 buah RTC telah ditubuhkan di Gopeng, Perak; Kuala Linggi, Melaka dan Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

10. NBOS 6: Meningkatkan kualiti hidup melalui Transformasi Pusat Bandar [*Enhancing quality life through Urban Transformation Centres (UTCs)*]
    - 2 buah UTC telah ditubuhkan di Jalan Hang Tuah, Melaka; dan Pudu Sentral, Kuala Lumpur.

11. NBOS 6: Menangani isu-isu di perumahan kos rendah oleh RELA dan tentera *(Addressing low-cost housing issues by RELA and military)*
    - RELA telah menerajui dan melaksanakan program Gotong Royong di 24 kawasan perumahan kos rendah yang dijayakan bersama oleh penduduk dan pelbagai agensi Kerajaan seperti Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Kesihatan, pihak berkuasa tempatan serta agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.
    - Perkhidmatan sehenti seperti pemeriksaan kesihatan, memperbaharui MyKad, pendaftaran sukarelawan, BR1M turut disediakan selain pameran produk-produk dan perkhidmatan Kerajaan.
    - Dianggarkan seramai 17,000 penduduk mendapat manfaat daripada program ini dan seramai 621 belia telah berdaftar sebagai sukarelawan 1M4U semasa program tersebut dijalankan.

12. NBOS 6: RELA membaiki dan membersihkan kawasan rumah panjang dengan kepakaran kejuruteraan tentera *(RELA members maintaining and cleaning up longhouse areas with the engineering support of military)*
    - 13 program Gotong Royong di kawasan rumah panjang telah dilaksanakan melibatkan penduduk tempatan, NGOs dan pelbagai agensi Kerajaan seperti RELA, PDRM, Angkatan Tentera Malaysia serta pihak berkuasa tempatan.

Majlis Pelancaran 1MOCC

13. NBOS 6: Memanfaatkan NGO untuk mengerakkan sukarelawan dalam program penanaman pokok *(Leveraging NGOs to mobilize volunteers for tree planting)*
    - 6 aktiviti penanaman pokok telah diadakan melibatkan penduduk tempatan, NGO dan pelbagai agensi seperti RELA, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan pihak berkuasa tempatan.
    - Dianggarkan seramai 5,000 penduduk mendapat manfaat daripada program ini dan 182 belia telah berdaftar sebagai sukarelawan 1M4U.

14. NBOS 7: Mengindahkan kejiranan *(My Beautiful Neighbourhood)*
    - Sumber-sumber daripada pelbagai Kerajaan Persekutuan dan negeri serta sektor swasta dimanfaatkan bagi mengindahkan dan mengekalkan tempat-tempat awam dengan melibatkan penduduk, pelajar dan pelbagai agensi seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Belia dan Sukan, RELA, JPAM dan pihak berkuasa tempatan.

15. NBOS 7: Kempen 1Aman *(1Aman Campaign)*
    - Projek perintis *Go To Safety Points* telah dijalankan di Bukit Bintang dengan penglibatan *7-Eleven* dan Pos Malaysia Berhad.
    - Seramai 152 anggota polis wanita telah dilantik dan dilatih sebagai "Amanita" agar langkah keselamatan di kawasan kejiranan ditingkatkan dengan kerjasama kaum wanita khususnya suri rumah.

16. NBOS 7: Pusat Panggilan 1Malaysia *(1Malaysia One Call Centre)*
    - Pusat panggilan sehenti bagi perkhidmatan Kerajaan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 November 2012.
    - Agensi yang terlibat dalam pelaksanaan awal inisiatif ini terdiri daripada Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

17. NBOS 8: Kepolisan Lautan Biru *(Blue Ocean Policing)*
    - Inisiatif ini bertujuan untuk mengukuhkan keyakinan orang awam dalam keselamatan dengan memperluaskan lagi inisiatif Kepolisan Beruniform dan Kepolisan Awam. Kejayaan inisiatif yang dilaksanakan di bawah NBOS 1, 2 dan NBOS 7: 1Aman dikembangkan di bawah inisiatif ini.

18. NBOS 8: 1Malaysia Komuniti Perwani
    - Kementerian Dalam Negeri menyokong program *Purple Walk* yang diadakan pada 17 Mac 2013 di bawah program 1Malaysia Komuniti Perwani yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

19. NBOS 8: Pusat Transformasi Komuniti Bergerak *[Mobile Community Transformation Centers (Mobile TCS)]*
    - Pusat Transformasi Komuniti Bergerak dilancarkan pada 1 Mac 2013

20. Malaysiaku Indah *(My Beautiful Malaysia)*
    - Kementerian Dalam Negeri serta agensi-agensi terut menjayakan program Malaysiaku Indah pada 3 Februari 2013 yang diadakan di 390 lokasi di seluruh Malaysia

3.0 PENUTUP

Kaedah Strategi Lautan Biru antaranya seperti Nilai Inovasi, Proses Adil dan Kepimpinan Fokus Keutamaan serta memecah mentaliti silo dalam melaksanakan tugas harus diamalkan oleh setiap warga Kementerian Dalam Negeri. Kaedah ini dapat memastikan agar perkhidmatan Kementerian Dalam Negeri kepada rakyat dapat disampaikan secara berkesan dan optimum.

KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

Kajian dan penyelidikan dalam isu-isu keselamatan merupakan salah satu kaedah dalam menjamin kualiti dan kecekapan tadbir urus keselamatan dalam negeri di semua peringkat sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Ia merupakan pendekatan akademik melalui hasil penemuan dan rumusan kajian-kajian penyelidikan yang lengkap, inovatif, progresif, mampan dan saintifik serta relevan dengan perubahan semasa. Hasil kajian dan penyelidikan dapat digunakan sebagai rujukan perancangan dan pengurusan keselamatan bagi kesejahteraan rakyat.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Perancangan Strategik telah mengenal pasti kajian dan penyelidikan yang menjurus kepada isu-isu berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam dengan rakan pintar dalam negara dengan memberi penumpuan kepada isu-isu jenayah merentas sempadan, warga asing dan pendatang asing tanpa izin, pengharapan masyarakat, persepsi negatif, sentimen perkauman serta jenayah. Buat permulaan, Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan perbincangan bersama 5 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti berikut untuk bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri:

1. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA);
2. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
3. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP);
4. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS); dan
5. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Usaha ini adalah sebagai langkah memperkasakan Kementerian Dalam Negeri sebagai sebuah Kementerian yang serius dan komited dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam.

FOCUS GROUP ON SAFETY AND SECURITY (FGSS)

Focus Group on Safety and Security (FGSS) lahir daripada Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) pada Julai 2012 dalam usaha Kerajaan meningkatkan pengurusan keselamatan terutamanya berkaitan komuniti perniagaan. FGSS dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh 4 orang ahli PEMUDAH serta beberapa agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta dan persatuan berkaitan yang dipilih berdasarkan isu yang akan dibincangkan dalam setiap mesyuarat FGSS.
FGSS dipertanggungjawabkan:

i. Mengenal pasti, mengukur dan mencadangkan tindakan penyelesaian isu-isu keselamatan yang menjejaskan komuniti perniagaan dari segi reputasi negara, kutipan hasil, kos menjalankan perniagaan dan pelaburan;
ii. Melindungi hak asasi manusia, maruah dan orang awam daripada produk dan amalan tidak selamat;
iii. Meningkatkan keselamatan negara dan keselamatan untuk melindungi kehidupan manusia, hak dan maruah, reputasi negara dan harta dan aset; dan
iv. Menggalakkan penglibatan masyarakat perniagaan dan sumbangan yang bersatu menentang kepakaran jenayah contohnya, naungan, tajaan, kemudahan, perhubungan awam, berkomunikasi inisiatif memerangi jenayah.

Mesyuarat FGSS telah dijalankan buat pertama kalinya pada bulan November 2012 bersama PEMUDAH, PEMANDU dan agensi Kerajaan serta dan beberapa persatuan perniagaan penting ahli seperti *American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM), Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)*, Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM), *Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB), Malaysian Retailers Association (MRA), Malaysian American Electronics Industry (MAEI).*

Mesyuarat FGSS 1/ 2012 pada 23 November 2012.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Sebagai usaha untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan, Kerajaan telah memberi penekanan kepada sistem pengurusan prestasi berasaskan outcome. Penilaian ini dapat direalisasikan melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk inisiatif dan program yang dilaksanakan. Keberkesanan KPI dapat dinilai melalui pelaksanaan proses kerja yang membantu pencapaian outcome dan impak yang seterusnya membawa kepada keberhasilan.



KPI Menteri Dalam Negeri Tahun 2012

Sejumlah 10 KPI yang dipantau oleh setiap Bahagian / Jabatan / Agensi yang terlibat telah dikenal pasti untuk menyumbang kepada pencapaian KPI Menteri Dalam Negeri (KPI MKDN) [5 KPI] dan Ketua Setiausaha (KPI KSU) [10 KPI]. KPI MDN yang diwujudkan adalah bagi meneruskan kesinambungan pemantauan prestasi teras, objektif dan matlamat Kementerian manakala KPI KSU yang diwujudkan mengandungi tiga komponen utama yang merangkumi tanggungjawab secara berkelompok untuk agensi; tanggungjawab pegawai secara spesifik; dan keberkesanan peribadi pegawai. Pemantauan ke atas pencapaian KPI dilaksanakan melalui dashboard KPI KDN daripada PEMANDU dan Laporan Pencapaian Prestasi KSU KDN yang dikemukakan kepada JPA.



KPI Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Tahun 2012

Secara umumnya KDN telah mencapai setiap sasaran KPI MDN kecuali satu bagi tahun 2012. Walaupun begitu prestasi Kementerian tetap membanggakan kerana mengekalkan pencapaian hampir 100% permohonan telah diproses terhadap 3 KPI utama iaitu Permit Masuk, Daftar Lewat Kelahiran dan Kewarganegaraan dari tahun 2008 dan 100% pada tahun 2012. Satu lagi pencapaian yang membanggakan ialah KDN telah melebihi sasaran untuk

menambah jumlah keahlian RELA pada tahun 2012 iaitu 137, 234 org dari sasaran 100,000.

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK AGENSI

Bersesuaian dengan peranan KDN sebagai peneraju utama pengurusan keselamatan dalam negeri, KDN telah menyediakan satu Pelan Strategi 5 Tahun (2011-2015) bagi membangunkan dan memantapkan lagi perkhidmatan agensi.

Pelan Strategik 5 Tahun KDN ini merangkumi 8 teras utama iaitu:

1. Keselamatan
2. Komuniti
3. Perkhidmatan Cemerlang
4. Warga Cemerlang
5. e-KDN
6. 1KDN
7. Penyelidikan & Pembangunan
8. Pemantapan Dasar

Bagi tahun 2012, selari dengan peralihan kepimpinan di KDN, kajian semula Pelan Strategi 5 tahun telah dimulakan. Kajian semula tersebut diharap akan memperkasakan lagi Pelan Strategik Kementerian bagi tahun 2013 ke tahun 2018. Pelan tersebut secara umumnya merangkumi teras-teras yang di semak semula seperti berikut:

1. Keselamatan Awam
2. Penyampaian Perkhidmatan
3. Keselamatan Sempadan
4. Kerjasama Keselamatan Global

Antara perkara yang telah diambil kira dalam kajian semula pelan strategik tersebut ialah:

1. pembentukan/ penyemakan semula pernyataan visi dan misi;
2. analisis cabaran persekitaran dalaman dan luaran;
3. analisis kehendak pelanggan dan stakeholders;
4. pengenalpastian isu-isu strategik;
5. penentuan objektif strategik organisasi;
6. penggubalan pelan tindakan; dan
7. penyediaan dokumen pelan strategik.

BAHAGIAN

PENASIHAT UNDANG-UNDANG

BAHAGIAN
PENASIHAT UNDANG-UNDANG

1.0 PENGENALAN

Bahagian Penasihat Undang-undang adalah Bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia undang-undang yang berada di bawah tanggungjawab KDN. Ia bertindak bukan sahaja sebagai Penasihat Undang-Undang Kementerian tetapi turut mengendalikan kes-kes mahkamah bagi pihak Kementerian terutama yang melibatkan Undang-Undang Pencegahan.

2.0 FUNGSI

Bahagian ini berperanan memberi khidmat nasihat perundangan kepada 27 Bahagian dan 9 Agensi dibawahnya serta bertindak di dalam perbicaraan kes-kes yang melibatkan Undang-Undang Pencegahan yang difailkan di Mahkamah termasuklah saman pemula, deklarasi dan lain-lain lagi.

2.1 Unit Penasihat

Fungsi utama unit ini ialah untuk menyemak dokumen-dokumen kontrak dan memberikan pendapat undang–undang berkaitan perkara-perkara yang melibatkan Kementerian. Unit ini diketuai oleh Peguam Kanan Persekutuan dan dibantu oleh Peguam Persekutuan. Unit ini memberi keutamaan di dalam menyemak dokumen-dokumen berkaitan kontrak yang mana melibatkan Kementerian atau Agensi-Agensi di bawah Kementerian; yang menjadi pihak–pihak kepada kontrak tersebut. Selain itu, unit ini juga turut memberikan pandangan dan nasihat perundangan secara lisan di dalam keadaan–keadaan tertentu yang memerlukan tindakan segera, terutamanya di dalam kes-kes mudah; yang mana ianya telah dirujuk ke Unit ini secara lisan mahupun bertulis. Namun begitu, pendapat dan nasihat juga diberikan secara bertulis bagi kes-kes yang kompleks yang memerlukan kajian spesifik dan konsultansi.

Unit ini juga dipertanggungjawabkan dalam memberi nasihat yang spesifik berkaitan perkara-perkara disiplin memandangkan Ketua Unit ini merupakan ahli bagi Lembaga Penasihat Disiplin di peringkat Kementerian dan Agensi. Selain daripada itu, Unit ini juga bertanggungjawab dalam memberikan ceramah-ceramah berkaitan perkara-perkara atau isu-isu perundangan dalam mana-mana kursus atau bengkel yang dianjurkan oleh Kementerian atau Agensi-Agensi di bawah Kementerian.

Unit ini telah membuat semakan kontrak yang diterima sebanyak 509 buah kontrak dari bulan Januari 2012 hingga Disember 2012.

2.2 Unit Mahkamah

Unit Mahkamah diketuai oleh Penasihat Undang–Undang Kementerian sendiri iaitu Tuan Othman bin Yusof dan dibantu oleh pegawai paling kanan di Pejabat Penasihat Undang–Undang yang terdiri daripada Peguam Kanan Persekutuan dan seterusnya Peguam–Peguam Persekutuan. Tugas utama unit ini ialah untuk mempertahankan apa jua keputusan Kementerian yang telah dicabar mana-mana Mahkamah samaada dari aspek jenayah mahupun sivil. Sebanyak 70% daripada kes-kes yang diuruskan oleh Unit Mahkamah adalah terdiri daripada permohonan untuk writ *Habeas Corpus.*

2.3 Unit Gubalan

Fungsi utama Unit ini termasuklah mengubal undang–undang baru atau membuat pindaan memberikan cadangan pindaan bagi undang–undang sedia ada yang mana di bawah bidang kuasa Kementerian. Unit ini juga turut membantu pihak Kementerian dan agensi–agensi di bawahnya dalam membuat kajian ke atas sesuatu undang–undang itu. Antara tugasan yang penting yang telah dilaksanakan oleh Unit ini adalah terlibat secara langsung dalam kajian ke atas ke semua Undang–Undang Pencegahan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Unit ini juga memainkan peranan dalam menyemak dan menyediakan dokumen–dokumen perundangan bagi tujuan penerbitan dalam Warta Kerajaan dan perlu memastikan semua Rang Undang–Undang yang dicadangkan dihantar ke Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara adalah memenuhi kesemua piawaian Bahagian tersebut, sepertimana yang tercatat dalam Pekeliling Peguam Negara (rujukan PN.(G)15) bertarikh 8 Disember 1997. Selain itu Unit ini juga perlu memastikan bahawa Undang–Undang yang digubal itu memenuhi kehendak dan dasar Kementerian.

Bagi tahun 2012, Unit ini telah berjaya menggubal undang-undang yang berikut:

i. Akta Perhimpunan Awam 2012
ii., Akta Polis (Pindaan) 2012
iii. Akta Mesin Cetak (Pindaan) 2012
iv. Akta Kesalahan-kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012
v. Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012
vi. Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012

2.4 Unit Sivil

Unit ini membantu Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara mengendalikan kes-kes sivil yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri seperti kes kemalangan, kes kontrak dan kes timbangtara. Unit ini juga menyediakan laporan bagi sesuatu kes, mendapatkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan bahagian–bahagian untuk tujuan bicara dan menyediakan pliding-pliding yang berkaitan dengan bicara.

Selain itu, unit ini juga mengendalikan kes-kes sivil bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

2.5 Unit Antarabangsa

Unit ini baru diwujudkan bagi menyemak dan memberi nasihat berkenaan *Memorandum of Understanding* (MoU), Triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa.

3.0 LAPORAN BAHAGIAN

3.1 Jumlah Semakan Draf Perjanjian

BULAN	JUMLAH PERJANJIAN
JAN	52
FEB	42
MAC	23
APRIL	20
MEI	65
JUN	25
JULAI	27
OGOS	47
SEPTEMBER	40
OKTOBER	46
NOVEMBER	47
DISEMBER	75
JUMLAH	**509**

3.2 Statistik Semakan Draf Perjanjian



3.3 Jumlah Kes *Habeas Corpus* Yang Dikendalikan

BULAN	JUMLAH KES YANG DIKENDALIKAN
JAN	33
FEB	30
MAC	14
APRIL	15
MEI	16
JUN	28
JULAI	14
OGOS	25
SEPTEMBER	10
OKTOBER	24
NOVEMBER	16
DISEMBER	24
JUMLAH KESELURUHAN	**249**

3.4 Statistik Kes *Habeas Corpus* Yang Dikendalikan



Antara kes-kes bicara yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri adalah seperti berikut:

i. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (LLPK);
ii. Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 (POPOC);
iii. Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 (DD)
iv. Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)

3.5 Jumlah Pandangan Undang-undang

BULAN	JUMLAH PANDANGAN
JAN	4
FEB	9
MAC	4
APRIL	3
MEI	6
JUN	6
JULAI	6
OGOS	3
SEPTEMBER	3
OKTOBER	5
NOVEMBER	2
DISEMBER	5
JUMLAH KESELURUHAN	56

3.6 Statistik Pandangan Undang-Undang



3.7 Mesyuarat/ aktiviti anjuran Pejabat Penasihat Undang-undang

Mesyuarat Pengurusan Bahagian Penasihat Undang-Undang bulan Oktober 2011

Mesyuarat berkenaan kes Langkah- Langkah Pencegahan Khas (LLPK)

BAHAGIAN
AUDIT DALAM

BAHAGIAN AUDIT DALAM

1.0 PENGENALAN

Peranan dan tanggungjawab Bahagian Audit Dalam ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 dan Surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 5 Mei 2009. Bahagian ini diketuai oleh Juruaudit Gred W54 sebagai Ketua Audit Dalam yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri.

2.0 FUNGSI BAHAGIAN AUDIT

Bahagian Audit Dalam adalah bertanggungjawab untuk:-

- mengkaji keboleh percayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman;
- mengkaji tahap pematuhan terhadap dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
- mengkaji program/aktiviti diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan;
- mengkaji aset dan kepentingan dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;
- memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk ICT;
- melaporkan hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan bagi perkara yang dibangkitkan;
- menyediakan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam;
- menyediakan pemerhatian Audit kepada pihak pengurusan Kementerian/Jabatan/Agensi; dan
- membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta Jawatankuasa Audit.

3.0 PENCAPAIAN KERJA

Bahagian Audit Dalam telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Rancangan Audit 2012. Perancangan dan pencapaian kerja tahunan bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di Jadual 1 berikut:

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	TAHUN 2012		TAHUN 2011	
		RANCANG	CAPAI	RANCANG	CAPAI
1.	Pengurusan Kewangan	297	242	39	34
2.	Prestasi	9	8	16	4
3.	Khas/Siasatan	10	9	-	36
4.	Fokus Audit	-	-	162	124
5.	Akaun Amanah	12	12	-	11
6.	Penampilan Audit/Pemeriksaan Mengejut	-	-	-	33
JUMLAH		328	271	217	242

(JADUAL 1 : PERANCANGAN DAN PENCAPAIAN KERJA TAHUNAN 2011 DAN 2012)

4.0 JAWATANKUASA AUDIT

Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya Jawatankuasa Audit ditubuhkan di peringkat Kementerian Persekutuan dan peringkat Kerajaan Negeri. Jawatankuasa Audit hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam setahun. Laporan Jawatankuasa Audit hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun untuk dibentangkan semasa mesyuarat tersebut. Sesalinan laporan Jawatankuasa Audit secara ringkasan hendaklah dihantar kepada Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik, Perbendaharaan Malaysia setiap suku tahun iaitu selewat-lewatnya pada 15 April, Julai, Oktober dan Januari tahun berikutnya. Maklumat lanjut mengenai perkara dibentang dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Audit adalah seperti Jadual 2 berikut:

BIL.	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	PERKARA DIBINCANGKAN/ PEMBENTANGAN
1.	JKA Bil. 1/2012	30 Januari 2012	• *Exit Conference* Jabatan Audit Negara:- - Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah (PDRM) - Pengurusan Aktiviti Pengeluaran Pasport Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) - Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) • Laporan Tahunan Audit Dalam
2.	JKA Bil. 2/2012	02 Mac 2012	• Perbincangan maklum balas terhadap Pemerhatian Audit : - Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah (PDRM) - Pengurusan Aktiviti Pengeluaran Pasport Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) - Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP)
3.	JKA Bil. 3/2012	26 Mac 2012	• Pembentangan Kertas Kerja Pengauditan *Big Win*: - Pengurusan Pembayaran Pukal - Pengurusan Pinjaman Kenderaan - Kawalan Keselamatan Bangunan KDN • Pembentangan Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan Terhadap 24 PTJ.
4.	JKA Bil. 4/2012	31 Mei 2012	*Exit Conference* Jabatan Audit Negara: • Pengurusan Tanah Yang Belum/Tidak Dibangunkan (PDRM) • Pengurusan Perolehan Peralatan Bantuan Kecemasan (JPAM) • Pembinaan dan Pengurusan Kompleks KDN Negeri Johor • Pengurusan Kewangan KDN Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Bagi Tahun 2011
5.	JKA Bil. 5/2012	28 Jun 2012	Pembentangan Maklum Balas Laporan Jabatan Audit Negara: • Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah (PDRM) • Pengurusan Aktiviti Pengeluaran Pasport Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) • Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) • Pengurusan Perolehan Peralatan Bantuan Kecemasan (JPAM) • Pembinaan dan Pengurusan Kompleks KDN Negeri Johor • Pengurusan Tanah Yang Belum/Tidak Dibangunkan (PDRM)
6.	JKA Bil. 6/2012	22 Oktober 2012	Pembentangan: • Laporan Pengauditan Pengurusan 6P • Laporan Pengauditan Pengurusan Kemudahan Telefon Bimbit
7.	JKA Bil. 7/2012	27 November 2012	Pembentangan: • Laporan Pengauditan Pengurusan Perolehan Sistem RMPnet • Pencapaian Rancangan Audit Tahun 2012
8.	JKA Bil. 8/2012	20 Disember 2012	Pembentangan: • Laporan Pengauditan Pengurusan Menara Penyelamat Pantai, JPAM • Rancangan Audit Tahun 2013

(JADUAL 2 : PERKARA DIBENTANG DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT)

5.0 LAPORAN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Bagi tahun 2012, Bahagian Audit Dalam telah melaksanakan sebanyak 242 pengauditan pengurusan kewangan di seluruh Pusat Tanggunjawab (PTJ) KDN. PTJ yang diaudit telah diberi penarafan prestasi Pengurusan Kewangan berdasarkan markah yang diperolehi terhadap setiap pematuhan kepada peraturan kewangan. Ringkasan penarafan prestasi pengurusan kewangan yang telah dijalankan adalah seperti di Jadual 3.

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN	JUMLAH
90 – 100	Cemerlang (Sangat Baik)	★★★★	115
70 – 89	Baik	★★★	113
50 – 69	Memuaskan	★★	14
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	★	0
JUMLAH			242

(JADUAL 3 : RINGKASAN PENARAFAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN PTJ KDN)

6.0 LAPORAN PENGAUDITAN PRESTASI

Bagi tahun 2012, Bahagian Audit Dalam telah melaksanakan sebanyak lapan pengauditan prestasi seperti berikut.

i. Pemberian sumbangan sagu hati kepada bekas anggota polis yang berkhidmat semasa darurat
ii. Pengurusan Pekerja Sambilan Harian (PSH) di KDN
iii. Pengurusan Menara Penyelamat Pantai, JPAM
iv. Penyenggaraan kenderaan rosak di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka
v. Pengurusan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
vi. Pengurusan perolehan peralatan RMPnet Polis DiRaja Malaysia
vii. Pengurusan aset bagi program 6P di Jabatan Imigresen Malaysia
viii. Pengurusan penyenggaraan Kompleks Immigration, Custom, Quarantine and Securities (ICQS)

7.0 SIASATAN DAN PENGAUDITAN KHAS

Bagi tahun 2012, Bahagian Audit Dalam telah melaksanakan sebanyak sembilan pengauditan khas / siasatan seperti berikut :-

i. Aduan terhadap masalah pentadbiran di Jabatan Pertahanan Awam Negeri Johor
ii. Pengurusan perolehan Jabatan Imigresen Negeri Sembilan
iii. Pembayaran elaun pakaian anggota di Penjara Alor Setar
iv. Kelarian di PUSPEN Tiang Dua, Melaka
v. Penyalahgunaan kuasa Komandan PULAPOL Kuala Lumpur
vi. Salah guna kuasa dan penyalahgunaan Kenderaan Pasukan
vii. Pengurusan pemandu di Bahagian Kawalan Pengurusan dan Aset
viii. Elaun bertugas anggota RELA di Ibu Pejabat
ix. Aduan kegiatan rasuah membabitkan trafik COPS bersubahat dengan E.D Agency, Kluang, Johor.

BAHAGIAN
KOMUNIKASI KORPORAT

BAHAGIAN
KOMUNIKASI KORPORAT

1.0 PENGENALAN

Bahagian Komunikasi Korporat (UK) berperanan dalam menyebarkan maklumat mengenai program/aktiviti inisiatif Kementerian kepada masyarakat. Selain itu, Bahagian UK bertanggungjawab menguruskan khidmat perhubungan awam, promosi dan publisiti Kementerian yang profesional dan berwibawa bagi memastikan maklumbalas/ aduan berhubung isu-isu yang melibatkan Kementerian serta Jabatan/ Agensi di bawahnya ditangani secara berkesan.

Terdapat empat unit utama dalam Bahagian UK iaitu Unit Hal Ehwal Korporat, Unit Perhubungan Masyarakat, Unit Aduan dan Khidmat Pelanggan serta Unit Media dan Promosi. Semua unit ini turut disokong oleh Unit Pentadbiran.

2.0 FUNGSI

i. Menyebarkan maklumat mengenai program/ aktiviti inisiatif Kementerian.
ii. Menguruskan khidmat perhubungan awam yang profesional dan berwibawa.
iii. Memastikan maklumbalas/ aduan berhubung isu-isu yang melibatkan Kementerian serta Jabatan/ Agensi di bawahnya ditangani secara berkesan.
iv. Mengurus dan melaksanakan promosi dan publisiti Kementerian.
v. Memastikan imej korporat Kementerian terpelihara.

3.0 LAPORAN BAHAGIAN

3.1 Pengurusan Hal Ehwal Korporat

3.1.1 Merancang Aktiviti Bahagian

a. Perancangan Pelan Komunikasi/ Media bagi meningkatkan imej korporat Kementerian Dalam Negeri
b. Perancangan program perhubungan awam dan aktiviti bersama masyarakat bagi mempromosikan perkhidmatan Kemenenterian Dalam Negeri
c. Merancang strategi pengurusan aduan awam terhadap Kementerian agar dikendalikan dengan efisien dan profesional
d. Merancang pengurusan pentadbiran Bahagian agar dapat menyokong keperlua urusniaga utama Bahagian UK

3.1.2 Menyediakan Bahan Terbitan Kementerian Dalam Negeri

a. Penerbitan Laporan Tahunan Kementerian Dalam Negeri 2011

3.1.3 Penyediaan deraf teks ucapan

a. YB Menteri Dalam Negeri,
b. YB Timbalan Menteri Dalam Negeri
c. YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri berdasarkan arahan dari semasa ke semasa.

3.2 Pengurusan Aduan Dan Khidmat Pelanggan

3.2.1 Penyelaras Aduan Awama.

a. Bahagian UK menjadi penyelaras kepada pelbagai saluran aduan-aduanorang awam mengenai Kementerian ini dan Jabatan / Agensidi bawahnya.
b. Saluran-saluran yang diguna pakai untuk menerima aduan ialah melalui sistem iSPAAA, Sistem iADUAN, laman web, emel, surat dan faks.
c. Selain daripada aduan, saluran ini juga digunakan untuk menyalurkan pandangan, cadangan dan maklum balas untuk memperbaiki mutu penyampaian perkhidmatan Kementerian.
d. Setiap tahun, kementerian memang menerima banyak aduan melalui saluran-saluran yang disediakan ini. Aduan-aduan ini akan diambil tindakan dengan menghantarnya ke bahagian/jabatan/agensi yang berkaitan untuk tujuan maklum balas dan tindakan susulan diambil mengikut pekeliling Biro Pengaduan Awam (BPA) yang menekankan

supaya aduan, pandangan,cadangan dan maklum balas perlu dikemukakan dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan aduan, pandangan, cadangan dan maklum balas diterima.

3.2.2 Penerimaan Aduan Melalui Sistem ISPAAA

Secara keseluruhan KDN telah menerima sebanyak 2752 aduan bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2012. Daripada 2752 aduan yang diterima, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menerima 1001 aduan; AADK 306 aduan; JPN 294 aduan; PDRM 232 aduan; Bahagian VP 159 aduan; Bahagian PA 143 aduan; Bahagian PP 122 aduan; RELA 108 aduan; JPAM 92 aduan; Bahagian KK 87 aduan; Bahagian PQ 49 aduan; Bahagian IM 46 aduan; Jabatan Penjara Malaysia 27 aduan; Bahagian KF 15 aduan; Bahagian SM dan KP masing-masing 14 aduan; JPPM 13 aduan; Bahagian UK 11 aduan; Bahagian PB 5 aduan; Bahagian PL 4 aduan; MAPO 3 aduan; Bahagian PS dan KW masing-masing 2 aduan dan Bahagian AK, ULP, NKRA masing-masing 1 aduan. Kesemua aduan yang telah dikemukakan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh 14 hari daripada tempoh penerimaan aduan.

3.2.3 Penerimaan Aduan Mengikut Sumber

BIL	KOD	BUTIRAN	TERIMA	%
1	FAX	FAKSIMILI	16	0.58
2	BPA	BIRO PENGADUAN AWAM	9	0.33
3	NPP	AKHBAR	56	2.04
4	OTH	LAIN-LAIN	25	0.58
5	LTR	SURAT	155	5.65
6	EML	E-MEL	271	9.88
7	SMS	SMS	17	0.62
8	WFM	BORANG LAMAN WEB	2114	77.07
9	HBP	HARI BERTEMU PELANGGAN	4	0.15
10	WLK	HADIR SENDIRI	34	1.24
11	LW1M	LAMAN WARKAH 1 MALAYSIA	2	0.07
12	FB	FACEBOOK	6	0.22
13	TEL	TELEFON	43	1.57
JUMLAH :			2752	100%

3.2.4 Penerimaan Aduan Melalui Sistem IADUAN

Secara keseluruhan KDN telah menerima aduan melalui Biro Pengaduan Awam (Sistem iADUAN) pula adalah sebanyak 1249 aduan. Daripada jumlah tersebut PDRM telah menerima aduan yang tertinggi iaitu sebanyak 773 aduan. Manakala JIM menerima 251 aduan, JPN 145 aduan, JPPM 31 aduan, AADK 14 aduan, JPAM 9 aduan, Jabatan Penjara 8 aduan, kementerian 17 aduan, dan PNMB 1 aduan. Kesemua aduan yang dikemukakan telah berjaya diselesai dan ditutup.

3.2.5 Mesyuarat Berkala Secara Bulanan Dan Mingguan

a. Dari Januari hingga Disember 2012 Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam Bulanan (MPAA) telah diadakan sebanyak dua belas kali. Mesyuarat ini diadakan bagi memantau aduan pada setiap bulan bersama pengurus aduan Bahagian/Jabatan/Agensi yang telah dilantik. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Y. Bhg. TKSU (P) KDN.
b. Bagi Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam Mingguan pula, dari Januari hingga Disember 2012 telah diadakan sebanyak 39 kali. Mesyuarat ini diadakan bertujuan bagi memantau aduan yang diterima oleh Bahagian/Jabatan/Agensi pada setiap minggu. Ini adalah bagi memastikan aduan dijawab dengan kadar segera dalam minggu yang sama apabila aduan diterima Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Komunikasi Korporat atau dari Biro Pengaduan Awam.

3.2.6 Bengkel iSPAAA

Bagi memastikan sistem iSPAAA sentiasa di kemaskini dan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa, Bahagian UK telah mengadakan bengkel iSPAAA kepada semua pengurus aduan Bahagian Jabatan/Agensi KDN. Ini juga bagi memastikan semua pengurus aduan memahami dengan lebih mendalam sistem iSPAAA yang digunakan bagi memantau aduan yang diterima oleh kementerian bersama jabatan/agensi. Bahagian UK telah mengadakan bengkel iSPAAA sebanyak 1 kali dari Januari hingga Disember 2012. Bengkelini telah di hadiri oleh semua pengurus aduan bahagian jabatan agensi bertempat di Bilik Latihan IT, Blok D2, KDN.

3.3 Pengurusan Promosi Dan Publisiti

3.3.1 Mengurus, Menyelaras Dan Melaksana Liputan Media Dalam Program KDN

Dari Januari hingga Disember 2012, Unit Media telah melaksana pelbagai liputan media dalam program KDN mengikut arahan dari semasa ke semasa. Antara program yang mendapat liputan media melibatkan Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Pengurusan Tertinggi KDN, dan juga Bahagian/Jabatan/Agensi yang menganjurkan program.

3.3.2 Menguruskan Pengemaskinian Laman Web MOHA dan Portal Berita IKDN

a. Bahagian UK bertanggungjawab mengurus pengemaskinian laman web MOHA dan juga Portal Berita IKDN.
b. Untuk laman web MOHA, Content Manager untuk portal MOHA telah ditubuhkan. Semua kemaskini dilaksanakan oleh mereka yang telah dilantik mengikut bahagian masing-masing. Kandungan dalam laman web MOHA merangkum maklumat umum mengenai Kementerian Dalam Negeri dan juga maklumat urusniaga utama (core-business) Bahagian, Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.
c. Manakala untuk Portal Berita iKDN, ia sentiasa dikemaskini. Portal ini mengandungi berita-berita dan isu-isu semasa berkaitan Kementerian Dalam Negeri.



3.3.3 Menguruskan Sidang Media Berkaitan \ Kementerian Dalam Negeri

Dari Januari hingga Disember 2012, Unit Media juga menguruskan pelbagai sidang media yang melibatkan Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Pengurusan Tertinggi KDN.

3.3.4 Mengemaskini Facebook Kementerian Dalam Negeri

Bahagian UK turut ditugaskan sebagai pentabir akaun (admin) Facebook Kementerian Dalam Negeri. Bahagian UK perlu sentiasa memastikan akaun Facebook ini sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa dan maklumbalas pengguna lain dijawab dengan segera.

3.3.5 Penyelarasan eBOARD

a. eBoard ialah satu sistem siaraya atau hebahan secara dalaman di setiap aras Bangunan KDN Bahagian UK bertanggungjawab memastikan maklumat yang dipaparkan di dalam eBoard sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.
b. Setiap hari, Bahagian UK akan memuatnaik gambar-gambar program KDN yang terkini melibatkan Menteri

Dalam Negeri, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ketua Setiausaha KDN, Timbalan Ketua Setiausaha KDN, Setiausaha-Setiausaha Bahagian ke dalam eBOARD di samping gambar-gambar program yang dijalankan oleh Bahagian lain dibawah Kementerian Dalam Negeri.

3.3.6 Penyelarasan Foto-Foto Rasmi Kementerian Dalam Negeri

Semua gambar yang telah diambil akan dipindah dan disimpan di dalam CD dan juga laman web Portal IKDN. Kini, Bahagian UK sedang dalam peringkat perbincangan untuk menggunakan perisian khas untuk penyimpanan gambar.

3.4 Program-Program Perhubungan Masyarakat

3.4.1 Bahagian UK berperanan menganjurkan program-program perhubungan masyarakat KDN bagi memberi perkhidmatan KDN secara terus di samping mempromosi peranan KDN kepada masyarakat. Program-program ini dirancang pengisiannya agar bersesuaian dengan setiap lapisan dan budaya masyarakat di kawasan berkenaan.

3.4.2 Program-program perhubungan masyarakat KDN boleh dikategorikan kepada:

i. Hari Bertemu Pelanggan dan Pameran KDN
   a. Untuk memberikan peluang kepada pelanggan mengemukakan masalah atau mendapatkan penjelasan mengenai apa-apa isu berkaitan perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri serta agensi di bawahnya.
   b. Untuk membolehkan pelanggan melihat, mendengar dan melihat sendiri akan fungsi, peranan serta tugas-tugas sebenar yang dilaksanakan oleh Kementerian ini.
   c. Membolehkan pelanggan menyalurkan sebarang aduan berhubung dengan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan agensi-agensi di bawah KDN.

ii. Lawatan ke Kementerian Dalam Negeri
   a. Lawatan ke KDN adalah dialu-alukan terutamanya daripada agensi-agensi luar bagi mengenali dan mengetahui peranan, fungsi dan dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh KDN.
   b. Selain sesi taklimat dan penerangan, kumpulan rombongan juga akan dibawa ke panggung penapisan filem di Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan (KF) untuk melihat sendiri bagaimana filem-filem ditapis sebelum ditayangkan kepada umum.
   c. Lawatan ini juga dapat menjalinkan hubungan yang akrab antara KDN dan agensi luar.

iii. Taklimat Isu Keselamatan Kepada Penyampai maklumat *(Key Communicators)*
   a. Menyampaikan input dan maklumat penting serta menjelaskan mengenai isu-isu semasa keselamatan kepada Key Communicators.
   b. Mendapatkan maklum balas isu-isu keselamatan negara.
   c. Membina rangkaian KDN dan jabatan/agensi penyampaian maklumat kerajaan.
   d. Kumpulan Key Communicators terdiri daripada Pegawai Penerangan, Pegawai Jabatan Hal Ehwal Khas, DJ Radio dan TV, Pegawai Kemas, Pegawai Perpaduan, Pegawai Belia danaktivis badan bukan kerajaan (NGO).

3.4.3 Jadual program Perhubungan Masyarakat:

Sepanjang Januari hingga Disember 2012, sebanyak 22 program telah berjaya dianjurkan dimana setiap program merangkumi pelbagai aktiviti melibatkan semua Bahagian utama/Jabatan KDN serta Kementerian/Jabatan/Agensi tempatan yang lain.

BIL.	AKTIVITI/ PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	PENGUNJUNG
1	Hari Bertemu Pelanggan KDN sempena Himpunan Perdana RELA Bersama YAB Perdana Menteri	Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang Selangor	28 Januari 2012	30,000 orang
2	Pameran KDN sempena Perayaan Thaipusam Bersama YAB Perdana Menteri	Batu Caves, Selangor	6 - 7 Februari 2012	35,000 orang
3	Pameran KDN sempena Sambutan Ulang Tahun Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Kali Ke - 60 Tahun 2012	Paloh, Johor	24 Mac 2012	5,000 orang
4	Taklimat Isu Keselamatan Kepada Key Comunicators	Kompleks RTM, Kedah	15 Mei 2012	500 orang
5	Pameran KDN sempena Pelancaran Rural Transformation Center RTC Kota Bharu	Tunjong, Kota Bharu, Kelantan	3 - 5 Mei 2012	20,000 orang
6	Pameran KDN sempena Program Karnival 1Malaysia	Dewan SMKJ (C) Mambang Di Awan, Perak	18 Mei 2012	1,000 orang
7	Kaunter Khidmat Pelanggan sempena Majlis Mesra TPM	Dataran sebelah Maybank, Pekan Pagoh, Johor	19 Mei 2012	500 orang
8	Pameran KDN sempena Hari Belia 2012	Presint 2, Putrajaya	23 - 27 Mei 2012	2,000,000 orang
9	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	Kulim High Tech, Kedah	8 Jun 2012	40,000 orang
10	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	ADTEC, Taiping, Perak	17 Jun 2012	30,000 orang
11	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	UTC, Jalan Hang Tuah, Melaka	23-24 Jun 2012	50,000 orang
12	Taklimat Isu Keselamatan Kepada Key Comunicators	Galeri Glulam, Jalan Tampoi, Johor	26 Jun 2012	600 orang
13	Hari Bertemu Pelanggan KDN sempena Sambutan Hari UPP	Kompleks UPP, Bukit Kayu Hitam, Kedah	30 Jun 2012	2,000 orang
14	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	Padang Kawad LHDN, Bangi, Selangor	8 Julai 2012	50,000 orang
15	Taklimat Isu Keselamatan Kepada Key Comunicators	Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri, Kuala Ibai, Terengganu	10 Julai 2012	600 orang
16	Program Hari Bertemu Pelanggan sempena Lawatan TPM ke Parlimen Sembrong	Padang Awam, Felda Ulu Belitong, Kluang, Johor	14 Julai 2012	5,000 orang

BIL.	AKTIVITI/ PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	PENGUNJUNG
17	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	Kompleks Belia Sukan Paroi, N.Sembilan	29 September 2012	30,000 orang
18	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	Kompleks Sukan Kudat, Sabah	14 Oktober 2012	40,000 orang
19	Taklimat Isu Keselamatan Bersama Warga Felda	Auditorium, Blok D8, Putrajaya	22 November 2012	1,000 orang
20	Pameran dan Kaunter KDN sempena Perhimpunan Agong UMNO 2012	PWTC, Kuala Lumpur	27 November hingga 1 Disember 2012	20,000 orang
21	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	Padang Kawad, USM Pulau Pinang	8 Disember 2012	40,000 orang
22	Pameran Sempena Pertandingan Inovasi KDN 2012	Auditorium, Blok D8, Putrajaya	12 Disember 2012	2,000 orang

SEKTOR
KESELAMATAN

BAHAGIAN
KAWALAN PENERBITAN DAN TEKS AL-QURAN

BAHAGIAN KAWALAN PENERBITAN DAN TEKS AL-QURAN

1.0 PENGENALAN

Semasa Y.A.B Perdana Menteri menyampaikan perutusan khas sempena Hari Malaysia ke-48 pada 15 September 2011, beliau telah mengumumkan permulaan Program Transformasi Politik (PTP) Negara sebagai pelengkap kepada Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi. Antara inipati penting dalam ucapan beliau adalah kajian semula Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP 1984). Kajian semula ini sejajar dengan perubahan lanskap semasa dan menyahut seruan hak kebebasan bersuara individu.

Rang Undang Undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012 telah dibacakan di Dewan Rakyat untuk kali pertama pada 17 April 2012. Bacaan kali kedua dan ketiga telah dibacakan pada 19 April 2012 oleh Y.B Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Wira Abu Seman bin Yusop dan Dewan Rakyat sebulat suara meluluskan Rang Undang Undang tersebut tanpa sebarang pindaan.

Rang Undang-Undang ini seterusnya telah dibacakan dan dibahaskan di Dewan Negara pada 10 Mei 2012 oleh Y.B Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Wira Abu Seman bin Yusop. Dewan Negara juga sebulat suara telah meluluskan Rang Undang-undang ini tanpa sebarang pindaan.

AMCP 1984 (Pindaan) 2012 telah mendapat Perkenan Diraja pada 18 Jun 2012 dan telah diwartakan pada 22 Jun 2012 oleh Jabatan
Peguam Negara.

2.0 ASAS PINDAAN AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984

Pertama: Prinsip Kebebasan Bersuara Individu

Sejajar dengan kemajuan dan perkembangan pesat teknologi maklumat, serta kemampuan rakyat untuk mengakses maklumat, Kerajaan melihat tindakan mengenakan syarat pembaharuan lesen mesin cetak dan permit penerbitan tidak lagi bersesuaian dalam konteks kontemporari. Perubahan ini menuntut Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran bersama Bahagian Penasihat Undang-undang mengkaji semula undang-undang serta amalan yang tidak selari dengan peredaran semasa selaras dengan prinsip asas demokrasi dan keadilan. Sehubungan dengan itu, AMCP 1984 (Pindaan) 2012 menyatakan bahawa semua pemegang lesen mesin cetak dan permit penerbitan sedia ada yang masih aktif tidak perlu memperbaharui lesen dan permit setiap tahun sehingga lesen mesin cetak dan permit penerbitan tersebut dibatalkan.

Sehingga Disember 2011 sebanyak 2,896 permit penerbitan dan 2,818 lesen mesin cetak telah diperbaharui. Kutipan hasil yang diterima oleh Kerajaan bagi pembaharuan lesen mesin cetak dan permit penerbitan berjumlah RM2,513,050.00. Bahagian PQ tidak melihat isu kutipan hasil sebagai agenda yang menghalang Kerajaan untuk memberi kemudahan kepada rakyat sejajar dengan prinsip 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Bahagian PQ juga berpegang kuat bahawa ianya dilakukan dalam batas-batas keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan pemeliharaan hak asasi manusia.

Serentak dengan itu, Bahagian ini sentiasa komited membuat pemantauan terhadap bahan-bahan penerbitan yang diterbitkan didalam negeri mahupun yang dibawa masuk dari luar negeri. Sebagai sebuah negara berbilang kaum, bangsa dan agama, menyaksikan perlunya Bahagian PQ memastikan agar bahan-bahan penerbitan ini tidak menyiarkan artikel yang boleh mengundang perasaan marah dan benci terhadap sensitiviti sesuatu kaum, agama dan bangsa yang seterusnya boleh mencemar keselamatan dan ketenteraman awam hidup rakyat.

Kedua : Hak Untuk Didengar *(Right To Be Heard)*

Dewasa ini menyaksikan setiap individu bebas mengambil tindakan terhadap penyiaran mana-mana bahan penerbitan yang dianggap tidak tepat atau menyeleweng dari fakta yang sebenar. Kesedaran terhadap hak untuk mempertahankan diri apabila sesuatu berita atau artikel yang disiarkan tidak tepat dan boleh menjejaskan reputasi individu semakin meningkat.

Bagi meraikan kebebasan bersuara individu, AMCP 1984 (Pindaan) 2012 membenarkan pemegang lesen mesin cetak dan permit penerbitan untuk mengemukakan alasan sebelum sesuatu penggantungan atau pembatalan dibuat.

Selain itu, kuasa budi bicara mutlak Menteri untuk memberi atau enggan memberi lesen mesin cetak dan permit penerbitan dimansuhkan. Begitu juga keputusan muktamad

Menteri sekiranya menolak, menggantung atau membatalkan lesen mesin cetak dan permit penerbitan yang sebelum ini tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah juga dimansuhkan. Dalam hal ini, mana-mana penerbit dan pencetak diberi hak merayu ke mahkamah.

3.0 PERMOHONAN PERMIT PENERBITAN SECARA ATAS TALIAN

Dalam usaha bagi menambahbaik proses permohonan permit penerbitan, Bahagian PQ bersama Bahagian IT telah menyediakan kemudahan kepada pelanggan bagi memohon permit penerbitan secara online. Perancangan bagi mewujudkan Sistem Permohonan Permit Penerbitan ini telah bermula pada awal tahun 2012 dan sistem ini telah siap dibangunkan sepenuhnya pada awal Januari 2013. Pelaksanaan sistem ini telah bermula pada 4 Februari 2013.

Objektif utama pelaksanaan sistem permohonan secara online ini adalah untuk memberi kemudahan kepada pemohon bagi mempercepatkan dan memudahkan proses permohonan permit penerbitan. Ianya memberi kebaikan kerana dapat menjimatkan masa tanpa perlu hadir ke kaunter. Permohonan juga boleh dilakukan oleh pemohon pada bila-bila masa sahaja mengikut kapasiti pemohon sendiri.

Selain itu, kemudahan ini juga secara tidak langsung dapat menggalakkan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan elektronik secara lebih meluas di negara ini. Pelaksanaan Sistem Permohonan secara online ini merupakan salah satu usaha yang telah dilaksanakan oleh Bahagian ini bagi memastikan penambahbaikan yang berterusan dilaksanakan terhadap prosedur kerja sedia ada disamping bergerak seiring dengan perkembangan teknologi masa kini.

Pada masa yang sama, Bahagian PQ juga bercadang untuk memperluaskan lagi penyediaan perkhidmatan permohonan atas talian bagi permohonan baru Lesen Mesin Cetak dan Perakuan Pruf Akhir Teks Al-Quran pada masa akan datang.

BAHAGIAN

KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

1.0 PENGENALAN

Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam (KK) adalah merupakan salah satu bahagian daripada 27 bahagian utama di dalam Kementerian Dalam Negeri. Secara umumnya fungsi Bahagian KK adalah untuk memelihara, mengekal dan meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam serta meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang berkait keselamatan dalam negeri. Bahagian KK pada asasnya merangkumi tiga aspek penting iaitu pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan. Elemen pertama dan kedua iaitu pencegahan dan penguatkuasaan direalisasikan melalui pelaksanaan Undang-Undang Pencegahan sedia ada yang telah dipertanggungjawabkan kepada Bahagian ini iaitu:

i. Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960;
ii. Ordinan Darurat (Ketenteraman Awan dan Mencegah Jenayah) 1969;
iii. Akta Mencegah Jenayah 1959;dan
iv. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 Elemen ketiga iaitu Pemulihan direalisasi melalui program pemulihan yang telah dirangka terhadap tahanan-tahanan yang telah dikenakan perintah tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA).

2.0 AKTIVITI BAHAGIAN

2.1 Unit Tapisan, Keganasan Dan Kerjasama Antarabangsa (I)

2.1.1 Triti Ekstradisi

a) Menyedari akan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam membanteras jenayah rentas sempadan, Kementerian Dalam Negeri telah mengorak langkah dengan mengadakan kerjasama dengan negara-negara lain dalam bidang keselamatan. Selain memeterai memorandum persefahaman, rundingan triti ekstradisi turut diadakan dengan beberapa negara.
b) Setakat ini Malaysia telah menandatangani triti ekstradisi dengan enam buah negara iaitu Thailand pada 4 Mac 1911, Indonesia (7 Jun 1974), Hong Kong (11 Januari 1995), Amerika Syarikat (3 Ogos 1995), Australia (15 November 2005) dan India (20 Januari 2010). Terbaru, Malaysia dalam proses memeterai triti ektradisi dengan Republik Korea yang dijangka diadakan pada bulan Januari 2013 di Malaysia.
c) Selain itu, Malaysia telah mengadakan rundingan permulaan triti ektradisi dengan Republik Rakyat China (RRC) pada 2 Ogos 2012 di Putrajaya. Malaysia turut mengadakan rundingan permulaan triti ekstradisi dengan Thailand pada 31 Oktober 2012 di Bangkok bagi memperbaharui dan mengemaskini triti sebelum ini yang telah ditandangani pada 4 Mac 1911.
d) Dengan adanya triti-triti ekstradisi ini, kerjasama dengan negara-negara berkenaan dalam membanteras jenayah rentas sempadan, terutamanya dalam mengesan dan menahan penjenayah buruan dapat dipertingkatkan lagi dan dibuat dengan lebih teratur.

2.2 Unit Rehabilitasi

2.2.1 Program Pemulihan.

a) Program pemulihan bertujuan untuk membimbing semula orang tahanan dan juga sekatan berdasarkan nilai-nilai murni, bermatlamatkan untuk mencegah dan menyekat mereka daripada bergiat semula dalam aktiviti yang boleh memudaratkan Ketenteraman Awam Dan Keselamatan Negara.
b) Program-program pemulihan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:-
   i. Bengkel Kemahiran Solat (peringkat asas, pertengahan dan lanjutan) yang bertujuan melatih orang tahanan melaksanakan ibadat solat dengan betul dan sempurna mengikut kehendak syaraiat seperti solat fardu solat berjemaah, solat jumaat, solat jamak qasar, solat jenazah dan solat-solat sunat. Sebanyak 12 Program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.
   ii. Bengkel Kemahiran Quran (peringkat asas, pertengahan dan lanjutan) yang bertujuan membina keyakinan diri orang tahanan untuk membaca al-Quran dengan betul ketika menyebut sifat-sifat huruf dan bacaan dari segi hukum tajwidnya. Sebanyak 12 Program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.
   iii. Kursus Kefahaman dan penghayatan Islam (khusus untuk t1ahanan ISA) yang bertujuan memupuk kesedaran dan keinsafan diri orang tahanan terhadap perbuatan yang menyalahi undang-undang yang boleh mengancam keselamatan Negara. Sebanyak 12 Program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.
   iv. Program Pemulihan Khas (khusus untuk orang Tahanan Ordinan Darurat (KAMJ) 1969 yang bertujuan

membentuk jati diri Orang Tahanan supaya lebih positif di dalam kehidupan apabila dibebaskan kelak. Sebanyak 20 Program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

v. Ceramah Hari kebesaran Islam (Maal Hijrah. Maulidur Rasul, Isra Mikraj dan Nuzul Quran) yang bertujuan memberikan kefahaman kepada erti sebenar konsep peristiwa penting dalam Islam serta mengambil ikhtibar daripada peristiwa yang berlaku untuk dijadikan panduan dan iktibar dalam kehidupan mereka. Sebanyak 12 Program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

vi. Interversi Kaunseling yang bertujuan memberi pelbagai info kesihatan kepada orang tahanan mengenai penyakit HIV/STI serta AIDS dan penjagaan kebersihan diri mereka semasa dalam tahanan. Sebanyak 7 Program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

vii. Celik Minda yang bertujuan menerapkan kesedaran kepada orang tahanan tentang kesalahan lalu serta memikirkan peranan sebagai bangsa Malaysia dalam membangunkan kemajuan diri, bangsa dan agama. Sebanyak 10 Program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

viii. Outreach Orang Sekatan Dan Penggangtungan Perintah Sekatan (PPT) yang bertujuan memberikan pemahaman kepada orang sekatan tentang undang-undang, peraturan Negara, syarat sekatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan untuk orang sekatan dan keluarga. Sebanyak 7 Program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

2.2.2. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian, Penempatan Dan Kebajikan Orang Tahanan Kementerian Dalam Negeri (JPPKOT)

a. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Orang Tahanan (JPPKOT) adalah salah siri mesyuarat ini yang diadakan setiap bulan bagi mengkaji semula kes-kes tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak dan Tempat Tahanan Pelindungan serta menyediakan syor-syor pertimbangan untuk diangkat kepada Y.B. Menteri Dalam Negeri sebelum tempoh perintah tahanan seseorang itu tamat pada bulan berikutnya.

b. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Orang Tahanan (JPPKOT) yang telah diadakan sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut : -

Mesyuarat JPPKOT 2012



JUMLAH KESELURUHAN KES : 2548 KES

2.3 Unit Agensi Persendirian

2.3.1 Permohonan Baru Lesen Agensi Persendirian

(a) Sepanjang 2012, Bahagian ini telah menerima sejumlah 197 permohonan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 134 syarikat telah ditemuduga dan sebanyak 90 permohonan syarikat telah diluluskan.

(b) Jumlah keseluruhan agensi persendirian yang berlesen sehingga akhir tahun 2012 adalah sebanyak 651 syarikat.

(c) Statistik syarikat yang mempunyai lesen Agensi Persendirian bulan Januari hingga Disember bagi tahun 2012 mengikut negeri adalah:

NEGERI	JUMLAH SYARIKAT
Terengganu	9
Pahang	5
Negeri Sembilan	26
Sabah	9
Sarawak	10
Kelantan	14
Perak	9
Putrajaya	7
Kedah	20
Perlis	3
Pulau Pinang	17
Johor	32
Selangor	267
Kuala Lumpur	223
JUMLAH KESELURUHAN	**651**

2.3.2 Permohonan Pembaharuan Lesen Agensi Persendirian 2012

(a) Sepanjang 2012, sebanyak 553 pembaharuan lesen agensi persendirian telah diluluskan setelah memenuhi syarat-syarat pembaharuan lesen 2012.
(b) Data urusan berkaitan lesen Agensi Persendirian bulan Januari hingga Disember bagi tahun 2012 adalah:

BIL	KATEGORI	JUMLAH	CATATAN
1.	LESEN PEMBAHARUAN	553	8 (BelumLengkap)
2.	LESEN BARU	90	
JUMLAH SELESAI		643	
JUMLAH BESAR		651	

2.3.3 Penguatkuasaan Akta Agensi Persendirian 1971 dan Pekeliling

(a) Sepanjang 2012, sebanyak 52 syarikat telah dikeluarkan surat tunjuk sebab/penjelasan dan perjumpaan berikutan ketidak patuhan terhadap prosedur dan peraturan. Sejumlah 9 syarikat yang dibatalkan lesen.
(b) Audit Pengurusan ke atas syarikat kawalan keselamatan dilaksanakan melibatkan 651 syarikat yang memperolehi lesen bagi tahun 2012. Sesi ini masih dilaksanakan dari semasa ke semasa.
(c) Jumlah pemeriksaan pengawal keselamatan bulan Januari hingga Oktober bagi tahun 2012 adalah sebanyak 247 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 57 orang warganegara tempatan telah diperiksa yang terbahagi kepada Melayu 38 orang dan India 17 orang. Sebanyak 190 orang warga negara asing telah diperiksa yang terdiri daripada Bangladesh 10 orang, Nepal 60 orang, China 11 orang, Pakistan 43 orang, India 28 orang, Indonesia 11 orang, Sri Lanka 80 orang, Vietnam 4 orang dan Myanmar 5 orang.

2.4 Unit Pencegahan Dadah Dan Jenayah

2.4.1 Kes Baru (60 Hari) ADB (LLPK) 1985

a) Sepanjang bulan Januari hingga Disember 2012, sebanyak 767 orang telah ditangkap di bawah Seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan permohonan untuk mendapatkan suatu perintah oleh Menteri Dalam Negeri telah dihantar oleh PDRM ke kementerian.
b) Daripada jumlah tersebut, YB Timbalan Menteri telah berpuas hati dan bersetuju supaya 513 orang dikenakan perintah tahanan, 238 orang dikenakan Perintah Sekatan dan 11 orang dibebaskan, diusir ke negara asal serta disenaraihitamkan daripada memasuki Malaysia manakala 5 orang lagi dibebaskan dari tindakan di bawah Akta ini. Daripada jumlah tersebut juga, 751 orang adalah merupakan warganegara Malaysia manakala 16 orang lagi merupakan bukan warganegara.
c) Berikut adalah statistik Perintah mengikut bulan dikeluarkan, mengikut bangsa, jantina dan kewarganegaraan:
   i. Statistik perintah tahanan/sekatan mengikut bangsa
   ii. Statistik perintah tahanan/sekatan mengikut jantina
   iii. Orang tahanan/sekatan Warga asing

2.4.2 Kes Ulangkaji ADB (LLPK) 1985

a) Sepanjang Januari hingga Disember 2012 sebanyak 1140 Perintah Tahanan dan 580 Perintah Sekatan diulangkaji. Kes-kes tersebut telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Penempatan dan Pemulihan Orang Tahanan dan diperakukan kepada YB Timbalan Menteri. Daripada jumlah tersebut sebanyak 929 Perintah Tahanan telah ditamatkan manakala Perintah Sekatan sebanyak 518 ditamatkan.

2.4.3 Keputusan Lembaga Penasihat ADB (LLPK) 1985

Terdapat 2 kategori keputusan/syor yang diterima dari Lembaga Penasihat iaitu:

i) Representasi (3 bulan pertama)
Semua orang yang telah dikenakan Perintah Tahanan berhak membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri. Bagi kes-kes yang disyorkan tamat selepas representasi oleh Lembaga Penasihat adalah mengikat menteri untuk ditamatkan. Sepanjang Januari hingga Disember 2012 sebanyak 12 kes telah ditamatkan berdasarkan keputusan/syor lembaga Penasihat selepas representasi manakala 58 kes Perintah Tahanan digantung.

ii) Kajian semula (3 bulan terakhir)
Lembaga Penasihat akan membuat kajian semula bagi semua Perintah tahanan dan perintah sekatan dalam tempoh 3 bulan terakhir sebelum perintah tersebut tamat. Bagi kes-kes yang disyorkan supaya diberhentikan/

ditamatkan, syor tersebut mengikat menteri untuk ditamatkan. Sepanjang bulan Januari hingga Disember 2012 sebanyak 31 kes Perintah Tahanan/Sekatan telah diberhentikan/dibatalkan sebelum tamat tempoh berdasarkan syor Lembaga Penasihat manakala 929 lagi ditamatkan apabila cukup tempoh.

2.4.4 Lain-Lain Permohonan ADB (LLPK) 1985

Antara permohonan-permohonan lain di bawah Akta Dadah berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah seperti berikut:

a) Pembatalan Penggantungan Perintah Tahanan di bawah Seksyen 7 (3) Akta Dadah Berbahaya (LLPK)) 1985 Sepanjang Januari hingga Disember 2012 sebanyak 86 perintah pembatalan penggantungan perintah tahanan telah dikeluarkan di mana orang sekatan tersebut didapati telah melangggar syarat sekatan dan ditahan semula di Pusat Pemulihan Akhlak yang berkenaan.
b) Permohonan pernukaran perintah (atas sebab kes *habeas corpus)* Unit Pencegahan Dadah juga dari masa ke semasa mendapat permohonan daripada Pejabat Penasihat Undang-undang untuk menukar perintah bagi pemohon-pemohon *writ of habeas corpus* bagi kes-kes di bawah Akta ini yang didapati cenderung untuk memihak kepada pemohon. Sepanjang Januari hingga Disember 2012 sebanyak lapan kes telah dibawa untuk pertimbangan YB Timbalan Menteri. Daripada jumlah tersebut, 36 Perintah Tahanan telah dibatalkan, 6 perintah tahanan dibatalkan dan subjek diusir ke negara asal, 15 Perintah Tahanan diteruskan dan 25 Perintah Tahanan digantung.

2.4.5 Permohonan Perintah Pengawasan Dan Memasukkan Nama Ke Dalam Buku Daftar Di Bawah Akta Pencegahan Jenayah (APJ)1959

Sebanyak 327 permohonan supaya nama subjek di atas dimasukkan ke dalam Buku Daftar di bawah Seksyen 12(2) dan dikenakan Perintah Pengawasan Polis di bawah Seksyen 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 telah diperakukan oleh YB Timbalan Menteri. Daripada jumlah tersebut seramai 326 lelaki manakala seorang perempuan. Mereka ini adalah penjenayah tegar *'habitual criminal'* yang kerap melakukan jenayah kecurangan berulang kali terutamanya jenayah harta benda walaupun pernah dipenjarakan.

2.4.6 Bengkel/Retreat Undang-Undang Pencegahan

Unit Pencegahan Dadah dan Jenayah juga telah mengadakan Retreat Penambahbaikan Perlaksanaan Undang-undang Pencegahan pada 8 hingga 10 November 2012 di Tower Regency Hotel, Ipoh, Perak di mana sebanyak 7 isu utama dalam perlaksanaan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 telah dibincangkan.
Seramai 32 orang peserta telah hadir dan terdiri daripada pegawai-pegawai KDN, pegawai dan anggota polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, di peringkat IPK serta pegawai–pegawai dari Pusat Pemulihan Akhlak.

2.5 Unit Keselamatan

2.5.1 Mesyuarat Isu-Isu Keselamatan

Sepanjang tahun 2012, terdapat beberapa siri mesyuarat melibatkan pelbagai agensi berkaitan bagi membincangkan isu-isu semasa yang menarik perhatian keselamatan.

Antara isu utama yang telah menjadi agenda mesyuarat keselamatan adalah seperti:

(i) isu penyebaran fahaman Syiah di Malaysia;
(ii) isu perjudian haram di Cybercafe
(iii) isu Al- Arqam; dan
(iv) isu penyelarasan perlaksanaan Undang-undang baru menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] dan undang-undang lain yang berkaitan.

2.5.2 Pemansuhan dan Penggubalan Rang Undang-Undang Di Bawah Program Transformasi Politik

Program Tranformasi Politik (PTP) yang diilhamkan oleh YAB Dato'Seri Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah bermula sejak tahun 2009. Dalam hubungan ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) amnya dan Bahagian KK khasnya telah menyahut seruan YAB Perdana Menteri melalui beberapa transformasi yang telah dibuat.

Antara program transformasi yang telah dilaksanakan oleh Kementerian yang berada di bawah bidang kuasa Bahagian ini bagi melengkapkan fasa pertama PTP adalah seperti berikut:

(i) Perungkaian tiga proklamasi darurat iaitu Penarikan Darurat 1966, 1969 dan 1977 yang telah memberi kesan langsung kepada:
   - Pemansuhan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969; dan
   - Pemansuhan Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1964.

(ii) Pemansuhan Akta Kediaman Terhad 1933:
(iii) Pemansuhan Akta Buang Negeri 1959;
(iv) Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960; dan
(v) Penggubalan Akta Kesalahan Keselamatan

(Langkah-Langkah Khas) 2012. Bagi tujuan melengkapkan fasa pertama PTP ini, Kerajaan telahpun mengambil keputusan untuk menguatkuasakan secara serta-merta semua akta baru dan pindaan terhadap akta-akta sedia ada yang berkaitan. Pemansuhan dan Penggubalan Rang Undang-Undang Di Bawah Program Transformasi Politik Yang Dilaksanakan Oleh KDN adalah seperti berikut:

i) Akta Kediaman Terhad (Pemansuhan) 1933
Memansuhkan Akta Kediaman Terhad kerana undang-undang tersebut sudah lapuk ditelan zaman dan tidak lagi relevan dengan keadaan semasa berlandaskan dua faktor utama iaitu:
a) Atas prinsip demokrasi dan keadilan; danb) Kemajuan ICT dan urbanisasi
c) Atas prinsip demokrasi dan keadilan; dan
d) Kemajuan ICT dan urbanisasi

Akta Kediaman Terhad (Pemansuhan) 1933 telah berjaya diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 Oktober 2011 manakala Dewan Negara pada 8 Disember 2011

ii) Akta Buang Negeri (Pemansuhan) 1959
Memansuhkan Akta Buang Negeri 1959 kerana tidak lagi relevan dan terdapat lain yang boleh digunapakai bagi tujuan yang sama. Selain itu, kali terakhir akta ini digunakan mengikut rekod Kementerian, adalah pada tahun 1977 Akta Buang Negeri. (Pemansuhan) 1959 telah berjaya diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 Oktober 2011 manakala Dewan Negara pada 8 Disember 2011.

iii) Pemansuhan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Mencegah Jenayah) 1969.
Pengungkaian tiga proklamasi darurat yang telah diluluskan oleh dua Dewan Parlimen pada 20 Disember 2011 secara langsung membawa kepada pemansuhan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Mencegah Jenayah) 1969 Berdasarkan peruntukan 150(7) Perlembagaan Persekutuan, Ordinan Darurat (KAMJ) 1969 akan terhenti kuat kuasanya 6 bulan selepas Perisytiharan Darurat 1969 ditarik balik iaitu pada 21 Jun 2012.

iv) Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pemansuhan) 1960
Memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 dan menggantikannya dengan undang-undang yang lebih relevan dengan keadaan semasa. Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pemansuhan) 1960 dimansuhkan dengan penggubalan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas).

v) Penggubalan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-LangkahKhas) 2012.

Menggubal Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 bagi menggantikan Akta Keselamatan dalam negeri 1960. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 17 April 2012 manakala Dewan Negara pada 9 Mei 2012.

2.5.3 Mengurusetiakan Panel Penasihat Bebas Berkenaan Perhimpunan Di Dataran Merdeka Pada 28 April 2012

Susulan daripada insiden perhimpunan BERSIH 3.0 pada 28 April 2012 di Dataran Merdeka, Jemaah Menteri pada 9 Mei 2012 telah memutuskan supaya sebuah Panel Penasihat Bebas ditubuhkan bagi menyiasat serta mendapatkan gambaran sebenar mengenai perhimpunan pada 28 April 2012 tersebut, termasuklah dakwaan insiden kekerasan polis semasa mengawal perhimpunan.

Oleh yang demikian, sebuah Panel Penasihat Bebas yang dipengerusikan oleh YABhg Tun Mohammed Hanif bin Omar, mantan Ketua Polis Negara telah ditubuhkan dan disertai oleh dan disertai oleh empat orang Ahli dan seorang Setiausaha seperti berikut:

(i) Y.Bhg. Tan Sri Nik Hashim bin Nik Ab. Rahman
Ahli Panel
(Mantan Hakim MahkamahPersekutuan)

(ii)Y.Bhg. Dato' Husammuddin Yaakob
Ahli Panel
(Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkraf)

(iii)Y.Bhg. Prof. Dr. Rozmi Ismail
Ahli Panel
(Pensyarah Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia)

(iv)Y.Bhg. Encik Liew Peng Chuen
Ahli Panel
(Penasihat Undang-Undang Kumpulan Akhbar Sin Chew Daily)

(vi)Y.Bhg. Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim
Setiausaha
(Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan)
Kementerian Dalam Negeri)

2.6 Unit Persenjataan

2.6.1 Bertanggungjawab terhadap dasar dan perkara-perkara berkaitan Akta Senjata 1960 iaitu:

i. Memproses kes-kes rayuan memiliki senjata api;
ii. Pengecualian Menteri ke atas peruntukan Akta Senjata 1960;
iii. Pengurusan dagangan (perniagaan senjatapi, peluru dan bahagian-bahagian senjatapi) termasuk import dan eksport;
iv. Permohonan mengilang/membuat senjatapi dan peluru;
v. Aduan-aduan mengenai senjata api;
vi. Dasar berkaitan 'Paintball'; dan
vii. Dasar berkaitan Electronic Shock Gun (ESG) atau TASER.

2.6.2 Bertanggungjawab terhadap dasar dan perkara-perkara berkaitan Akta Letupan 1957 (Semakan 1978) dan Explosives Rules 1823 iaitu:-

i. Pengimportan dan penggunaan bahan letupan,mercun dan bunga api;
ii. Permohonan mendirikan magazin bagi penyimpananbahan letupan;
iii. Urusan mengimport, penyimpanan dan pembakaranbunga api dan 'pyrotechnics'
iv. Perkara-perkara mengenai pembuatan/mengilang bahan-bahan letupan;

2.6.3 Bertanggungjawab terhadap dasar dan perkara-perkara berkaitan Ordinan Bahan-Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 iaitu:

i. Memproses permohonan membawa masuk senjata-senjata berjadual yang ditahan oleh Kastam Diraja Malaysia.
ii. Memperoses permohonan bagi menjalankan perniagaan senjata-senjata berjadual.

2.6.4 Statistik Status Permohonan Akta Senjata 1960, Akta Bahan Letupan 1957, Senjata Berjadual Di Bawah Akta Bahan-Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya1958 adalah seperti jadual dibawah:

2.6.5 Kajian Semula Dasar

a) Salah satu fungsi Unit L ialah bertanggungjawab untuk memproses permohonan bagi pertunjukan piroteknik yang mana melalui kajian semula, tempoh masa bagi mengemukakan permohonan pertunjukan piroteknik telah dipinda dari 14 hari kepada 7 hari bekerja.

b) Kelonggaran pembakaran mercun semasa musim perayaan.

   i. Kerajaan pada 15 Mac 1995 telah memutuskan supaya larangan bermain mercun dipanjangkan kepada larangan bermain bunga api walaupun pada hari-hari perayaan;
   ii. Wujudnya banyak permohonan untuk mengimport dan menjual permainan mercun sempena musim-musim perayaan, satu kajian telah dilakukan untuk melihat kembali kedudukan pengharaman ini;
   iii. Walau bagaimanapun, Kerajaan memutuskan supaya dasar sedia ada dikekalkan demi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara.

BIL	PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN DILULUSKAN	JUMLAH PERMOHONAN DITOLAK	JUMLAH PERMOHONAN DALAM PROSES
AKTA SENJATA 1960					
1.	Rayuan untuk memiliki senjatapi	941	166	209	566
2.	Permohonan untuk mengilang/ pembaharuan lesen mengilang	2	2	-	-
3.	Permohonan untuk pengecualian dari peruntukan Akta (bagi tujuan pameran, ujicuba dan kegunaan agensi kerajaan)	4	4	-	-
AKTA BAHAN LETUPAN 1957					
4.	Permohonan untuk mengadakan pertunjukan piroteknik	488	480	2	-
5.	Permohonan berkaitan magazin penyimpanan bahan letupan	22	22	-	-
AKTA BAHAN KAKISAN DAN LETUPAN DAN SENJATA BERBAHAYA 1958 DAN HAL-HAL BERKAITAN TAPISAN KESELAMATAN					
6.	Rayuan untuk membawa masuk senjata berbahaya	105	102	3	-

Statistik Status Permohonan Akta Senjata 1960, Akta Bahan Letupan 1957

BAHAGIAN

KAWALAN PENAPISAN FILEM DAN PENGUATKUASAAN

BAHAGIAN
KAWALAN PENAPISAN FILEM DAN PENGUATKUASAAN

1.0 PENGENALAN

Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan pada tahun 2012 telah memperhebatkan usaha menguatkuasakan Akta Penapisan Filem 2002 selari dengan hasrat dan aspirasi kerajaan untuk memelihara hubungan harmoni antara kaum dan mengekang unsur-unsur negatif daripada menular di kalangan masyarakat. Filem membawa pengaruh dan kesan terhadap masyarakat dan Negara. Oleh sebab itu, mesej yang tersurat dan tersirat dalam filem perlu dilihat agar bebas daripada elemen-elemen negatif dan merosakkan dapat di tapis di samping disampaikan dengan cara yang kreatif, menghiburkan dan mendidik masyarakat.

Justeru, Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan (BKF) yang merupakan salah satu Bahagian di bawah KDN telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan semua filem dan bahan publisiti filem yang dibuat, dikeluarkan, dimiliki, dijaga, dikawal, ditayang, dipamer, diedar, disewa atau dijual di Malaysia telah ditapis dan diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem bagi memelihara empat aspek utama penapisan filem iaitu keselamatan dan ketenteraman awam, keagamaan, sosiobudaya serta ketertiban dan ketatasusilaan.

2.0 LAPORAN

Antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Bahagian ini sepanjang tahun 2012 telah memperlihatkan keberhasilan yang ketara antaranya:

2.1 Pertukaran Perakuan B Berasaskan Teknologi RFID kepada Perakuan B 2D Barkod.

Projek pertukaran Perakuan B teknologi RFID kepada Perakuan B teknologi 2D Barkod secara tender terbuka telah bermula pada 4 Januari 2012. Selain kos yang lebih murah, Perakuan B teknologi 2D ini membolehkan proses cetakan yang lebih pantas dan efisyen, mudah disemak menggunakan telefon bimbit pintar (smart phone) dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih baik berbanding Perakuan B berteknologi RFID.

2.2 Pencapaian jumlah operasi tertinggi sepanjang lima tahun (2008-2012).

Dalam tahun 2012, sebanyak 6,208 operasi penguatkuasaan telah berjaya dilancarkan (peningkatan 2,848 operasi berbanding jumlah operasi yang dirancang bagi tahun tersebut dan peningkatan operasi sebanyak 8.4% berbanding tahun sebelumnya). Ini menunjukkan pencapaian BKF paling cemerlang dalam usaha mempergiatkan operasi penguatkuasaannya bagi mengurangkan aktiviti pengedaran dan penjualan filem-filem yang tidak bertapis dan lucah di negara ini (Rujuk Jadual 1).



Jadual 1: Jumlah operasi tahun 2008 hingga 2012

2.3 Pencapaian jumlah dan nilai rampasan tertinggi sepanjang lima tahun (2008-2012).

Jumlah dan nilai rampasan tahun 2012 juga turut menunjukkan jumlah dan nilai rampasan tertinggi BKF sepanjang lima tahun (2008-2012). Pencapaian paling cemerlang ini menjadi petanda bahawa BKF sememangnya amat serius dalam membanteras lambakan filem-filem yang tidak bertapis dan lucah dalam pasaran Negara (Rujuk Jadual 2 dan 3) agar bahaya dan impak negatif filem-filem terbabit kepada rakyat dapat dihindarkan.



Jadual 2: Jumlah rampasan tahun 2008 hingga 2012



Jadual 3: Nilai rampasan tahun 2008 hingga 2012

2.4 Sumbangan dalam pemerkasaan sistem keadilan Negara.

Selain begitu serius dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan, Bahagian ini turut giat memperkasakan sistem keadilan Negara melalui aktiviti pendakwaan.Pesalah-pesalah industri perfileman yang ditangkap telah diheret ke mahkamah untuk diadili sewajarnya manakala kompaun pula dikenakan bagi pesalah yang tidak dibawa ke mahkamah. Ini bertujuan untuk membela nasib para penggiat industri perfileman Negara yang telah dimanipulasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab selain meletakkan kesedaran kepada orang awam bahawa sistem keadilan dan keselamatan Negara masih berada di tahap yang tertinggi.

2.5 Seminar *Media, Censorship, and Society: Crossroads between Global and Local Realities* (C-MAS).

Buat julung-julung kalinya, BKF juga telah berjaya menganjurkan sebuah seminar akademik dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 24 hingga 26 September 2012. Pelbagai penemuan saintifik berkaitan penapisan filem di peringkat tempatan mahupun antarabangsa telah berjaya ditemui dan dijadikan penanda aras dalam pembentukan dasar serta pelaksanaan usaha murni BKF dalam mencapai matlamat Menteri Dalam Negeri, Kementerian dan Bahagian ini untuk menurunkan kadar jenayah Negara khususnya dalam industri perfileman. Usaha ini dijangka akan diteruskan malah diperhebatkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

BAHAGIAN

KEPENJARAAN, ANTIDADAH DAN PERTAHANAN AWAM

BAHAGIAN
KEPENJARAAN, ANTIDADAH DAN PERTAHANAN AWAM

1.0 PENGENALAN

Fungsi Bahagian Kepenjaraan, Antidadah dan Pertahanan Awam (PDP) adalah mengkaji, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar-dasar di Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Bahagian ini juga bertanggungjawab merangka, mewujud atau meminda dasar, peraturan atau undang-undang dalam menjamin keberkesanan fungsi dan kecekapan operasi Jabatan dan Agensi di bawah tanggungjawabnya.

2.0 PROGRAM / AKTIVITI BAHAGIAN PDP

Sepanjang tahun 2012, di antara aktiviti / program yang telah dilaksanakan oleh Bahagian PDP adalah seperti berikut :

2.1 Penggubalan Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012

Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan telah diluluskan di Parlimen pada 4 disember 2012. Akta ini sangat signifikan memandangkan ianya membolehkan banduan warga Malaysia yang menjalani hukuman pemenjaraan di luar negara dibawa balik untuk menghabiskan baki hukuman di Malaysia manakala banduan warga asing yang menjalani hukuman pemenjaraan di Malaysia dihantar pulang untuk menghabiskan baki hukuman di negara asal mereka.

Ia bakal membuka ruang kepada kerjasama strategik dengan negara-negara luar dalam urusan berkaitan pemindahan banduan di masa akan datang. Ini penting kerana penggubalan Akta tersebut akan memberikan impak yang besar dalam menangani masalah kesesakan banduan asing seterusnya mengurangkan kos perbelanjaan dan pengurusan banduan yang ditanggung Kerajaan.

Dengan pelaksanaan Akta sebegini, banduan berpeluang menjalani hukuman dalam persekitaran, adat resam dan budaya sendiri yang memainkan peranan penting dalam membantu proses pemulihan. Pemenjaraan di negara asal juga memudahkan ahli keluarga untuk mengadakan lawatan. Malah, masyarakat juga turut sama dapat menyumbang dalam proses pemulihan banduan melalui perintah parol.

Mesyuarat Penyediaan Draf Peraturan-Peraturan Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 pada 5-7 Oktober 2012 Di Hotel Gurney, Pulau Pinang

2.2 Pindaan Akta Perintah Kehadiran Wajib Pesalah 1954

Pindaan Akta Perintah Kehadiran Wajib Pesalah 1954 akan memberi peluang kepada pesalah-pesalah ringan untuk tidak menjalani hukuman pemenjaraan sebaliknya melakukan kerja-kerja dalam komuniti.

Kajian semula dan semakan kepada akta yang berusia hampir 60 tahun amat dialu-alukan memandangkan terdapatnya peruntukan-peruntukan di dalam akta yang dilihat tidak lagi relevan dengan keperluan dan situasi masa kini. Selain itu, pindaan itu kelak bakal menyesuaikan Akta tersebut dengan dengan peluasan pemakaian Akta Kehadiran Wajib Pesalah 1954 ke Sabah dan Sarawak.

Menerusi pindaan akta ini, pesalah akan diberi peluang untuk menjalani hukuman di luar penjara tanpa menjejaskan kehidupan seharian dan tanpa impak pemenjaraan. Menerusi pindaan ini juga, ia diharap dapat mengurangkan indeks kadar jenayah, meningkatkan persepsi baik orang awam terhadap program pemulihan kepada pesalah dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pemulihan pesalah.

Mesyuarat Antara Agensi Bagi Memuktamadkan Draf Pindaan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 dan Kaedah-kaedah Mewajibkan Orang Salah Hadir ke Tempat Kerja atau Belajar pada 7-9 September 2012 di Hotel Thistle, Port Dickson

BAHAGIAN

URUSETIA LEMBAGA PAROL

BAHAGIAN
URUSETIA LEMBAGA PAROL

1.0 PENGENALAN

Urusetia Lembaga Parol telah diwujudkan pada bulan Jun 2008 dan merupakan salah satu Bahagian di bawah Sektor Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri.

Visi Lembaga Parol adalah 'Ke Arah Kejayaan Sistem Parol di Malaysia' manakala Misi Lembaga Parol adalah 'Memastikan setiap permohonan parol diberi pertimbangan secara adil dan saksama dengan mengambil kira perkara-perkara sebagaimana peruntukan Seksyen 46F Akta Penjara (Pindaan) 2008.

Perlaksanaan Sistem Parol di Malaysia telah mula berkuatkuasa mulai 30 Jun 2008. Sistem Parol ini diimplementasikan melalui Akta Penjara (Pindaan) 2008 [A1332]. Pindaan Akta tersebut telah mendapat Perkenan Diraja pada 24 Januari 2008 dan diwartakan pada 7 Februari 2008.

Pelaksanaannya adalah melalui cara proses pengintegrasian semula banduan ke pangkuan keluarga dan masyarakat sebagai salah satu aspek di dalam proses pemulihan banduan setelah keluar daripada penjara kelak.

2.0 KUASA LEMBAGA PAROL

Berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 46C (1) Akta Penjara (Pindaan) 2008 yang menyatakan "dengan tujuan untuk menggalakkan kelakuan baik dan kerajinan dan untuk memudahkan pemerlakuan pemulihan seseorang banduan", sesuatu Lembaga Parol hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

i. Untuk membuat keputusan sama ada untuk melepaskan secara parol seseorang banduan yang memohon parol;
ii. Untuk menggantung atau membatalkan sesuatu Perintah Parol atau untuk menambah apa-apa syarat atau mengubah mana-mana syarat sesuatu perintah Parol;
iii. Untuk mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berkaitan Parol;
iv. Untuk memeriksa mana-mana banduan bagi maksud untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan sesuatu permohonan Parol atau bagi apa-apa sebab lain yang difikirkan patut oleh Lembaga Parol; dan
v. Untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa fungsi dan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh YB Menteri.

3.0 FUNGSI URUSETIA LEMBAGA PAROL

Fungsi dan peranan Urusetia Lembaga Parol dalam melaksanakan tugasnya selaras di bawah Akta Penjara (Pindaan) 2008 adalah:

i. Melaksanakan tugasan keurusetiaan di dalam mengaturkan dan mengurus semua Persidangan Lembaga Parol dan pengagihan dosir yang telah diterima daripada Jabatan Penjara serta mencatat keputusan yang telah dipertimbangkan oleh Lembaga Parol;
ii. Memberi maklumat yang strategik ketika perbincangan dalam mewujudkan Draf Peraturan Lembaga Parol, Penetapan Daerah-daerah Parol, Penyediaan Kod Etika Lembaga Parol, Syarat-syarat Parol dan Penyediaan Perintah Parol; serta
iii. Menyemak dan memaklumkan keputusan Lembaga Parol melalui Perintah Parol yang akan dikemukakan kepada Jabatan Penjara dan Institusi negeri yang berkenaan serta mendapatkan apa-apa maklumat tambahan yang diperlukan oleh Lembaga Parol sekiranya perlu.

4.0 PROGRAM *OUTREACH* BERSAMA ORANG YANG DIPAROL (ODP)

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 36 Program *Outreach* bersama ODP telah diadakan. Tujuan program ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas dan mendekati komuniti kawasan serta ahli keluarga ODP yang sedang menjalani perintah Parol, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan para majikan yang telah memberikan kerjasama sepanjang Program Intervensi dilaksanakan. Selain itu, program *Outreach* ini juga diadakan bertujuan untuk berkongsi kisah bekas ODP yang telah berjaya dan diterima oleh masyarakat setempat.

5.0 STATISTIK KEPUTUSAN SIDANG LEMBAGA PAROL

5.1 Berikut adalah merupakan statistik keputusan yang telah diputuskan dalam Persidangan Lembaga Parol sepanjang tahun 2012 :

BULAN	LULUS	TOLAK	JUMLAH
JANUARI	174	104	278
FEBRUARI	179	89	268
MAC	114	50	164
APRIL	125	55	180
MEI	187	6	193
JUN	201	37	238
JULAI	134	17	151
OGOS	147	13	160
SEPTEMBER	158	16	174
OKTOBER	189	28	217
NOVEMBER	162	15	177
DISEMBER	143	17	160
JUMLAH	**1913**	**447**	**2360**

Jadual 1 : Statistik Sidang Lembaga Parol Mengikut Bulan Bagi Tahun 2012

5.2 Perbandingan keputusan Persidangan Lembaga Parol mengikut tahun 2008 - 2012



YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri menyampaikan sijil penghargaan semasa Program *Outreach* di Perlis.

YBhg. Dato' Alwi Bin Haji Ibrahim, TKSU Kanan (Keselamatan), Kementerian Dalam Negeri menyampaikan sijil penghargaan semasa Program *Outreach* di Sarawak.

BAHAGIAN
ANTARABANGSA

BAHAGIAN ANTARABANGSA

1.0 PENGENALAN

Bahagian Antarabangsa merupakan penyelaras terhadap semua isu berkaitan dengan hal ehwal antarabangsa Kementerian Dalam Negeri (KDN). Diantara isu-isu antarabangsa dibawah tanggungjawab KDN meliputi jenayah rentas sempadan termasuk pemerdagangan orang dan penyeludupan migran serta isu-isu hak asasi manusia. Bahagian Antarabangsa juga bertindak sebagai Sekretariat kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang merupakan peneraju di peringkat nasional dalam merancang, menyelaras dan memantau segala aspek berkaitan usaha kerajaan dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

2.0 LAPORAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

Bahagian Antarabangsa bertanggungjawab di dalam memuktamadkan perjanjian/memorandum persefahaman (MoU) dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan. Ini adalah kerana jenayah ini amat kompleks dan tidak dapat ditangani secara unilateral kerana ianya melibatkan aktiviti jenayah merentasi sempadan negara serta pergerakan manusia di dalam era globalisasi pada masa kini.

Pada tahun 2012, Kerajaan Malaysia menerusi KDN telah memeterai Perjanjian/ MoU dengan tiga buah negara iaitu Amerika Syarikat, Republik Rakyat China dan Republik Rakyat Bangladesh dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan. Perjanjian/MoU tersebut telah memberikan impak yang besar dan positif dari aspek memperkukuhkan kerjasama di kalangan Kementerian/Agensi domestik serta mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat antarabangsa dalam menangani ancaman semasa dan akan datang jenayah ini. Ini juga secara langsung dapat menangani sindrom *"working in isolation"* yang dihadapi oleh Kementerian/Agensi domestik pada masa lalu.

MoU dengan Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh adalah unik kerana ianya telah ditandatangani secara serentak dengan MoU G to G bagi pengambilan pekerja asing dari Bangladesh pada 26 November 2012. Kedua-dua MoU tersebut saling melengkapi antara satu sama lain bagi mencapai objektif melindungi hak pekerja termasuk hak warga asing yang rata-ratanya terlibat secara langsung dalam sektor perkhidmatan serta menyokong usaha merancakkan pertumbuhan ekonomi negara bagi mencapai aspirasi Kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Yang berikut merupakan di antara mesyuarat/aktiviti/program yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Antarabangsa sepanjang tahun 2012:

China

- Lawatan Kerja YB. Dato' Lee Chee Leong, TMDN Ke Beijing pada 10-14 Mei 2012 di Republik Rakyat China
- Sesi Lawatan Kerja YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, MDN Ke Republik Rakyat China pada 1-3 Ogos 2012 serta menandatangani Perjanjian Mengenai Jenayah Rentas Sempadan Malaysia – Republik Rakyat China
- Lawatan Kerja Pegawai-Pegawai Pengurusan Tertinggi yang diketuai oleh Y.Bhg. KSU KDN ke Republik Rakyat China pada 24-26 September 2012
- Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja Bersama Malaysia - Republik Rakyat China Mengenai Jenayah Rentas Sempadan pada 22 Oktober 2013 di Kuala Lumpur

Australia

- Mesyuarat Kedua Malaysia – Australia dalam menangani keganasan pada 12-13 April 2012 di Canberra, Australia
- Mesyuarat Kelima Kumpulan Kerja Malaysia – Australia mengenai Penyeludupan Manusia dan Pemerdagangan Orang pada 11-12 Disember 2012 di Kota Kinabalu, Sabah

United Kingdom

- Mesyuarat Peringkat Pegawai-Pegawai Kanan bagi Membincangkan Pelaksanaan Memorandum Persefahaman Malaysia - United Kingdom di Bidang Jenayah Rentas Sempadan pada 11-14 Februari 2012 di London
- Bengkel Jenayah Siber Dengan Pegawai-pegawai Kanan daripada Government Communication Headquarters (GCHQ) pada 27-29 Mei 2012 di Putrajaya

- Sesi Perbincangan Meja Bulat Bersama Pakar Pemerdagangan Orang, United Kingdom pada 29 Ogos 2012 di Putrajaya
- Lawatan Kerja YB. MDN Ke London pada 3-7 Disember 2012

Singapura

- Sesi Rundingan di Antara Malaysia dan Singapura Berkenaan MoU mengenai Kerjasama Memerangi Penyeludupan Dadah pada 4 Mei 2012 di Kuala Lumpur
- Lawatan Kerja MDN di Singapura serta menandatangani MoU mengenai Kerjasama Memerangi Penyeludupan Dadah (Malaysia – Singapura) pada 25-26 Jun 2012 di Singapura
- Mesyuarat Persediaan Pertama Kumpulan Kerja Membanteras Penyeludupan Dadah (Malaysia–Singapura) pada 11-12 Julai 2012 di Johor Bahru, Johor
- Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja Membanteras Penyeludupan Dadah (Malaysia – Singapura) pada 6-7 September 2012 di Kota Kinabalu, Sabah

India

- Mesyuarat Kerja Pertama Malaysia - India mengenai Jenayah Rentas Sempadan dan Anti-Keganasan pada 3-6 Oktober 2012 di New Delhi, India

Bali Process

- Penganjuran Bengkel Bali Process Secara Bersama dengan Australia Mengenai Pergerakan Secara Tidak Sah pada 11-14 Jun 2012 di Putrajaya

3.0 ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN

Bahagian Antarabangsa juga bertanggungjawab kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO). Selain itu, Bahagian turut memainkan peranan di dalam memuktamadkan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang.

Sepanjang tahun 2012, seramai 445 orang daripada 14 buah negara telah diberikan Perintah Perlindungan Tetap (PO). Mangsa paling ramai yang diselamatkan adalah warganegara Indonesia iaitu seramai 180 orang. Jumlah mangsa lelaki adalah seramai 36 orang, wanita seramai 409 orang manakala daripada jumlah keseluruhan, 10 orang mangsa adalah terdiri daripada kanak-kanak. Sebanyak 244 tangkapan telah dibuat oleh agensi penguatkuasaan dengan 195 kes telah dibuka. Dari segi pertuduhan pula, sebanyak 63 pertuduhan telah dibuat dan 8 kes telah disabitkan.

Yang berikut merupakan di antara mesyuarat/ aktiviti/ program telah dilaksanakan oleh Bahagian Antarabangsa sepanjang tahun 2012:

Memperkasa Aspek Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang

- YB. Menteri Dalam Negeri telah membuat pengumuman mengenai polisi kebenaran bekerja kepada mangsa pemerdagangan buruh yang telah tamat tempoh Perintah Perlindungan Tetap (PO) pada 12 Januari 2012. Seiring dengan pengumuman pada 7 Mac 2012, seramai 32 orang pekerja warga Bangladesh yang menjadi mangsa pemerdagangan orang telah diberikan kebenaran bekerja selepas tamat PO.

Kerjasama Strategik

- Penganjuran secara bersama dengan *International Organization for Migration* (IOM) bagi program-program berikut:
  - Bengkel Bali *Process* Mengenai Perlindungan Kepada Mangsa Pemerdagangan Orang Termasuk Penjagaan Dan Pemulihan pada 12-13 Januari 2012 di Kuala Lumpur
  - *TOT on Interview and Investigation Techniques: For Malaysia's Law Enforcement Officers* (4 Siri)
    - 23-27 April 2012, Kuala Lumpur
    - 18 – 22 Jun 2012, Pulau Pinang
    - 25 – 29 Jun 2012, Melaka
    - 2-6 Julai 2012, Kuching, Sarawak
- Program *Smile Buddy*
- *Client Management System* (CMS)
- Kerjasama dengan *International Committee of Red Cross* (ICRC) serta lawatan ke Rumah Perlindungan, Tanjung Kling, Melaka pada 19 Mac 2012 bagi mempertingkatkan aspek perlindungan dan perkhidmatan kepada mangsa-mangsa pemerdagangan orang.

Dialog Dengan Agensi Penguatkuasaan

- Sesi Dialog Bersama Agensi Penguatkuasaan dan Pegawai Pelaksana bagi Meningkatkan Kefahaman Berkaitan Pemerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran pada 14 Oktober 2012 di Pulau Pinang

BAHAGIAN

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA

BAHAGIAN
BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA

1.0 PENGENALAN

Bidang Keberhasilan Utama Negara telah dilancarkan oleh YAB PM pada tahun 2009 dengan satu pelan hala tuju yang mengambil masa sembilan tahun dalam tiga peringkat iaitu Fasa 1 (2010 – 2012), Fasa 2 (2013-2015) dan Fasa 3 (2016-2020). Kementerian Dalam Negeri adalah Kementerian Peneraju untuk NKRA : Mengurangkan Jenayah.

Berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2009, rakyat Malaysia mengenal pasti jenayah sebagai kebimbangan kedua terbesar selepas faktor ekonomi. Jenayah melunturkan semangat dan mengurangkan keyakinan orang ramai terhadap keupayaan Kerajaan untuk mengekalkan keselamatan serta keamanan. Susulan hasil kajian inilah lahirnya NKRA Mengurangkan Jenayah yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 dan tertumpu pada lima bidang utama :

- Mengurangkan Jenayah Indeks yang dilaporkan
- Mengurangkan jenayah jalanan yang dilaporkan
- Mengurangkan kebimbangan menjadi mangsa jenayah
- Menambah baik sistem keadilan
- Meningkatkan kepuasan orang ramai terhadap prestasi Polis DiRaja Malaysia.

2.0 LAPORAN

2.1 GTP 1.0

Di bawah GTP juga menyaksikan pengenalan beberapa buah program yang menyerlah, antaranya ialah Program *Omnipresence* – iaitu usaha sama antara orang ramai, sektor swasta dan pihak polis yang menyaksikan pegawai-pegawai daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain digembleng untuk memastikan kehadiran secara berterusan di kawasan yang terjejas oleh jenayah. Pada tahun 2012, Program *Omnipresence* telah dikembangkan sasarannya ke sekolah-sekolah *(Blue & Green Programme)*, pusat membeli belah, pasar awam, terminal pengangkutan awam dan kedutaan asing. Pengembangan program ini adalah sebagai tindak balas kepada insiden jenayah yang berlaku di tempat-tempat tersebut.

2.2 Kejayaan Besar

2.2.1 Pengurangan Secara Tetap Dalam Jenayah Indeks

NKPI	PENCAPAIAN 2010	PENCAPAIAN 2011	PENCAPAIAN 2012
Mengurangkan jenayah indeks	Pengurangan sebanyak 15% berdasarkan garis dasar 2009	11% berbanding tahun 2010	Pengurangan sebanyak 7.6% berbanding tahun 2011
Mengurangkan jenayah jalanan	Pengurangan sebanyak 35% berdasarkan garis dasar 2009	Pengurangan sebanyak 39.7 berdasarkan garis dasar 2009	Pengurangan sebanyak 41.3% berdasarkan garis dasar 2009
Mengurangkan kebimbangan menjadi mangsa jenayah	Pengurangan daripada 58.5% kepada 52.5%	Tiada perubahan. Kekal pada 52.8%	57%
Meningkatkan kadar pendakwaan bagi kertas-kertas siasatan yang dibuka	Tidak diperolehi 2001 daripada sasaran 2000 pesalah jenayah kekerasan didakwa di mahkamah	Peningkatan 23.4% kertas-bagi kertas siasatan yang dibuka didakwa di mahkamah	Pendakwaan sebanyak 34.7% bagi kertas-kertas siasatan yang dibuka didakwa di mahkamah
Meningkatkan kepuasan orang ramai terhadap perkhidmatan PDRM	Meningkat daripada 35.8% kepada 55.8%	Meningkat daripada 55.8% kepada 65.3%	Meningkat 65.7% daripada 65.%

Matlamat yang disasarkan oleh GTP 1.0 adalah untuk mencapai pengurangan sebanyak 5% bagi jenayah indeks secara keseluruhan yang dilaporkan setiap tahun bermula 2010 sehingga 2012. NKRA Mengurankan Jenayah telah melepasi sasaran yang ditetapkan dengan mencapai pengurangan 15% pada tahun 2010 dan pengurangan 11% pada tahun 2011. Untuk tahun 2012 pula, dengan sasaran mengurangkan jenayah indeks sebanyak 5%, kita telah berjaya mengurangkannya pada kadar sebanyak 7.6%

2.2.2 Mengurangkan Jenayah Jalanan Yang Dilaporkan

Jenayah Jalanan mempunyai kesan secara langsung dan ketara terhadap rakyat, memberikan implikasi yang negatif terhadap persepsi orang ramai tentang keselamatan mereka serta kepuasan terhadap polis. Sasaran pengurangan 20% pada tahun 2010 telah dicapai apabila sebanyak 35% jenayah jalanan telah berjaya dikurangkan. Sasaran 40% bagi tahun 2011 pula tersasar sedikit di mana pengurangan yang dicapai adalah sebanyak 39.7%. Sasaran bagi tahun 2012 pula adalah sebanyak 45% manakala pencapaian adalah sebanyak 41.3%.

Inisiatif yang banyak menyumbang dalam mencapai sasaran ini adalah Program Bandar Selamat yang dirangka berasaskan prinsip-prinsip CPTED (Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran), mencerminkan usaha sama antara polis, majlis-majlis perbandaran, dan agensi-agensi Kerajaan lain untuk meningkatkan keselamatan dalam bandar.



2.2.3 Penambahbaikan Sistem Keadilan

GTP 1.0 menyaksikan beberapa inisiatif bagi mencapai penambahbaikan sistem keadilan. Pada awalnya matlamat yang disasarkan adalah untuk menyelesaikan kes-kes jenayah kekerasan yang tertunggak dan telah direalisasikan pada tahun 2010 apabila sebanyak 2,001 kes lama telah berjaya diproses. Memandangkan inisiatif ini telah mencapai matlamatnya, NKRA Mengurangkan Jenayah mengubah fokusnya untuk meningkatkan kadar pendakwaan yang dibuat bagi kertas siasatan yang dibuka. Pada tahun 2011, sasaran adalah sekurang-kurangnya 20% yang ditahan akan dibawa ke muka pengadilan. Sasaran ini telah berjaya dicapai apabila nisbah yang tercatat adalah sebanyak 23.4%. Bagi tahun 2012 pula, sasaran yang ditetapkan ialah 25% kes akan dibawa ke muka pengadilan dan pencapaian yang diperolehi adalah sebanyak 34.7%.

2.2.4 Peningkatan Kepuasan Orang Ramai Terhadap Prestasi Pihak Polis

Kepuasan orang ramai terhadap prestasi pihak polis merupakan komponen penting dalam mengurangkan jenayah kerana kepercayaan dan kerjasama rakyat terhadap pihak polis hanya diperolehi melalui peningkatan kepuasan terhadap prestasi polis. Untuk lebih mengeratkan hubungan antara rakyat dengan pihak polis, pemimpin-pemimpin atasan termasuk Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara, Pengarah–pengarah dan Ketua-ketua Polis Negeri telah mengambil langkah-langkah kepolisan berprofil tinggi *(High Profile Policing)* di beberapa lokasi strategik. Pihak polis juga telah meningkatkan interaksi dengan orang ramai dan mengambil langkah yang aktif untuk melibatkan NGO bagi membincangkan inisiatif baru. Inisiatif Jadual Liga Balai (Balai *League Table*) diwujudkan dengan tujuan memupuk persaingan yang sihat dalam kalangan anggota polis.

Hasilnya, kepuasan orang ramai terhadap prestasi polis meningkat dari 35.8% kepada 55.8% pada tahun 2010, dan kemudiannya kepada 65.3% pada tahun 2011. Sasaran yang ditetapkan pada tahun 2012 ialah 65% dan pencapaiannya ialah 65.7%.

2.3 Pengiktirafan

2.3.1 *World Justice Project* mengiktiraf Malaysia sebagai ke-19 selamat di kalangan Negara Berpendapatan Menengah Atas dan ke-19, ke-12 secara keseluruhan.

2.3.2 *Global Peace Index* mengiktiraf Malaysia sebagai negara paling selamat dan aman di Asia Tenggara dan ke-20 seluruh dunia.

2.3.3 Meningkat 30 tangga ke tangga 21 di dalam *WEF Global Competitiveness Report* (Tahun 2011) dalam mengukur kos perniagaan jenayah dan keganasan Walaubagaimanapun, pada tahun 2012 telah jatuh sedikit ke tangga ke-29.

Program Omnipresence ialah salah satu inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah Bagi Fasa 1 (2010 – 2012) di bawah Program Transformasi Kerajaan

Anggota polis dan RELA mengawal keselamatan sekolah di bawah Program Blue & Green

2.3.4 Menerima 2 anugerah peringkat antarabangsa untuk *Safe City Monitoring System* (SCMS) iaitu : *Special Achievement in GIS Award dari Environmental System Research Institute* (ESRI) dan *Future City of The Year 2012* dari *Future GOV Summit.*

2.3.5 Pada Julai 2012, satu Panel Penilaian Antarabangsa NKRA Mengurangkan Jenayah telah dilaksanakan dengan mengundang pakar bidang kepolisan dan keselamatan dari Hong Kong, Singapura, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Ahli panel telah diberi taklimat dan juga turun padang melihat pelaksanaan inisiatif GTP 1.0 seperti Program *Omnipresence,* Program Bandar Selamat dan juga GTP 2.0 yang akan menyusul. Maklum balas keseluruhan yang diterima daripada ahli panel adalah memberangsangkan. Antara komen yang diterima ialah Malaysia telah mencatat pencapaian yang besar beberapa tahun kebelakangan ini dalam mengurangkan jenayah. Terdapat bukti yang jelas oleh kepimpinan atasan dan hasil kerjasama oleh agensi yang berbeza. Ianya boleh dijadikan model kepada negara-negara lain untuk difikirkan apabila menguruskan sumber yang terhad.

2.4 Inisiatif Baru 2012

2.4.1 Inisiatif *Blue & Green*

Di bawah inisiatif ini pihak polis dan RELA akan membuat rondaan bersama di sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara. Sehingga September 2012, sebanyak 504 sekolah telah mendapat manfaat.

2.4.2 *PDRM SafeCam Initiative*

Pada Oktober 2012, *PDRM SafeCam Initiative* telah dilancarkan di Johor yang melibatkan 19,336 CCTV. PDRM *Safecam Network* mensasarkan untuk menjadi CCTV yang terbesar di Malaysia.

2.4.3 Aplikasi *MyDistress*

Sistem ini adalah aplikasi menerusi telefon pintar, yang membolehkan orang ramai menghantar isyarat kecemasan dengan menekan butang ikon pada telefon pintar terbabit dan polis akan mengesan individu yang menghantar isyarat ke lokasi berkenaan.Lebih daripada dari 130,000 orang telah memuat turun aplikasi *MyDistress* ke telefon pintar mereka.

3.0 KESIMPULAN

Kerajaan telah memberikan tumpuan dan usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak di dalam GTP 1.0 di mana pelbagai kejayaan telah ditempa. Tumpuan dan usaha ini akan diteruskan di dalam GTP 2.0 yang bermula 2013 dan berakhir 2015. GTP 1.0 telah meletakkan asas yang kuat untuk diteruskan dalam GTP 2.0 yang memerlukan penglibatan dan bantuan semua pihak terutamanya daripada rakyat.

YB Menteri Dalam Negeri menyampaikan papan tanda PDRM SafeCam Initiative kepada wakil dari UEM Land sempena Program Pemantapan Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah pada 14 Oktober 2013 di Johor Bahru, Johor

BAHAGIAN

KEPOLISAN DAN KESELAMATAN SEMPADAN

BAHAGIAN KEPOLISAN DAN KESELAMATAN SEMPADAN

1.0 PENGENALAN

Bahagian Kepolisan dan Keselamatan Sempadan merupakan salah satu bahagian di bawah sektor keselamatan yang bertanggungjawab terhadap isu-isu berkaitan dasar kepolisan dan keselamatan sempadan. Selain itu, Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) turut diletakkan di bawah Bahagian ini. Fungsi utama Bahagian ini adalah seperti berikut:

i. Merangka, menggubal dan menyelia perkara dasar berkaitan Polis Diraja Malaysia (PDRM);
ii. Merangka dan menyelaras secara bersama dengan Pejabat Ketua PengarahKeselamatan Kerajaan dari segi aspek pemantauan dan perlindungan pepasangan sasaran penting negara melalui Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) dan Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri (JSPN);
iii. Bertanggungjawab terhadap isu-isu keselamatan sempadan dan sentiasa bekerjasama erat dengan agensi berkaitan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan sebagainya; dan
iv. Merangka dan menyelaras secara bersama dengan MKN perkara berkaitan dasar UPP dan memantau serta menyelaras secara keseluruhan operasi dan pentadbiran UPP.

2.0 LAPORAN

Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Politik (PTP) telah diperkenalkan oleh Kerajaan bukan sahaja satu pendekatan bagi menambah baik perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan dalam bidang sosial dan ekonomi malah melakukan perubahan dalam kaedah pengurusan jentera Kerajaan agar keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan hidup rakyat dapat terjamin. Justeru, pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dan dilaksanakan oleh Bahagian ini sepanjang tahun 2012 supaya ianya selaras dengan agenda transformasi nasional yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak melalui GTP, ETP dan PTP. Antara program dan aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

2.1 Pencapaian KPI Program Strategik UPP 2012: Mengurangkan Kadar Penyeludupan di Sempadan Malaysia-Thailand Sebanyak 5%

Pelan Strategik Lima (5) Tahun (2011-2015) Kementerian telah mensasarkan pengurangan kadar penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya. Bagi tahun 2012, sasaran tersebut telah tercapai dengan memberansangkan berdasarkan pengurangan kadar penyeludupan sebanyak -33.54% berbanding tahun lepas.

Pengukuran mengambil kira peratus (peningkatan/ penurunan) nilai rampasan bagi setiap operasi tahun semasa berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2012, UPP telah melaksanakan sebanyak 17,526 operasi yang meliputi aktiviti penguatkuasaan seperti sekatan jalan raya, rondaan, risikan, operasi khas dan pemeriksaan mengejut. Hasilnya, UPP telah berjaya memperolehi sebanyak 2,382 kes dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM29,133,267.49. Purata nilai rampasan setiap operasi bagi tahun 2012 telah menurun kepada RM1,662.29 berbanding tahun 201 sebanyak RM2,501.00. Ini menunjukkanpenurunan sebanyak -RM838.71 atau -33.54%.

PERKARA	2011	2012
Nilai Rampasan (a)	RM36,864,730.26	RM29,133,267.49
Jumlah Operasi (b)	14,740	17,526
Nilai Rampasan bagi setiap operasi (a)/(b)	RM2,501.00	RM1,662.29
Naik/Turun (+/-)		-RM838.71
%		-33.54%

BIL	JENIS BARANG	NILAI RAMPASAN (RM)
1	Beras	137,710.00
2	Diesel /Petrol	1,276,782.61
3	Dadah	242,261.00
4	Senjata Api	-
5	Mercun / Bunga Api	501,296.12
6	Minuman Keras / Rokok	7,562,975.06
7	Barangan Pengguna	132,119.80
8	Baja / Racun Rumpai	1,500.00
9	Kenderaan	10,174,490.00
10	Haiwan	511,835.00
11	Kayu	7,857,100.00
12	Perikanan	64,200.00
13	Pertanian	155,427.40
14	Pakaian	78,696.50
15	Penerbitan Filem	23,500.00
16	Mata Wang	327,311.00
17	Kosmetik / Lain-lain	86,063.00
JUMLAH		**RM29,133,267.49**

Sebahagian daripada barang-barang yang dirampas dalam operasi UPP

Lawatan Kerja Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop ke UPP Pengkalan Kubor dan PGM Pengkalan Kubor, Kelantan pada 27 Februari 2012. Dalam lawatan tersebut, Datuk Wira Abu Seman turut meninjau perairan sempadan Pengkalan Kubor-Sungai Golok, Bukit Lata-Pasir Mas dan pangkalan haram yang sering dijadikan laluan ke Mundok, Thailand

2.2 Sambutan Hari UPP ke-36

Sambutan Hari UPP ke-36 telah diadakan pada 29-30 Jun 2012 di Kompleks UPP Bukit Kayu Hitam, Kedah sempena penubuhan UPP pada 28 Jun 1976. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri. Antara program yang diadakan adalah Majlis Bacaan Yasin, Hari Bertemu Pelanggan KDN dan Kaunter Pameran. Program tersebut dihadiri oleh kira-kira lebih kurang 2,000 orang yang terdiri daripada warga UPP, pegawai dan kakitangan dari jabatan/agensi KDN di negeri Kedah, jabatan/agensi yang bertugas di sempadan, jemputan khas dari pihak berkuasa Thailand dan masyarakat setempat di sekitar Bukit Kayu Hitam, Kedah. Antara *outcome* program ini yang selaras dengan GTP adalah seperti berikut:

i) Mendekatkan UPP dengan masyarakat setempat dan mengeratkan lagi interaksi bagi membentuk hubungan kukuh di antara masyarakat dan UPP. Hubungan kukuh ini menjadi asas bagi membentuk kerjasama dalam membanteras jenayah penyeludupan secara "*pre-emptive*" ;
ii) Mendedahkan masyarakat mengenai peranan dan fungsi UPP dalam membanteras penyeludupan serta aspek penguatkuasaan dan isu-isu semasa mengenai penyeludupan;
iii) Membudayakan perkhidmatan yang berorientasikan mesra pelanggan, namun tegas dalam menguatkuasakan undang-undang;
iv) Memantapkan semangat berpasukan dan jalinan kerjasama yang sekian lama wujud dalam UPP yang dianggotai oleh tiga (3) agensi;
v) Memperkasakan peranan UPP sebagai peneraju dalam aktiviti membanteras penyeludupan.

Sambutan Hari UPP ke-36 pada 30 Jun 2012 di Kompleks UPP Bukit Kayu Hitam, Kedah telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Lee Chee Leong

2.3 Operasi Bersepadu UPP Bersama Agensi Penguatkuasa Lain

Bagi membanteras aktiviti penyeludupan dengan lebih berkesan, UPP telah menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi penguatkuasa lain dan mengadakan operasi secara bersepadu berdasarkan pendekatan *"Blue Ocean Strategy"*. Operasi tersebut dapat mengeratkan hubungan kerjasama dengan agensi lain di samping dapat berkongsi maklumat dan kepakaran menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Jalinan kerjasama yang kukuh antara agensi merupakan elemen yang sangat penting bagi memantapkan penguatkuasaan di sempadan. Pendekatan ini selaras dengan hasrat Kerajaan supaya agensi Kerajaan memberi penekanan kepada pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan agenda transformasi di bawah GTP. Pada tahun 2012, sebanyak dua operasi bersepadu telah dilaksanakan iaitu seperti berikut:

2.3.1 Operasi Bersepadu UPP Bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak

Operasi bersepadu UPP bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak telah diadakan pada 12 hingga 16 Julai 2012 di sekitar kawasan Kuching dan Sri Aman, Sarawak. Operasi bertujuan mengawal dan menyekat *'supply and delivery system'* kegiatan penyeludupan keluar barang kawalan seperti minyak masak, gula, tong gas serta penyeludupan masuk barang-barang kontraban seperti mercun, rokok dan minuman keras di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan Barat. Operasi telah dijalankan di sekitar kawasan pintu masuk Kompleks ICQS Lubok Antu, Kompleks ICQS Tebedu dan Kompleks ICQS Serikin. Operasi dilaksanakan berikutan liputan media massa berkaitan kegiatan penyeludupan yang berlaku di kawasan tersebut. Kunjungan hormat ke pejabat Pesuruhjaya Polis Negeri Sarawak, DCP Dato' Acryl Sani Abdullah Sani turut diadakan pada 16 Julai 2012 sempena operasi bersepadu tersebut.

2.3.2 Operasi Bersepadu UPP Kelantan Bersama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.

UPP bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak sempena operasi bersepadu yang diadakan pada 12 hingga 16 Julai 2012 di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan Barat

Kunjungan hormat ke pejabat Pesuruhjaya Polis Sarawak sempena operasi bersepadu UPP dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak pada 12 hingga 16 Julai 2012

Operasi bersepadu UPP bersama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah diadakan pada 12 sehingga 13 Oktober 2012 di Hutan Simpan Sungai Terah, Gua Musang, Kelantan. Operasi bertujuan membanteras isu penerokaan tanah dan pembalakan haram di dalam Hutan Simpan Sungai Terah yang dipercayai didalangi oleh penduduk tempatan yang mengupah pendatang asing tanpa izin (PATI) berdasarkan aduan awam dan maklumat risikan. Seramai 14 orang termasuk 3 orang PATI warga Indonesia telah ditahan dan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM500,000.00 melibatkan rampasan kayu balak dan peralatan pembalakan. Kes tersebut telah disiarkan dalam akhbar *The New Straits Times* dan Harian Metro pada 13 Oktober 2012.

Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan memeriksa kayu balak yang dirampas dalam satu operasi bersepadu bersama UPP Kelantan di kawasan Hutan Simpan Sungai Terah, Gua Musang, Kelantan

2.4 Program UPP Bersama Masyarakat Sempena Hari Raya Korban

UPP telah mengadakan Program UPP Bersama Masyarakat sempena sambutan Hari Raya Korban pada 28 Oktober 2012 di Kampung Meranti, Pasir Mas, Kelantan. Program tersebut disertai oleh kira-kira 100 orang pegawai dan anggota dari UPP Kelantan, UPP Perlis, UPP Kedah dan UPP Perak dan seramai 200 orang penduduk setempat dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Abdul Rahim bin Ismail, Ketua Pengarah UPP merangkap Setiausaha Bahagian Kepolisan dan Keselamatan Sempadan. Program bertujuan mendekatkan lagi UPP dengan masyarakat supaya dapat membentuk hubungan kukuh yang menjadi asas dalam membentuk kerjasama bagi membanteras aktiviti penyeludupan secara "*pre-emptive*". Pendekatan ini selaras dengan agenda transformasi dibawah GTP.

Anggota UPP di semua negeri

KOTA BHARU: Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) bercadang untuk menempatkan anggota mereka di seluruh negara bagi melakukan tugas pengawasan berbanding sekarang yang hanya membabitkan empat negeri saja iaitu Kelantan, Kedah, Perak dan Perlis.

Bagaimanapun, Ketua Pengarahnya, Datuk Abd Rahim Ismail berkata, anggota sedia ada tidak dihadkan kawasan penugasan mereka malah boleh melangkaui sempadan masing-masing.

Katanya, penugasan UPP adalah berpandukan kekuatan undang-undang dan tiada sempadan ditetapkan.

"Tugas boleh dijalankan sekiranya mendapat maklumat malah anggota yang bertugas boleh menjejaki individu tertentu sama ada ke Johor, Sabah atau Sarawak.

"Dalam soal ini, kita mahu tegaskan yang undang-undang tidak terbatas setakat di empat negeri itu saja dan setiap anggota yang bertugas boleh bergerak sehingga ke mana-mana saja di negara ini.

"Namun begitu, kita sendiri sudah merancang untuk memperluaskan kekuatan anggota ke seluruh negara dan masih menunggu arahan daripada pihak atasan untuk kelulusan," katanya ketika ditemui pada majlis korban di Kampung Jenereh, di sini, semalam.

Sementara itu, Abd Rahim berkata UPP setakat ini mempunyai 940 kekuatan anggota di empat negeri.

Katanya, sehingga kini ada 30 platun anggota UPP di seluruh negara dan jumlah itu dilihat masih berjaya mengawal kegiatan penyeludupan.

"Kes penyeludupan sekarang sudah semakin meluas. Sebagai contoh di Selangor, kita boleh melakukan pemeriksaan di pintu masuk, lapangan terbang dan pelabuhan," katanya.

AGIH...Abd Rahim (dua dari kiri) menyerahkan daging korban kepada anggota UPP.

Keratan Akhbar Harian Metro 30 Oktober 2012 mengenai Program UPP Bersama Masyarakat di Kota Bahru, Kelantan pada 28 Oktober 2012

2.5 Program Rondaan 1Malaysia di Kawasan Sempadan

Kementerian telah melaksanakan Program Rondaan 1Malaysia di 80 kawasan di seluruh negara yang menumpukan kepada kawasan bukan kategori hot spot. Rondaan ini bertujuan mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara melalui langkah pencegahan dan ianya telah dilaksanakan secara berperingkat mulai 1 Mac 2012. Rondaan itu disertai semua agensi di bawah Kementerian termasuk PDRM, Rela, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Jabatan Imigresen, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Rondaan 1Malaysia telah diperluaskan di kawasan sempadan di negeri Kelantan iaitu di sekitar kawasan Rantau Panjang, Pengkalan Kubor dan Bukit Bunga yang bersempadan dengan Thailand mulai 22 April 2012. Rondaan ini diketuai oleh UPP Kelantan dan disertai oleh semua agensi di bawah Kementerian di negeri Kelantan. Rondaan tersebut berjaya meningkatkan *omnipresence* atau kehadiran anggota penguatkuasa dan memperkasakan penguatkuasaan bagi mencegah jenayah di kawasan sempadan.Penyertaan UPP dalam rondaan mencegah jenayah ini adalah salah satu usaha bagi mencapai NKRA mengurangkan kadar jenayah di negara kita dan seterusnya merealisasikan agenda GTP.

BAHAGIAN

VETERAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

BAHAGIAN
VETERAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Bahagian Veteran Polis Diraja Malaysia diwujudkan pada 8 Ogos 2012 dengan 16 perjawatan baru telah diluluskan. Bahagian Veteran Polis ini dahulunya dikenali Bahagian Hal Ehwal Bekas Anggota Polis dan Penjara dengan tujuan untuk menjaga kebajikan dan meningkatkan kualiti hidup bekas anggota polis dan penjara.

Buat masa ini Bahagian Veteran telah beroperasi di Aras 7, Blok D1, Komples D, Putrajaya dan seterusnya nanti Bahagian Veteran ini akan beroperasi di Tingkat 25, Menara I, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur yang dijangka pada pertengahan tahun 2013.

2.0. LAPORAN

2.1 Tabung Amanah Warisan Polis

Tabung Amanah Warisan Polis (TAWP) telah ditubuhkan oleh Kerajaan dengan tujuan untuk memberi bantuan kepada bekas anggota polis dan tanggungan mereka. Sehingga tahun 2012, kategori bantuan TAWP yang disediakan adalah seperti berikut:-

- TAWP 1 – Khairat Kematian
- TAWP 2 – Bantuan Pergerakan
- TAWP 3 – Bantuan Perubatan
- TAWP 4 – Bantuan Pendidikan
- TAWP 5 – Bantuan Bencana Alam
- TAWP 6 – Saguhati Khas bernilai RM1000 kepada bekas polis yang berkhidmat pada zaman darurat (Semenanjung tahun 1948-1962 dan Sabah/Sarawak tahun 1962-1974).
- TAWP 6A – Saguhati Khas bernilai RM3000 kepada bekas polis yang berkhidmat pada zaman darurat (Semenanjung tahun 1948-1962 dan Sabah/Sarawak tahun 1962-1974).

Sejak 2003 sehingga 31 Disember 2012, sejumlah 184,186 permohonan bantuan TAWP 1 hingga 5 telah diterima. Dari jumlah tersebut, tahun 2012 sahaja telah mencatat sebanyak 93,504 permohonan pelbagai jenis bantuan.

TAWP 1 hingga hingga 5 pembayaran tidak dapat dijelaskan lagi kerana ketiadaan dana di dalam TAWP. Ini adalah kerana dana tabung ini bergantung kepada sumbangan badan-badan korporat dan individu.

KATEGORI	JENIS BANTUAN TAWP						
	1	2	3	4	5	6	6A
Jumlah permohonan	520	12	51	71	11	957	91882
Jumlah permohonan lulus	520	12	51	71	11	956	72140
Jumlah permohonan ditolak	0	0	0	0	0	1	19742
Jumlah permohonan yang telah dibayar	0	0	0	0	0	71	67760

Jadual 1: Statistik permohonan bantuan TAWP bagi tahun 2012

Manakala permohonan bantuan RM1000 TAWP 6 yang dibuat sebelum tarikh tutup 28 Februari 2008 sebanyak 957 masih lagi dalam proses pembayaran.

Statistik pembayaran bantuan TAWP 1 hingga 6A bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:-

KATEGORI	JUMLAH (RM)
TAWP 1	0
TAWP 2	0
TAWP 3	0
TAWP 4	0
TAWP 5	0
TAWP 6	71,000
TAWP 6A	20,328,000

Jadual 2: Statistik pembayaran TAWP 1 hingga 6A bagi tahun 2012

Statistik pemohon bantuan TAWP 1 hingga 5 mengikut kategori perkhidmatan:

KATEGORI	BEKAS ANGGOTA	BALU/DUDA
Special Constable	17021	188
Home Guard	23518	109
Auxiliary Police	897	5
Extra Police Constable	639	3
Woman Special Constable	308	1
Border Scout	2388	34
Police Field Force Reservist	111	0
Woman Border Scout	2	0
Pesara	162	100
Tiada Maklumat Perkhidmatan	47401	2916

Jadual 3: Statistik jumlah pemohon bantuan TAWP 1 hingga 5 mengikut kategori perkhidmatan bagi tahun 2012

Statistik pemohon bantuan TAWP 6A mengikut kategori perkhidmatan:

KATEGORI	BEKAS ANGGOTA	BALU/DUDA
Special Constable	20020	8696
Home Guard	56335	22508
Auxiliary Police	2119	591
Extra Police Constable	1203	558
Woman Special Constable	210	9
Border Scout	3156	759
Police Field Force Reservist	3726	773
Woman Border Scout	2	0
Jungle Squad	640	321
Sarawak Constable	2695	659
Tiada Maklumat	23766	4774

Jadual 4: Statistik jumlah pemohon bantuan TAWP 6A mengikut kategori perkhidmatan bagi tahun 2012

2.2. Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara

Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) merupakan sebuah tabung yang ditubuhkan pada 5 Oktober 1984 bagi memberi bantuan kepada anggota polis yang masih berkhidmat tetapi terlibat di dalam kemalangan jiwa dan kecederaan semasa bertugas.

Di sepanjang tahun 2012, sejumlah 64 permohonan bagi mendapatkan bantuan TAPPN telah diterima. Dari jumlah tersebut, 50 permohonan telah diluluskan sementara selebihnya masih lagi dalam peringkat kelulusan.

Berkuatkuasa pada 1 Januari 2011, kadar bantuan bagi semua jenis kemalangan telah mengalami perubahan. Walaubagaimanapun, bayaran bantuan ditentukan berdasarkan kepada tarikh kejadian kemalangan berlaku.

Gambar 1: Sebahagian dari bakal pesara yang menimba ilmu dalam penternakan lembu semasa Kursus Pengkhususan Sesi 2/2013 di Pusat Keusahawan IGrow, Batu Gajah, Perak pada 19 – 22 November 2012.

Gambar 2: Peserta-peserta dari bakal pesara Kursus Pengkhususan Sesi 3/2012 di CuitCuteCake Sdn Bhd, Sg. Petani, Kedah, 11 – 14 Disember 2012.

Statistik permohonan TAPPN polis bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:-

JENIS KEMALANGAN	MENINGGAL DUNIA	CEDERA PARAH*	CEDERA PARAH**	CEDERA PARAH KEKAL***	CEDERA PARAH****	CEDERA RINGAN
NILAI BANTUAN (RM)	18,000	21,000	9,000	6,500	4,000	600
JUMLAH PERMOHONAN	4	0	0	0	5	1
	72,000	0	0	0	20,000	600
NILAI BANTUAN (KADAR BARU)	22,000	30,000	15,000	10,500	8,000	750
JUMLAH PERMOHONAN	1	0	0	1	30	8
	22,000	**0**	**0**	**10,500**	**240,000**	**6,000**

*Cedera parah yang mengakibatkan kehilangan pandangan kedua-dua mata menyebabkan kesukaran untuk mencari mata pencarian, kudung kedua-dua belah kaki atau lumpuh dari paras pinggang ke bawah.

**Cedera parah yang mengakibatkan 'permenant disablement' dan terpaksa diberhentikan daripada perkhidmatan

***Cedera parah yang kekal tetapi masih boleh berkhidmat

**** Cedera Parah

2.3. Penganjuran Kursus

Sejumlah 5 kursus peralihan dan 4 kursus pengkhususan telah dijalankan di sepanjang tahun 2012, melibatkan seramai 287 bakal pesara polis, penjara dan imigresen dari seluruh negara.

JENIS KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KEHADIRAN
Kursus Peralihan Sesi 1/2012	19 – 22 Jun 2012	Melaka	31 Orang
Kursus Peralihan Sesi 2/2012	1 – 4 Julai 2012	Terengganu	38 orang
Kursus Peralihan Sesi 3/2012	16 – 19 Julai 2012	Sabah	40 orang
Kursus Peralihan Sesi 4/2012	18 – 21 September 2012	P. Pinang	35 orang
Kursus Peralihan Sesi 5/2012	16 – 19 Oktober 2012	Langkawi	36 orang
Kursus Pengkhususan 1/2012	24 – 27 September 2012	Perak	30 orang
Kursus Pengkhususan 2/2012	19 – 22 November 2012	Perak	27 orang
Kursus Pengkhususan 3/2012	11 – 14 Disember 2012	Kedah	24 orang
Kursus Pengkhususan 4/2012	16 – 19 Disember 2012	Perak	26 orang

Jadual 5: Senarai kursus peralihan dan pengkhususan bagi tahun 2012

SEKTOR
PENGURUSAN

BAHAGIAN

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BAHAGIAN
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

1.0 PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia memberikan perkhidmatan dalam bidang pengurusan dan pembangunan sumber manusia kepada semua Bahagian dan Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Terdapat lima (5) sektor pengurusan utama iaitu Pengurusan Pembangunan Organisasi, Skim, Saraan dan HRMIS, Pengurusan Perkhidmatan dan Pengambilan, Pengurusan Tatatertib, Naik Pangkat dan Prestasi, Pengurusan Pembangunan Latihan dan Kompetensi dan Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling/ Psikologi yang bersama-sama menggembeleng tenaga bagi memastikan fungsi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Manakala sektor Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan bertindak sebagai penyelaras dan penyokong kepada kelima-lima sektor pengurusan utama ini.

Bahagian ini diketuai oleh Setiausaha Bahagian, Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred Utama C dan dibantu oleh Timbalan Setiausaha Bahagian, PTD Gred M54. Mereka dibantu oleh 92 anggota pelbagai jawatan dan gred yang terdiri daripada 22 anggota dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala yang baki 70 anggota dalam Kumpulan Sokongan.

2.0 LAPORAN

2.1 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian telah diadakan pada 16 Januari 2012 yang disempurnakan oleh YB TMDN. Majlis ini merupakan majlis APC terawal yang berjaya dilaksanakan oleh Kementerian ini berbanding Kementerian lain. Latarbelakang kepada kejayaan ini bermula dengan pengisian Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) pada November 2011 dan seterusnya Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia pada 27 Disember 2011. Antara impak pelaksanaan Majlis APC yang dilaksanakan awal adalah Kementerian dapat mencapai pengisian LNPT sebanyak 100%, memudahkan pengisian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) pada tahun berikutnya, meningkatkan motivasi pegawai dan kakitangan, mengatasi kesesakan HRMIS dan Kementerian Dalam Negeri telah dapat menjadi Kementerian contoh kepada Kementerian lain.

2.2. Urusan Tindakan Tatatertib

Pada tahun 2012, sebanyak 185 kes telah dilaporkan iaitu; 123 kes melibatkan pegawai awam di PDRM, 25 kes melibatkan pegawai di RELA dan baki 37 kes melibatkan pegawai KDN. Daripada 185 kes, 56 kes di peringkat penentuan kes, 29 kes di peringkat penentuan prima facie dan 100 kes telah selesai diputuskan oleh Lembaga Tatatertib. Bagi urusan rayuan hukuman tatatertib pula, sebanyak 12 permohonan telah diterima dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam selaku Lembaga Rayuan Tatatertib.

2.3 Urusan Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan

Pada tahun 2012, Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan I KDN telah bersidang sebanyak tiga kali, manakala Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan II KDN telah bersidang sebanyak tiga kali. Dalam mesyuarat tersebut, seramai 209 orang telah diluluskan kenaikan pangkat, seramai 139 orang di luluskan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dan seramai 14 orang telah diluluskan pemangkuan ke gred jawatan yang lebih tinggi. Kesemua urusan ini meliputi pegawai bukan gunasama di pelbagai gred jawatan.

Selain itu, Bahagian SM juga menyediakan kertas pertimbangan kenaikan pangkat dan pemangkuan bagi pegawai Kumpulan Sokongan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional kepada pihak JPA (seperti dalam Jadual 1). Bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat jawatan gunasama Kumpulan Sokongan I, Bahagian SM juga menyediakan dokumen dan perakuan kepada pihak JPA berdasarkan tawaran iklan yang disiarkan.

BIL	JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI	
		PEMANGKUAN	KENAIKAN PANGKAT
1.	PTD Gred Utama (JUSA)	-	4
2.	PTD Gred M52 Ke Gred M54	-	5
3.	PTD Gred M48 Ke Gred M52	2	4
4.	PTD Gred M44 Ke Gred M48	8	9
5.	PTD Gred M41 Ke Gred M44	21	37
6.	Pegawai Teknologi Maklumat Gred Khas C Ke Gred Khas B	-	2
7.	Pegawai Teknologi MaklumatGred F48 Ke F52	1	-
8.	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 Ke F48	-	1
9.	Pegawai Psikologi Gred S41 Ke Gred S44	-	2
10.	Pegawai Pertahanan Awam Gred KP44 Ke Gred KP48	-	4
11.	Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41 Ke Gred KP44	35	42
12.	Pegawai Antidadah Gred S48 Ke Gred S52	-	1
13.	Pegawai Antidadah Gred S44 Ke Gred S48	-	7
14.	Pegawai AntidadahGred S41 Ke Gred S44	-	12
15.	Penguasa Penjara Gred KX54 Ke Gred Utama C	4	12
16.	Penguasa Penjara Gred KX52 Ke Gred KX54	1	17
17.	Penguasa Penjara Gred KX48 Ke Gred KX52	1	-
18.	Penguasa Penjara Gred KX44 Ke Gred KX48	-	1
19.	Penguasa Penjara Gred KX41 Ke Gred KX44	-	2
JUMLAH		102	163

Jadual 1 : Urusan Kenaikan Pangkat Dan Pemangkuan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional

2.3 Urusan Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan

Pada tahun 2012, Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan I KDN telah bersidang sebanyak tiga kali, manakala Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan II KDN telah bersidang sebanyak tiga kali. Dalam mesyuarat tersebut, seramai 209 orang telah diluluskan kenaikan pangkat, seramai 139 orang di luluskan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dan seramai 14 orang telah diluluskan pemangkuan ke gred jawatan yang lebih tinggi. Kesemua urusan ini meliputi pegawai bukan gunasama di pelbagai gred jawatan. Selain itu, Bahagian SM juga menyediakan kertas pertimbangan kenaikan pangkat dan pemangkuan bagi pegawai Kumpulan Sokongan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional kepada pihak JPA (seperti dalam Jadual 1). Bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat jawatan gunasama Kumpulan Sokongan I, Bahagian SM juga menyediakan dokumen dan perakuan kepada pihak JPA berdasarkan tawaran iklan yang disiarkan.

2.4 Urusan Penanggungan Kerja

Prosedur penanggungan kerja merupakan salah satu prosedur kualiti (operasi) yang telah diberi pengiktirafan persijilan MS ISO 9001:2008. Objektif kualiti prosedur penanggungan kerja ini adalah memastikan urusan penanggungan kerja diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh maklumat lengkap diterima. Pada tahun 2012, sebanyak 345 permohonan penanggungan kerja telah diluluskan dan berjaya mencapai objektif kualiti yang ditetapkan. Daripada jumlah ini, sebanyak 232 terdiri dari permohonan Kumpulan Sokongan, manakala 113 melibatkan permohonan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

2.5 Urusan Permohonan Pemilikan Tanah Kerajaan

Pada tahun 2012, sebanyak 95 urusan permohonan pemilikan tanah Kerajaan telah diluluskan.

BAHAGIAN

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

BAHAGIAN
PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

1.0 PENGENALAN

Pada tahun 2012, beberapa inisiatif telah dilaksanakan melalui perkhidmatan/program/projek ICT untuk memberi sokongan kepada teras strategik KDN. Penyampaian perkhidmatan atas talian, pelaksanaan projek ICT secara dalaman (inhouse) dan Hadiah Kalobarasi *Open Source Software* (OSS) Sektor Awam adalah antara inisiatif dan pengiktirafan yang telah diperolehi KDN.

Inisiatif-inisiatif ini turut mengambil kira implikasi kewangan, usaha sama antara agensi dan perkongsian pintar membawa kepada tranformasi pembaharuan secara terancang dan strategik untuk merealisasikan aspirasi kerajaan dalam agenda pengukuhan daya saing negara dan peningkatan kualiti hidup rakyat.

2.0 LAPORAN

2.1 Penyampaian Perkhidmatan KDN

2.1.1 Perkhidmatan Atas Talian

Penyampaian perkhidmatan atas talian yang responsif, cepat dan mudah dilaksanakan dapat memberi kemudahan kepada orang awam bagi mempercepatkan urusan dan mengetahui status permohonan. Antara perkhidmatan-perkhidmatan atas talian di KDN adalah :

i. Permohonan dan Pembayaran Online Perakuan B
ii. Senarai Filem Yang Diluluskan
iii. Sistem Permohonan Piroteknik
iv. Senarai Penerbitan Larangan
v. Senarai Kelulusan Pruf Teks Akhir Al-Quran
vi. Senarai Kelulusan Syarikat Mendapat Lesen Mencetak Teks Al-Quran
vii. Sistem Permohonan Pekerja Asing
viii. Sistem Agensi Persendirian dan Pengawal Keselamatan
ix. Permohonan Online Perakuan B, Kawalan Filem
x. Permohonan Online Keahlian Rela
xi. Sistem Perpustakaan
xii. Aduan Awam
xiii. Sistem Pendaftaran Syarikat Secara Online, Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan
xiv. Semakan Senarai Penerima Cek/EFT Batal Bagi Syarikat/ Individu
xv. Semakan Status Permohonan Online Keahlian RELA

Perkhidmatan-perkhidmatan ini boleh dicapai melalui Portal Rasmi KDN di www.moha.gov.my. Di samping itu juga,penyampaian perkhidmatan atas talian ini dapat menjimatkan masa danmengurangkan jumlah transaksi dikaunter.

2.1.2 Perkhidmatan Portal Rasmi Kementerian

Portal merupakan salah satu gerbang untuk menyampaikan perkhidmatan dan informasi Kementerian dan agensi/ jabatan kepada warga dan orang awam. KDN telah mendapat pengiktirafan Tempat Pertama dalam Penilaian Laman Web/ Portal Agensi Kerajaan 2012 oleh Mutimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) dimana kementerian dan semua agensi/jabatan dibawahnya mendapat Penarafan 5 Bintang. Hasil penilaian MDeC adalah seperti di Jadual 1.

HASIL PENILAIAN PORTAL DAN LAMAN WEB KERAJAAN 2012
OLEH MULTIMEDIA DEVELEPMENT CORPORATION (MDeC) BAGI KEMENTERIAN DAN JABATAN/AGENSI DI BAWAH KDN

Overall Ranking bagi Portal (MARKAH PENUH : 110)

BIL	BULAN	RANKING	SKOR 2012	STAR 2012	SKOR 2011	STAR 2011
1	Kementerian Dalam Negeri	8	95	5	82	5
2	Jabatan Pendaftaran Negara	9	94	5	100	5
3	Polis Diraja Malaysia	12	91	5	87	5
4	Jabatan Imigresen Malaysia	14	89	5	80	5
5	Jabatan Penjara Malaysia	15	88	5	86	5
6	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	19	84	5	72	4
7	Jabatan Pertahanan Awam	20	83	5	83	5

Overall Ranking bagi Laman Web (MARKAH PENUH : 100)

BIL	KEMENTERIAN/AGENSI	RANKING	SKOR 2012	STAR 2012	SKOR 2011	STAR 2011
1	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	1	90	5	83	5

Jadual 1 : Hasil Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan 2012

2.2 Pelaksanaan Projek ICT

2.2.1 Pasukan Projek Merentas Agensi

Inisiatif bagi menubuhkan pasukan projek merentas agensi dalam menerapkan konsep Blue Ocean Strategy telah dilaksanakan oleh KDN bagi membangunkan Sistem Elektronik Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (eROSES) dan boleh diakses di www.eroses.gov.my

eROSES telah dibangunkan secara dalaman (inhouse) oleh tenaga-tenaga ICT daripada KDN dan agensi/jabatan di bawahnya iaitu Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Bahagian IT KDN, Jabatan Pendaftaran Malaysia (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) serta Perunding Pasukan Pembangunan Sistem Sektor Awam, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Pasukan Pembangunan eROSES

eROSES merupakan satu sistem pengurusan pertubuhan atas talian bersepadu yang dibangunkan bagi membolehkan semua permohonan pendaftaran pertubuhan, pengemaskinian maklumat pertubuhan, penghantaran penyata pertubuhan, proses pembayaran secara elektronik, semakan keputusan permohonan, kemudahan carian maklumat dan juga penjanaan laporan dan statistik dapat dilakukan dalam satu sistem yang bersepadu oleh semua pegawai JPPM Ibu Pejabat dan Negeri serta semua pertubuhan yang telah mendaftar dengan JPPM. Impak kepada pembangunan eROSES secara usaha sama antara agensi/jabatan dapat meningkatkan kemahiran tenaga-tenaga ICT dalam pembangunan aplikasi dan perbelanjaan kerajaan terhadap pelaksanaan projek ICT ini dapat dijimatkan sebanyak RM3 juta.

2.2.2 MyRELA

Sistem Maklumat Pengurusan Pasukan Sukarelawan Malaysia atau dikenali sebagai MyRELA Fasa 1 telah siap dibangunkan secara dalaman (inhouse) oleh tenaga-tenaga ICT KDN dan dibantu oleh Pasukan Perunding MAMPU. MyRELA dapat memberikan kemudahan kepada orang awam untuk mendaftar secara atas talian dan menyemak status keahlian sukarelawan. MyRELA juga digunakan oleh Ibu Pejabat RELA dan semua Cawangan RELA di daerah bagi pengurusan maklumat keahlian RELA. Pelaksanaan Fasa 2 akan dilaksanakan pada awal Februari 2013. MyRELA merupakan salah satu inisiatif KDN dalam transformasi ekonomi bagi menjimatkan RM2 juta implikasi kewangan kerajaan bagi pelaksanaan projek ICT. Paparan sistem MyRela adalah seperti di Rajah 3. Sistem ini boleh diakses di www.myrela.gov.my



Sistem MyRELA

2.2.3 Sistem GeoPlan KDN

Sejajar dengan transformasi KDN bagi tujuan meningkatkan kualiti sistem penyampaian satu pangkalan data yang berasaskan GIS *(Geographical Information System)* secara web based yang pertama di KDN. GeoPlan telah dibangunkan untuk membantu Bahagian Pembangunan KDN menyelaras perancangan pembangunan projek-projek fizikal dan bukan fizikal KDN di bawah Rancangan 5 Tahun Malaysia. Sistem ini mengumpul seluruh maklumat berkaitan status projek, maklumat tanah KDN dan juga lokasi serta aset-aset yang terdapat di Jabatan/Agensi di bawah KDN bagi Semenanjung Malaysia.

Pangkalan data ini menyimpan data dalam bentuk spatial bagi lokasi projek, maklumat berkaitan tanah, fasiliti dan aset KDN. Sistem ini boleh diakses di http://geoplan.moha.gov.my



Sistem Geoplan KDN

2.3 Perkongsian Pintar Antara Agensi

2.3.1 Hadiah Kolaborasi *Open Source Software* (OSS) Sektor Awam

Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat (STBM) telah menerima hadiah Kolaborasi *Open Source Software* (OSS) Sektor Awam pada 26 November 2012 di *Malaysian Government Open Sourse Software Conference* (MYGOSSCON 2012). Pengiktirafan kepada KDN kerana Sistem ini telah dikenal pasti oleh MAMPU untuk diguna pakai di agensi-agensi sektor awam yang lain selaras dengan *Government Transformation Program* (GTP).

Penyampaian hadiah di MyGOSSCON 2012

STBM menyediakan kemudahan untuk permohonan tempahan bilik mesyuarat dan tempahan makan/ minum sehingga makluman status permohonan tempahan dihantar melalui emel selain ianya boleh disemak melalui STBM. Dengan adanya sistem ini, ia mempercepatkan urusan tempahan bilik mesyuarat dan tempahan makan/minum disamping dapat menyelesaikan masalah pertindihan tempahan.

Sistem ini telah dibangunkan secara dalaman oleh tenaga-tenaga ICT KDN. Sumber perisian yang digunakan hanya melibatkan perisian terbuka *(open source)* yang mana boleh di gunapakai secara percuma perkakasan yang digunakan adalah dengan menggunapakai konsep sharing server dan komputer sedia ada.

BAHAGIAN

KHIDMAT PENGURUSAN DAN ASET

BAHAGIAN
KHIDMAT PENGURUSAN DAN ASET

1.0 PENGENALAN

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset diketuai oleh Setiausaha Bahagian dan dibantu oleh seorang Timbalan Setiausaha Kanan Bahagian, dua Timbalan Setiausaha Bahagian dan dua Ketua Penolong Setiausaha mengikut seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Pentadbiran Seksyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Seksyen Inovasi & Keurusetiaan dan Seksyen Tugas-Tugas Khas.

Seksyen Pentadbiran bertanggungjawab dalam Pentadbiran dan Kewangan, Dokumen & Pejabat Pendaftar, Pengurusan Keselamatan dan Polis Bantuan dan Perpustakaan. Seksyen Pengurusan Aset dan Logistik pula bertanggungjawab mengenai Pengurusan Aset dan Pengurusan Fasiliti. Seksyen Inovasi dan Keurusetiaan pada dasarnya bertanggungjawab mengetuai program-program Inovasi dan Keurusetiaan. Manakala Seksyen Tugas-Tugas Khas pula bertanggungjawab dalam Program Menteri Mentor dan Program Skuad Muda KDN.

2.0 PENCAPAIAN BAHAGIAN

2.1 Skuad Muda KDN

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset telah mencapai beberapa kejayaan melalui program-program sepanjang tahun seperti dilantik sebagai sekretariat Skuad Muda KDN. Penubuhan Skuad Muda KDN telah dilancarkan pada 19 Mei 2012 bertempat di *Malaysia Agro Exposition* (MAEPS), Serdang, Selangor. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussien, Menteri Dalam Negeri.

Skuad Muda KDN ditubuhkan dengan misi pertubuhan 1Malaysia Youth / 1Malaysia Corps yang sedang dalam peringkat persediaan operasi menerusi pelan tindakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan *(National Blue Ocean Strategy).*

Penubuhan Skuad Muda KDN ini penting kerana ia sejajar dengan imej KDN yang mempunyai Agensi/entiti penggerak aktiviti berkaitan dengan kesukarelawan iaitu Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK), Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS-PDRM).

CARTA ORGANISASI SKUAD MUDA KDN

PENAUNG

YB. MENTERI DALAM NEGERI

PENASIHAT

YB TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI

PENGERUSI

Y.BHG. KETUA SETIAUSAHA

KEAHLIAN

SKUAD MUDA
(PEMIMPIN SKUAD MUDA (AGENSI)+LUAR AGENSI)
(8 ORANG)

SEKRETARIAT

- BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN ASET
- BAHAGIAN PERANGAN STRATEGIK

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri bersama-sama sukarelawan belia dalam majlis Himpunan Skuad Muda KDN di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) pada 10 Jun 2012. Dalam himpunan tersebut, KDN telah berjaya mengumpulkan hampir 15,000 orang belia daripada seluruh Malaysia.

2.2 Majlis – Majlis Rasmi KDN

Sepanjang suku tahun pertama 2012, Bahagian ini telah mengadakan sebanyak tujuh majlis rasmi KDN. Majlis-majlis ini memberi penghargaan kepada warga KDN yang telah bertungkus lumus menyumbangkan tenaga bagi perkhidmatan yang telah diberikan kepada KDN.

BIL	TARIKH	PERKARA	HOS	CATATAN
1.	04-05 MEI 2012	PROGRAM TURUN PADANG TAN SRI KSU KDN	KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN DALAM NEGERI	150 ORANG
2.	14 JULAI 2012	PROGRAM YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA BERSAMA RAKYAT	TIMBALAN PERDANA MENTERI	5000 ORANG
3.	29 JULAI 2012	MAJLIS MESRA RAKYAT BERSAMA YB MENTERI DALAM NEGERI	TIMBALAN PERDANA MENTERI	200 ORANG
4.	10 OGOS 2012	MAJLIS BERBUKA PUASA KEMENTERIAN DALAM NEGERI	MENTERI DALAM NEGERI	5000 ORANG
5.	14 SEPTEMBER 2012	SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI KDN	MENTERI DALAM NEGERI	10000 ORANG
6.	16-17 SEPTEMBER 2012	PROGRAM LAWATAN KERJA Y.BHG.DATO' SRI KSU SEMPENA PERAYAAN HARI MALAYSIA	KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN DALAM NEGERI	200 ORANG
7.	14-15 DISEMBER 2012	PROGRAM Y. BHG. DATO' SRI KSU BERSAMA JABATAN / AGENSI KDN NEGERI JOHOR	KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN DALAM NEGERI	150 ORANG

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri beramah mesra bersama tetamu dalam Majlis Berbuka Puasa anjuran Kementerian Dalam Negeri di Kompleks Imigresen Putrajaya, Presint 2 pada 10 Ogos 2012.

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri dalam majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KDN di Putrajaya Boulevard, Persiaran Perdana Presint 2 pada 14 September 2012.

2.3 Majlis-Majlis Kebangsaan Yang Disertai Oleh KDN

Bahagian ini juga telah menyelaraskan menyertaan empat majlis di peringkat kebangsaan seperti berikut.

BIL	TARIKH	PERKARA	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
1.	05/02/2012	MAULIDUR RASUL	MASJID PUTRA,PUTRAJAYA	80 LELAKI 20 WANITA (100 ORANG)
2.	31/08/2012	HARI KEBANGSAAN KE-54	STADIUM MERDEKA,KUALA LUMPUR	10000 ORANG
3.	15/11/2012	MAAL HIJRAH	PICC,PUTRAJAYA	30 LELAKI 10 PEREMPUAN (40 ORANG)

2.4 Mesyuarat - Mesyuarat Kementerian

Bahagian ini adalah urusetia kepada mesyuarat-mesyuarat pengurusan tertinggi dan juga mesyuarat yang melibatkan pengurusan kompleks-kompleks KDN. Kebanyakan mesyuarat-mesyuarat ini dipengerusikan oleh pihak pengurusan tertinggi bagi membincangkan dan menyelesaikan perkara-perkara dasar.

BIL	PERKARA	BIL MESYUARAT	PENGERUSI
1.	MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI (MPT) KEMENTERIAN DALAM NEGERI.	42	KSU
2.	MESYUARAT KETUA JABATAN	27	KSU
3.	MESYUARAT MINGGUAN SEKTOR PENGURUSAN (MMSP) KEMENTERIAN DALAM NEGERI.	11	TKSU (P)
4.	MESYUARAT PENGURUSAN KOMPLEKS KEMENTERIAN DALAM NEGERI	4	TKSU (P) SUB (KP)
5.	MESYUARAT PENYELARASAN KOMPLEKS D	3	TKSU(P)
6.	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK)	4	TKSU(P)

BAHAGIAN

PARLIMEN DAN KABINET

BAHAGIAN
PARLIMEN DAN KABINET

1.0 PENGENALAN

Fungsi utama Bahagian Parlimen dan Kabinet ialah menyelaras dan memastikan jawapan kepada semua pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara diterima daripada Jabatan/ Agensi/Bahagian, menyelaras dan menguruskan urusan Jemaah Menteri seperti Memorandum/Nota Jemaah Menteri bagi Kementerian Dalam Negeri, menyedia maklum balas keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri dan menyediakan ulasan Memorandum Jemaah Menteri daripada kementerian lain. Di samping itu, Bahagian ini bertanggungjawab sebagai urus setia kepada Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian dan penyelaras maklum balas bagi Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan, Mesyuarat Majlis Raja-raja dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri. Bahagian ini telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras maklum balas bagi Sidang Majlis Keselamatan Negara mulai Disember 2012.

2.0 LAPORAN BAHAGIAN

2.1 Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Kedua Belas telah diadakan mulai 12 Mac 2012 hingga 19 April 2012 (Dewan Rakyat) dan 23 April hingga 11 Mei 2012 (Dewan Negara). Bagi menyelaras jawapan berhubung pertanyaan Dewan Rakyat, Bahagian Parlimen dan Kabinet telah mengadakan Bengkel Pengurusan Parlimen Kementerian Dalam Negeri Bil. 1/2012 pada 1 hingga 3 Mac 2012 bertempat di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi, Pahang. Bagi pertanyaan Dewan Rakyat, Kementerian Dalam Negeri telah menerima sebanyak 193 pertanyaan, iaitu 136 pertanyaan jawab lisan dan 57 pertanyaan bukan jawab lisan. Manakala pertanyaan bagi Dewan Negara Kementerian Dalam Negeri telah menerima sebanyak 82 soalan pertanyaan bagi Dewan Negara. Bagi sesi Parlimen tersebut, Bahagian Parlimen dan Kabinet telah mengekalkan rekod Prestasi Objektif Kualiti yang baik, iaitu 100%.

Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil 1/2012 bertempat di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi, Pahang

YBhg Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi bersama-sama terlibat di Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil 1/2012

2.2 Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen Kedua Belas telah diadakan mulai 11 Jun 2012 hingga 28 Jun 2012 (Dewan Rakyat) dan 9 hingga 17 Julai 2012 (Dewan Negara). Bagi menyelaras jawapan berhubung pertanyaan DewanRakyat, Bahagian Parlimen dan Kabinet telah mengadakan Bengkel Pengurusan Parlimen Kementerian Dalam Negeri Bil. 2/2012 pada 1 hingga 3 Jun 2012 bertempat di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah. Bagi pertanyaan Dewan Rakyat, Kementerian Dalam Negeri telah menerima sebanyak 200 pertanyaan, iaitu 151 pertanyaan jawab lisan dan 49 pertanyaan bukan jawab lisan. Manakala bagi Dewan Negara, Kementerian Dalam Negeri telah menerima sebanyak 64 pertanyaan. Prestasi Objektif Kualiti untuk sesi Parlimen kali ini juga mencatatkan pencapaian 100%.

Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil 2/2012 bertempat di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah

YBhg Dato' Alwi Ibrahim bersama-sama di Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil 2/2012

2.3 Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen Kedua Belas telah diadakan mulai 24 September 2012 hingga 29 November 2012 (Dewan Rakyat) dan 3 hingga 20 Disember 2012 (Dewan Negara). Bagi tujuan menyelaras jawapan berhubung pertanyaan Dewan Rakyat, Bahagian Parlimen dan Kabinet telah mengadakan Bengkel Pengurusan Parlimen Kementerian Dalam Negeri Bil. 3/2012 pada 13 hingga 15 September 2012 bertempat di Hotel Equatorial, Melaka. Bagi pertanyaan Dewan Rakyat, Kementerian Dalam Negeri telah menerima sebanyak 240 soalan, iaitu 159 pertanyaan jawab lisan dan 81 pertanyaan bukan jawab lisan. Manakala Kementerian Dalam Negeri telah menerima sebanyak 74 soalan bagi Dewan Negara. Prestasi Objektif Kualiti untuk sesi Parlimen kali ini juga mencatatkan pencapaian yang cemerlang, iaitu 100%.

Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil 3/2012 bertempat di Hotel Equatorial, Melaka

2.4 Bagi tempoh Januari hingga 31 Disember 2012, Bahagian Parlimen dan Kabinet telah menguruskan urusan Jemaah Menteri seperti berikut:

2.5 Bagi tempoh Januari hingga 31 Disember 2012. Bahagian Parlimen dan Kabinet juga telah mengurus dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berikut, iaitu:

2.5.1 Mesyuarat Pasca Kabinet telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 4 Januari 2012 dan 2 Mei 2012;

2.5.2 Maklum balas Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan sebanyak 11 kali;

2.5.3 Maklum balas Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri sebanyak 2 kali

2.5.4 Mesyuarat Majlis Raja-raja sebanyak 2 kali; dan

2.5.4 53 Usul bagi Perhimpunan Agung UMNO yang telah diadakan pada 27 November 2012.

BIL	RINGKASAN AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Menyelaras dan menyedia maklum balas keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri	Maklum balas disediakan pada setiap minggu kecuali Jemaah Menteri tidak bersidang.
2.	Mengurus ulasan Memorandum Jemaah Menteri daripada kementerian lain	Telah menguruskan ulasan bagi 230 Memorandum Jemaah Menteri daripada kementerian lain.
3.	Mengurus penyediaan Memorandum Daripada Menteri Dalam Negeri	Mengurus 25 Memorandum Daripada Menteri Dalam Negeri.
4.	Mengurus penyediaan Nota Daripada Menteri Dalam Negeri	Mengurus 19 Nota Daripada Menteri Dalam Negeri.

Jadual 1: Urusan Jemaah Menteri

BAHAGIAN

SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

BAHAGIAN
SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

1.0 PENGENALAN

Berdasarkan Perkara 140, Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pasukan Polis adalah bertanggungjawab bagi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota pasukan polis. Walaubagaimanapun, tidak semua tugas dan tanggungjawab tersebut dilaksanakan oleh suruhanjaya kerana sebahagian daripada tugas-tugas kewajipan dan tanggungjawab tersebut diwakilkan kuasa kepada Ketua Polis Negara dan Pegawai-Pegawai Kanan Polis seperti yang terkandung dalam Warta Kerajaan P.U (B) 441 bertarikh 14.12.2000. suruhanjaya Pasukan Polis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, iaitu :-

i. Menteri yang pada masa ini dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi polis, yang hendaklah menjadi pengerusi;
ii. Pegawai polis yang memerintah secara menyeluruh pasukan polis;
iii. Orang yang melaksanakan tugas jawatan Ketua Setiausaha Kementerian di bawah Menteri ynag pada masa ini dipertanggungkan dengan tangunggjawab bagi polis;
iv. Seorang anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
v. Tidak kurang daripada dua(2) orang tetapi tidak lebih daripada enam(6) orang anggota lain, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

2.0 LAPORAN KERJA

Program *Omnipresence* merupakan program yang melibatkan peningkatan jumlah anggota polis di 50 'hot spot' seluruh negara. Sehubungan ini, bagi mencapai objektif program tersebut, Kerajaan telah meluluskan Waran Perjawatan Bil. K4 tahun 2012 yang berjumlah 4,000 perjawatan baru pelbagai pangkat berkuatkuasa mulai 1 Februari 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,655 jawatan adalah berkaitan dengan elemen omnipresence. Ini melibatkan dua buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan sembilan buah balai polis di lima buah negeri iaitu Johor, Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kedah. Perincian pengagihan pegawai dan anggota polis berdasarkan IPK dan balai polis adalah seperti berikut :-

PERKARA	PERJAWATAN	KEKUATAN
IPD LEDANG, JOHOR	239	239
IPD KLANG UTARA, SELANGOR	430	430
BP BAYAN BARU, PULAU PINANG	137	137
BP CHOW KIT, KUALA LUMPUR	137	137
BP BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR	137	137
BP SRI PETALING, KUALA LUMPUR	137	137
BP KULIM HIGH-TECH, KEDAH	137	137
BP DATO' ONN, JOHOR	137	137
BP TENGGARA, JOHOR	81	81
BP BATU KAWAN, PULAU PINANG	77	77
BP KOMUNITI MERBAU BERDARAH, SELANGOR	6	6
JUMLAH	**1,655**	**1,655**

Sepanjang tahun 2012, Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) dan PDRM telah melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan yang melibatkan seramai 4,492 orang anggota polis. Urusan pengambilan dan pelantikan ini adalah untuk mengisi perjawatan sedia ada dan baki sebanyak 2,345 perjawatan baru yang wujud berdasarkan waran K4/2012. Perincian jumlah pengambilan bagi dua jenis jawatan iaitu Konstabel dan Sarjan adalah seperti berikut :-

BIL	PANGKAT	JUMLAH PENGAMBILAN
1.	Konstabel	3,890
2.	Sarjan	602
JUMLAH BESAR		**4,492**

Urusan pengambilan yang dilaksanakan juga me mbantu PDRM dalam melaksanakan penempatan semula anggota polis di seluruh negara.

BAHAGIAN
KEWANGAN

BAHAGIAN KEWANGAN

1.0 PENGENALAN

Bahagian Kewangan merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan dasar-dasar pengurusan belanjawan, mengkaji, menyediakan anggaran perbelanjaan mengurus, memantau serta mengawal peruntukan dan prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Bahagian ini juga melaksanakan urusan pentadbiran dan kewangan seperti pengurusan pinjaman komputer, khidmat nasihat kewangan, pengurusan pembayaran gaji/ elaun, memproses tuntutan dan pembayaran-pembayaran lain untuk Ibu Pejabat KDN. Selain itu, Bahagian ini turut bertanggungjawab menganjurkan kursus-kursus berkaitan pengurusan kewangan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di peringkat Kementerian dan Jabatan dalam usaha untuk menambahbaik pengurusan kewangan KDN secara berterusan. Ini adalah selaras dengan matlamat bagi memastikan pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan sentiasa berada di tahap yang cemerlang.

2.0 LAPORAN BAHAGIAN

2.1 Prestasi Perbelanjaan Mengurus KDN Tahun 2012

Bagi tahun 2012, KDN telah membelanjakan 100%B peruntukan yang diluluskan sebanyak RM10,666,734,900 seperti di Jadual 1. Perbelanjaan telah melebihi peruntukan bagi emolumen disebabkan pembayaran bonus yang diluluskan oleh Kerajaan di luar bajet.

PROGRAM AKTIVITI	PERUNTUKAN KEMASKINI	PERBELANJAAN	
	RM	RM	%
010000 Pentadbiran & Pengurusan Keselamatan Dalam Negeri	432,168,793	432,168,787.51	100
020000 PDRM	6,915,972,712	6,982,363,310.47	100.96
030000 Penjara	703,673,499	703,673,437.83	100
040000 Imigresen Malaysia	821,286,731	821,319,058.41	100
050000 AADK	287,851,530	287,851,492.94	100
060000 Pendaftaran Negara	410,419,548	410,419,530.45	100
070000 Pertahanan Awam	126,596,804	126,596,801.39	100
080000 Pendaftaran Pertubuhan	19,556,681	19,556,511.94	100
090000 Program Khusus	29,038,644	29,038,344.28	100
100000 Dasar Baru	683,337,538	683,337,472.85	100
110000 One-off	10,549,898	10,549,896.93	100
NKRA	226,282,522	226,282,518.49	100
JUMLAH (B.62)	10,666,734,900	10,733,157,163.	100.62

Jadual 1 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus KDN

2.2 Prestasi Perbelanjaan Pembangunan KDN Tahun 2012

Bagi tempoh RMK10, KDN telah diluluskan siling peruntukan sebanyak RM1.19 bilion. Bagi tahun 2012, KDN telah membelanjakan sebanyak RM751 juta seperti di Jadual 2.

MAKSUD PEMBANGUNAN	RMK-10		
	SILING KESELURUHAN	PERBELANJAAN	BAKI SILING
SEKTOR BANGUNAN (Projek Fizikal)	549,779,750.00	252,181,024.12 (45.87%)	297,597,725.88 (54.13%)
SEKTOR KELENGKAPAN (Projek Bukan Fizikal)	645,384,750.00	499,316,183.68 (77.38%)	146,068,566.32 (22.62%)
JUMLAH P.62	**1,195,164,500.00**	**751,497,207.80 (62.88%)**	**443,667,292.20 (37.12%)**

Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan Siling RMK10

2.3 Prestasi Pembayaran Bil Bagi Tempoh Januari Sehingga Disember 2012

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2012, Bahagian ini telah membuat pembayaran kesemua 33,207 bil dalam tempoh 1-14 hari seperti di Rajah 1.



JUMLAH KESELURUHAN BIL: 33,027

Rajah 1 : Prestasi Pembayaran Bil Dalam Tempoh 1-14 Hari

Daripada peruntukan sebanyak RM767.6 juta yang diluluskan pada tahun 2012, sebanyak RM751 juta telah dibelanjakan seperti di Jadual 3.

MAKSUD PEMBANGUNAN	TAHUN 2012		
	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
SEKTOR BANGUNAN (Projek Fizikal)	263,697,699.00	252,181,024.12 (95.63%)	11,516,675.88
SEKTOR KELENGKAPAN (Projek Bukan Fizikal)	503,948,301.00	499,316,183.68 (99.08%)	146,068,566.32 (22.62%)
JUMLAH P.62	**767,646,040.00**	**751,497,207.80 (97.90%)**	**16,148,832.20 (2.10%)**

Jadual 3 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan KDN

2.4 Laporan Kutipan Hasil Di Kaunter *One Stop Centre* Bagi Tempoh Januari Sehingga Disember 2012

Dalam usaha untuk menambahbaik kutipan hasil kerajaan dan memudahkan pelanggan, Kaunter *One Stop Centre* telah diperkenalkan mulai tahun 2011. Semua pembayaran bagi aktiviti di Kementerian telah dibuat di kaunter tersebut dan jumlah hasil yang telah dikutip adalah sebanyak RM20.78 juta seperti di Jadual 4.

BULAN	JUMLAH HASIL (RM)
Januari	1,735,504.65
Februari	2,123,311.36
Mac	1,845,844.28
April	1,599,645.59
Mei	2,592,450.32
Jun	1,450,522.72
Julai	1,602,658.66
Ogos	2,349,999.41
September	1,517,486.97
Oktober	1,152,878.46
November	1,572,584.63
Disember	1,238,243.30
JUMLAH	**20,781,130.35**

Jadual 4 : Kutipan Hasil di Kaunter *One Stop Centre* Tahun 2012

2.5 Pemeriksaan Bajet 2013 KDN

Penyediaan Cadangan Anggaran Belanja Mengurus KDN telah diselaraskan di Bahagian Kewangan, dan pemeriksaannya telah dijalankan bersama-sama pihak Perbendaharaan pada bulan April hingga Mei 2012.

TARIKH	AGENSI / JABATAN	TEMPAT
17 April 2012	Kementerian Dalam Negeri, UPP & RELA	Ibu Pejabat KDN, Putrajaya
18 April 2012	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	Ibu Pejabat JPPM
19 April 2012	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	Ibu Pejabat KDN, Putrajaya
23 April 2012	Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	PUSPEN Dengkil
24 April 2012	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)	Ibu Pejabat KDN, Putrajaya
25 April 2012	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	Ibu Pejabat KDN, Putrajaya
26 April 2012	Jabatan Penjara Malaysia (JPM)	Ibu Pejabat KDN, Putrajaya
30 April – 10 Mei 2012	Polis DiRaja Malaysia (PDRM)	Ibu Pejabat KDN, Putrajaya & IPK Pulau Pinang

BAHAGIAN
AKAUN

BAHAGIAN AKAUN

1.0 PENGENALAN

Bahagian Akaun, KDN adalah salah satu bahagian di bawah Sektor Pengurusan Kementerian Dalam Negeri dan merupakan Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Sebagai Pejabat Perakaunan, Bahagian Akaun bertanggungjawab memperakaunkan kutipan hasil kerajaan dan menguruskan pembayaran bagi perbelanjaan Kementerian. Bahagian Akaun diketuai oleh Ketua Akauntan Gred Jusa C dengan perjawatan diluluskan seramai 137 orang.

Bagi meningkatkan mutu kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan perakaunan, Bahagian Akaun dibahagikan kepada dua cawangan iaitu:

i) Cawangan Pengurusan Operasi
Cawangan Pengurusan Operasi bertanggungjawab memastikan bayaran termasuk pembayaran gaji dibuat mengikut peraturan dan menentukan ketepatan pungutan hasil serta penyediaan Penyata Kewangan Kementerian Dalam Negeri.

ii) Cawangan Pengurusan Perakaunan
Cawangan Pengurusan Perakaunan bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan sistem yang dibangunkan berjalan lancar, memberi khidmat nasihat perakaunan dan kewangan, menjalankan program naziran, menyemak akaun Kira-kira Wang Tunai (KKWT) dan mengadakan lawatan mengejut ke Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Bahagian Akaun juga terlibat di dalam menganjurkan kursus-kursus, latihan dan bengkel kewangan dan perakaunan kepada PTJ serta pengumpulan maklumat pengurusan.

2.0. LAPORAN BAHAGIAN AKAUN

2.1 Prestasi pengurusan bayaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan lengkap diterima adalah seperti Carta 1 berikut.



Carta 1
Peratusan Prestasi Proses Pembayaran Bil / Tuntutan Dalam Tempoh 14 Hari Bagi Tempoh Januari sehingga Disember 2012.

3.0 TRANSFORMASI BAHAGIAN

3.1 Kadar pembayaran Baucar Bayaran yang lengkap diterima Pejabat Perakaunan Kementerian Dalam Negeri daripada PTJ sehingga pengeluaran Cek/EFT dalam tempoh 4 hari bekerja bagi tempoh Januari hingga Disember 2012 adalah seperti Carta 2 berikut:



Carta 2: Bilangan Baucar Bayaran Yang Lengkap Diterima Dan Diproses Oleh Pejabat Perakaunan Kementerian Dalam Negeri Dalam Tempoh 4 Hari Dari Januari Hingga Disember 2012.

3.2 Lawatan Naziran ke atas PTJ yang melaksanakan sistem eSPKB adalah seperti Jadual 1 berikut:

JABATAN	BULAN												JUMLAH
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
Kementerian	-	-	-	-	-	-	-	1	-	3	-	-	4
PDRM	1	-	3	3	-	1	1	-	-	-	4	-	13
JIM	-	-	2	-	-	-	-	1	-	-	5	-	8
JPP	-	-	-	-	1	-	-	1	-	-	-	-	2
JPN	-	-	2	-	-	-	1	-	-	-	1	-	4
JPM	-	1	-	-	2	-	-	-	1	2	-	-	6
AADK	-	2	-	2	-	-	-	-	5	-	-	-	9
RELA	-	-	1	-	-	1	-	-	-	-	-	-	2
JPAM	-	-	-	-	3	-	-	-	1	-	-	-	4
JUMLAH	1	3	8	5	6	2	2	3	7	5	10	-	52

Jadual 1: Bilangan PTJ eSPKB Yang Dilawati Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2012

3.3 Bilangan Lawatan mengejut yang dijalankan ke atas Pejabat Pemungut yang gagal menghantar dokumen Kira-kira Wang Tunai (KKWT) bagi tempoh tiga bulan berturut-turut adalah seperti Jadual 2 berikut:

JABATAN	BULAN												JUMLAH
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
PDRM	-	2	-	2	-	2	2	-	1	2	2	1	14
JIM	1	1	1	1	-	-	-	-	2	2	2	-	10
JPP	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
JPN	1	-	-	-	-	1	-	-	-	1	2	-	5
JPM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
AADK	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
RELA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
JPAM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
JUMLAH	**2**	**3**	**1**	**3**	**-**	**3**	**2**	**0**	**3**	**5**	**6**	**1**	**29**

Jadual 2

Bilangan Lawatan Mengejut Ke Atas Pejabat Pemungut Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2012

3.4 Bilangan permohonan bagi Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pendahuluan Divi

BILANGAN	KATEGORI			JUMLAH
	PINJAMAN KENDERAAN	PINJAMAN KOMPUTER	PENDAHULUAN DIRI	
Januari	9	34	9	52
Februari	6	27	52	85
Mac	5	48	47	100
April	11	39	21	71
Mei	6	45	10	61
Jun	24	84	6	114
Julai	9	86	40	135
Ogos	9	93	7	109
September	16	55	48	119
Oktober	2	96	15	113
November	8	50	27	85
Disember	7	63	15	85
JUMLAH	**112**	**720**	**297**	**1,129**

Jadual 3

Bilangan Permohonan Pinjaman Baru Yang Diproses Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2012

BAHAGIAN
PEMBANGUNAN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

1.0 PENGENALAN

Bahagian Pembangunan pada asalnya dikenali sebagai Cawangan Pengurusan Projek dan diletakkan di bawah Bahagian Kewangan, Perolehan dan Pengurusan Projek (Bahagian F), Kementerian Dalam Negeri. Bahagian 'F' telah ditubuhkan pada tahun 1976 di atas arahan YAB. Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri pada ketika itu. Tujuan penubuhan Bahagian 'F' adalah untuk mewujudkan "check and balance" bagi pengasingan fungsi dan tanggungjawab yang jelas di antara Polis Diraja Malaysia dengan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan, perolehan dan Projek Pembangunan. Bahagian 'F' mempunyai empat unit utama iaitu Cawangan Kewangan dan Belanjawan, Cawangan Bekalan Am, Cawangan Bekalan Teknikal dan Pengurusan Projek.

Mulai 1 Ogos 2001 secara rasminya Bahagian 'F' dibubarkan dan diwujudkan bahagian baru secara berasingan. Bahagian-bahagian tersebut ialah :

i) Bahagian Kewangan (Bahagian K)
ii) Bahagian Pembangunan (Bahagian D)
iii) Bahagian Perolehan (Bahagian P)

Pada 30 Mac 2004, kabinet telah memutuskan bahawa Kementerian Dalam Negeri dipecahkan kepada dua Kementerian yang berasingan iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Namun begitu pada 18 Mac 2008 Kementerian tersebut telah digabungkan semula dan Bahagian Pembangunan telah dikenali sebagai Bahagian Pembangunan "PB".

Objektif Bahagian Pembangunan adalah berdasarkan kepada fungsi-fungsi utama berikut :

i) Merancang dan mengenalpasti projek-projek pembangunan bagi Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan/Agensi di dalamnya.
ii) Menyedia, mengagih dan mengawal peruntukan Belanja Pembangunan di bawah Peruntukan P62 (Kementerian Dalam Negeri), P06 (Perumahan Polis Diraja Malaysia) dan S62 (Penswastaan).
iii) Melaksana dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan/Agensi di dalamnya.
iv) Menguruskan hal ehwal aset tanah Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan/Agensi di dalamnya.
v) Memberi khidmat nasihat teknikal.
vi) Mentadbir Bahagian Pembangunan dengan memberi perkhidmatan pengurusan, stor, aset, latihan dan pentadbiran.

2.0 STATUS KESELURUHAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

Di dalam tahun 2012, Kementerian Dalam Negeri telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan sejumlah 299 projek pembangunan. Projek-projek tersebut dibiayai melalui peruntukan di bawah Belanja Pembangunan (P.62), Private Finance Initiative (PFI – S.62), dan PBLT. Status keseluruhan pelaksanaan projek pembangunan KDN bagi tahun 2012 adalah seperti dalam Jadual 1 di sebelah:

3.0 LAPORAN AKTIVITI / INISIATIF BAHAGIAN

Pada tahun 2012, Bahagian ini telah menjalankan pelbagai aktiviti bagi memastikan projek-projek dapat dilaksanakan mengikut kualiti, kos dan tempoh yang ditetapkan. Selain daripada itu, Bahagian ini juga telah berjaya meningkatkan keberkesanan pemantauan projek melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan dengan usahasama pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri; Jabatan Kerja Raya Malaysia dan sebagainya. Hal ini adalah selaras dengan Program Transformasi Kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat.

Antara aktiviti dan inisiatif utama 2012 yang dilaksanakan oleh Bahagian ini adalah:

i. Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Peringkat Kementerian (JTPK)
Mesyuarat JTPK yang merupakan jentera utama penyelarasan pelaksanaan projek/program pembangunan di peringkat Kementerian telah diadakan setiap bulan (12 kali) di dalam tahun 2012; seiring dengan Arahan No. 1, Majlis Tindakan Negara.

ii. Penggunaan Komponen Industrialised Building System (IBS)
Semua projek (20) yang ditender di dalam tahun 2012

JABATAN / AGENSI	STATUS KESELURUHAN							JUMLAH
	DALAM PERANCANGAN	BELUM MULA	IKUT JADUAL	LEWAT JADUAL	DAHULU JADUAL	SUDAH SIAP	TANGGUH / BATAL	
AADK	1	0	4	5	3	21	9	43
Bhg. Kawalan Filem	0	0	0	0	0	1	1	2
Bhg. Pembangunan	0	0	3	0	0	7	0	10
JIM	0	0	2	1	3	11	1	18
JPN	0	0	0	1	2	1	2	6
PENJARA	3	0	3	2	0	32	1	41
JPAM	0	0	0	2	0	6	0	8
PDRM	1	0	8	27	2	130	1	169
UPP	0	0	0	0	0	2	0	2
JUMLAH (%)	**5 (1.6%)**	**0 (0%)**	**20 (6.8%)**	**38 (12.8%)**	**10 (3.3%)**	**211 (70.5%)**	**15 (5.0%)**	**299 (100%)**

Jadual 1: Status Keseluruhan Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan KDN 2012

telah menggunakan komponen IBS bagi meningkatkan kualiti projek pembangunan KDN. Senarai projek-projek tersebut adalah seperti di Jadual 2.

iii. Perjumpaan KSU dengan Kontraktor & Perunding

Bagi memastikan isu projek-projek pembangunan dapat diselaraskan dengan berkesan dan projek dilaksanakan mengikut jadual, sesi perjumpaan KSU, KDN dengan kontraktor dan perunding projek-projek pembangunan telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 30 Januari 2012, 9 April 2012 dan 22 Mei 2012.

iv. Program Turun Padang KSU

Program Turun Padang KSU memainkan peranan penting di dalam pelaksanaan projek khususnya yang berimpak tinggi. Program ini telah membantu pihak pengurusan tertinggi untuk memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan secara mikro. Sebanyak 27 lawatan telah diadakan oleh KSU sepanjang tahun 2012. Secara tidak langsung, program ini telah berjaya memberi kesan positif terhadap kemajuan projek serta mendekatkan pihak pengurusan tertinggi dengan isu-isu yang dihadapi oleh Jabatan / Agensi pengguna.

v. Penilaian Outcome

Di dalam tahun 2012, sebanyak 6 projek yang telah siap dilaksanakan dinilai melalui program Penilaian *Outcome.* Tujuannya adalah untuk menilai tahap keberkesanan sesuatu projek kepada fungsi Jabatan/ Agensi Pengguna seterusnya memastikan perancangan program pembangunan KDN yang lebih holistik. Senarai penilaian outcome tahun 2012 adalah seperti di Jadual 3.

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	SKOR IBS (%)
1.	Klinik Cure and Care 1Malaysia Besut, Terengganu	22,937,500.00	Peringkat Tender
2.	IPD Sipitang, Sabah	20,000,000.00	>70.00
3.	IPD Pekan, Pahang	40,000,000.00	>70.00
4.	Pusat Latihan Polis di Mukim Pelangai, Bentong, Pahang.	150,000,000.00	>70.00
5.	Klinik Cure and Care 1Malaysia Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	11,400,000.00	Peringkat Tender
6.	Pusat Pertahanan Awam Kedah.	23,021,243.00	78.30
7.	Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara, Johor Bahru.	60,200,000.00	>70.00
8.	IPK Johor, Johor Bahru.	130,000,000.00	>70.00
9.	Perumahan IPD Pekan, Pahang.	63,000,000.00	>70.00
10.	Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh, Pahang.	51,129,800.00	>70.00
11.	Balai Polis Sri Hartamas.	37,000,000.00	>70.00
12.	Ibu Pejabat Polis Daerah Pendang, Kedah.	65,000,000.00	>70.00
13.	Ibu Pejabat Polis Daerah Yan, Kedah.	70,500,000.00	>70.00
14.	Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai, Johor.	119,500,000.00	>70.00
15.	Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul, Kuala Lumpur.	77,000,000.00	>70.00
16.	Pusat Latihan Polis Zon Selatan, Jementah, Johor.	126,000,000.00	>70.00
17.	Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Kemayan, Pahang.	37,707,000.00	>70.00
18.	Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Belantik.	30,200,000.00	>70.00
19.	Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Lenggeng Fasa II.	14,000,000.00	>70.00
20.	Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Langkap, Perak.	17,500,000.00	>70.00

Jadual 2: Senarai Projek 2012 Yang Menggunakan Komponen IBS

BIL	TAJUK PENILAIAN OUTCOME	JABATAN / AGENSI	KOS PROJEK (RM)
1.	Kajian Penilaian Outcome Program IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur	PDRM	136.7 juta
2.	Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Ambulans JPAM	JPAM	10,537,423.00
3.	Laporan Penilaian Outcome Projek Peningkatan Kawalan Keselamatan	AADK	33,529,795.12
4.	Kajian Penilaian Outcome Projek Pembinaan Pos Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CQ) Biawak, Sarawak.	JIM	14,632,598.76
5.	Kajian Penilaian Outcome Pembinaan Pejabat dan Rumah Kediaman JPN Pendang, Kedah.	JPN	4.5 juta
6.	Kajian Penilaian Outcome Akademi Koreksional Langkawi	Jabatan Penjara Malaysia	34,750,000.00

Jadual 3: Senarai Penilaian *Outcome* 2012

BAHAGIAN
PEROLEHAN

BAHAGIAN PEROLEHAN

1.0 PENGENALAN

Bahagian Perolehan bertanggungjawab memberi khidmat membantu Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian bagi merancang dan mengurus perolehan kelengkapan, peralatan serta pembekalan perkhidmatan secara cekap dan berkesan. Semua ini dilakukan berdasarkan tatacara perolehan dan peraturan kewangan selaras dengan dasar dan prinsip perolehan kerajaan sedia ada dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

2.0 TRANSFORMASI BAHAGIAN

2.1 Sistem eSemak

Setiap tahun Bahagian Perolehan bertanggungjawab menguruskan ratusan kontrak sehingga menyukarkan ianya dikesan dan setiap unit mempunyai formatnya tersendiri. Keadaan ini telah menimbulkan kesukaran untuk memantau setiap kontrak dan maklumat diperoleh juga lewat dan tidak tepat. Pengenalan Sistem eSemak telah membantu mengemas kini maklumat setiap kontrak yang ada dan ianya dapat diakses pada bila-bila masa dengan maklumat terkini dan lengkap.

2.2 Mesyuarat Penyemakan Spesifikasi

Terdapat kes-kes dimana kontraktor telah membuat bantahan terhadap spesifikasi peralatan dan kelengkapan yang di iklan kerana menjurus kepada jenama tertentu. Ini terjadi kerana semua spesifikasi yang diterima daripada Jabatan dan Agensi tidak dinilai semula dan terus di iklan. Kini semua spesifikasi yang diterima dinilai melalui mesyuarat bertujuan untuk mendalami keperluan dan kehendak sebenar pengguna. Sebarang kemusykilan yang timbul diperbetulkan semasa mesyuarat yang juga melibatkan pengguna. Bagi tahun 2012 sebanyak 63 mesyuarat telah dikendalikan dan hasilnya perolehan dapat dilaksanakan dengan telus serta menguntungkan Kerajaan.

2.3 Memaparkan Iklan Tender di Laman Web KDN

Amalan terdahulu adalah setiap tender di iklankan di dua akhbar utama berbahasa Melayu. Dengan pengenalan kaedah pengiklanan di laman web KDN, ianya tertumpu kepada satu akhbar utama iaitu Utusan Malaysia dan semua iklan dimuat naik ke Laman Web KDN. Ini bererti kos pengiklanan dikurangkan dan liputan iklan pula lebih meluas secara *on-line*. Sebanyak 73 iklan telah dimuatnaik sepanjang tahun 2012.

3.0 PENCAPAIAN

Bagi tahun 2012 Bahagian Perolehan telah menguruskan perolehan berdasarkan Tender, Sebutharga dan Rundingan Terus bagi Kementerian, Jabatan dan Agensi seperti Jadual 1 berikut:

KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI	TENDER	SEBUT HARGA	RUNDINGAN TERUS
Kementerian Dalam Negeri	14	21	4
Polis Diraja Malaysia	85	11	16
Jabatan Pendaftaran Negara	6	1	3
Jabatan Imigresen Malaysia	13	0	7
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	1	1	0
Jabatan Pertahanan Awam	0	0	4
Jabatan Penjara Malaysia	0	0	3
Pasukan Sukarelawan Malaysia	16	0	2
Agensi Anti Dadah Kebangsaan	11	0	5
JUMLAH	146	34	44

Jadual 1 Jenis Perolehan Mengikut Jabatan dan Agensi tahun 2012

SEKTOR
OPERASI

BAHAGIAN

HAL EHWAL IMIGRESEN

BAHAGIAN
HAL EHWAL IMIGRESEN

1.0 PENGENALAN

Modal insan berkemahiran tinggi telah dikenalpasti sebagai salah satu pemangkin ke arah mencapai status Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi dan maju di bawah Model Ekonomi Baru (MEB) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dua tahun lalu.

Modal insan berkemahiran tinggi dibahagikan kepada rakyat Malaysia dan warga asing. Modal insan berkemahiran tinggi dari warga asing atau ekspatriat telah dikenalpasti sebagai pelengkap kepada rakyat Malaysia bagi tujuan tersebut.

Sehubungan itu, polisi atau dasar-dasar imigresen telah dikaji semula untuk memudahcara dan menarik lebih ramai ekspatriat ke negara ini. Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan kerjasama Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah beganding bahu untuk mencapai hasrat murni tersebut. Berikut adalah lima (5) inisiatif yang telah dilancarkan dan dijalankan dari bermulanya MEB dan ETP sehingga kini:

2.0 LAPORAN

2.1 Pas Residen – Talent (RP-T)

2.1.1 Pengenalan Pas Residen-Talent (RP-T) adalah bertujuan untuk membolehkan ekspatriat berkepakaran tinggi yang bekerja di dalam sektor kritikal dibawah ETP untuk terus tinggal dan menyumbang di Malaysia dalam jangka masa panjang. Berbeza dari Pas Penggajian yang di luluskan untuk tempoh masa singkat (2 tahun), pemegang RP-T dibenarkan untuk tinggal dan menyumbang di Malaysia untuk tempoh masa sehingga 10 tahun.

2.1.2 Sejak pengenalan RP-T pada April 2011 sehingga November 2012, lebih daripada 1000 RP-T telah di luluskan. RP-T tidak dinafikan lagi sebagai instrumen yang berkesan ke arah menarik ekspatriat berkepakaran tinggi ke Malaysia.

2.1.3 Selain daripada itu, KDN dengan kerjasama TalentCorp juga telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan Pas Residen Talent kepada calon-calon berkelayakan. Dalam konteks ini, satu Majlis Perjumpaan Y.A.B Perdana Menteri dengan ekspatriat yang ditawarkan Pas Residen-Talent telah diadakan pada 3 Disember 2012 di Bilik Mesyuarat Perdana, Jabatan Perdana Menteri. Mereka yang hadir antaranya adalah Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Pengarah Urusan Google Malaysia dan Ketua Pegawai Eksekutif *Bank of China.*

Majlis Perjumpaan Y.A.B Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dengan Ekspatriat yang ditawarkan Pas Residen-Talent, 3 Disember 2012 di Bilik Mesyuarat Perdana, Pejabat Perdana Menteri

2.2 Liberalisasi Pas Penggajian

2.2.1 Disamping Pas Residen-Talent, Pas Penggajian juga merupakan satu lagi instrumen bagi memudahcara modal insan asing atau ekspatriat ke Malaysia untuk tujuan bekerja dengan syarat-syarat tertentu. Walau bagaimanapun, terdapat syarat-syarat untuk kelulusan Pas Penggajian yang di kenalpasti sebagai terlalu ketat dan mungkin menghalang modal insan asing atau ekspatriat untuk datang dan bekerja di Malaysia. Oleh itu, tiga syarat-syarat dalam kelulusan Pas Penggajian telah dimansuhkan untuk tujuan kemudahan kepada golongan tersebut seperti berikut:

2.2.1.1 Pemansuhan keperluan untuk mengiklan jawatan Utama dan Eksekutif;

2.2.1.2 Pemansuhan keperluan *'understudy'*; dan

2.2.1.3 Pemansuhan had maksimum 10 tahun keberadaan di Malaysia.

2.2.2 Selain itu, sebagai salah satu cabang dibawah liberalisasi Pas Penggajian, KDN dan JIM dengan kerjasama TalentCorp telah memperkenalkan Pas Penggajian Kategori II telah diperkenalkan. Pengenalan pas ini adalah bertujuan untuk menyelaras pengeluaran pas kepada ekspatriat. Sebelum pengenalan Pas Penggajian Kategori II, terdapat dua jenis pas yang di keluarkan kepada ekspatriat iaitu Pas Penggajian dan Pas Lawatan (Kerja Sementara) dengan kemudahan yang berbeza. Dalam hal ini, dengan adanya Pas

Penggajian Kategori II, pengeluaran pas kepada ekspatriat dapat di selaraskan di mana mereka hanya akan di keluarkan dengan Pas Penggajian (Kategori Utama atau Kategori II) dengan kemudahan yang tidak begitu ketara perbezaannya.

2.2.3 Namun demikian, Pas Penggajian Kategori II hanyalah terhad kepada 12 sektor kritikal dibawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan graduan asing cemerlang dari universiti tempatan yang diiktiraf, disamping telah mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat terkemuka di Malaysia.

2.3 Pengenalan *i-Pass*

2.3.1 *i-Pass* diperkenalkan untuk menggantikan i-Kad, yang telah dimansuhkan beberapa tahun lalu. Setakat ini, *i-Pass* dikeluarkan kepada ekspatriat yang memegang Pas Residen-Talent (berwarna merah jambu) dan Pas Penggajian (berwarna emas). Dalam hal ini, *i-Pass* akan diperluaskan kepada pemegang pas-pas lain di masa hadapan bagi kategori seperti peserta Program MM2H, pelajar antarabangsa dan pekerja asing. *i-Pass* berfungsi sebagai tanda pengenalan diri kepada ekspatriat dan bagi memudahkan pergerakan mereka di dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, *i-Pass* bukan bersifat pengganti diri *(in-lieu)* kepada pasport atau dokumen perjalanan yang lain. Ekspatriat masih dikehendaki membawa pasport atau dokumen perjalanan yang sah bersama mereka sekiranya ingin melakukan perjalanan ke luar negara mahupun ke Sabah dan Sarawak.

2.4 Penubuhan Jawatankuasa Kerja Bersama-Ekspatriat atau *Joint Working Committee-Expatriate* (JWC-E)

2.4.1 JWC-E ditubuhkan pada April 2012 bertujuan untuk memantau dan menangani isu-isu dari peringkat polisi sehingga ke peringkat pelaksanaan berkaitan dengan ekspatriat. Jawatankuasa ini diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan TalentCorp. Disamping itu, ianya juga turut disertai oleh semua agensi pelulus bagi Pas Penggajian dan agensi-agensi kawal selia dan penguatkuasaan berkaitan. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Y.Bhg Dato' Sri KSU KDN dan Ketua Pegawai Eksekutif TalentCorp. Di bawah JWC-E, terdapat 5 jawatankuasa kecil untuk menerajui aktiviti-aktiviti seperti berikut:

2.4.1.1 Polisi dan Tadbir Urus;
2.4.1.2 Perekayasaan Proses;
2.4.1.3 Kajian dan Pembangunan;
2.4.1.4 Komunikasi dan Temuseru; dan
2.4.1.5 Latihan dan Pembangunan.

2.5 Penjenamaan semula Bahagian Pas Penggajian kepada Bahagian Khidmat Ekspatriat atau *Expatriate Services Divison* (ESD)

2.5.1 Secara amnya, ESD dicadangkan untuk mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan imigresen kepada ekspatriat. Sehubungan dengan itu, satu keputusan telah dicapai untuk menjenamakan semula Bahagian Pas Penggajian kepada Bahagian Khidmat Ekspatriat atau *Expatriate Services Division* (ESD).

2.5.2 Objektif utama penjenamaan tersebut adalah untuk mewujudkan penyampaian perkhidmatan imigresen berpusat yang berkaitan dengan ekspatriat seperti pengeluaran Pas Residen-Talent, Pas Penggajian, Pas Lawatan (Profesional), Pas Lawatan (Sosial) untuk tanggungan dan Pas Lawatan (Kerja Sementara) untuk pembantu rumah.

2.5.3 Dengan kewujudan ESD, kemudahan imigresen dan penyampaian perkhidmatan untuk ekspatriat dapat dipertingkatkan dan seterusnya memenuhi hasrat Program Transformasi Ekonomi (ETP) dalam menarik lebih banyak ekspatriat berkemahiran tinggi ke Malaysia.



Impress artis untuk Bahagian Khidmat Ekspatriat atau Expatriate Services Division (ESD)

3.0 SISTEM PANGKALAN DATA BIOMETRIK WARGA ASING DAN SISTEM SEKURITI NASIONAL NEXCODE (NERS)

3.1 Pengenalan

- Jawatankuasa Kerja Kabinet Pekerja Asing - Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) dan Makmal Pengurusan Warga Asing yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Pangkalan Data Biometrik Warga Asing Dan Sistem Sekuriti Nasional NexCode atau dikenali sebagai NERS *(National Enforcement and Registration System).* NERS telah mula dilaksanakan secara rasmi di semua pintu-pintu masuk negara mulai 1 Jun 2011 di mana semua cap jari biometrik warga asing direkodkan.

3.2 Laporan

- Pengambilan biometrik warga asing merangkumi dua skop:
  i) biometrik pelawat dan pemegang pas jangka panjang. Semua warga asing yang berumur 12 tahun dan ke atas akan diambil data biometrik;
  ii) program pengambilan biometrik PATI - program 6P - *1 Total Package Solution.*
  iii) PATI:

  - Pendaftaran
    – Perlaksanaan *webcams,* scanner biometrik dan aplikasi pengumpulan data demografik kepada kaunter yang diperlukan di seluruh Negara.

  - Pemutihan
    – Sokongan di seluruh Negara bagi pendaftaran PATI, termasuklah terminal mudah alih bagi operasi-operasi di luar tapak *(off-side clemency operations).*

  - Pengampunan
    – NERS menyediakan kebolehan untuk mendaftarkan warga asing yang diberikan keampunan berdasarkan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan.

  - Penguatkuasaan
    – NERS menyediakan penyelesaian penguatkuasaan yang lengkap; melalui penyediaan *scanner* biometrik di semua pintu-pintu masuk darat, air dan udara serta lokasi sempadan bagi menghalang kemasukan ancaman ke dalam Negara serta penguatkuasaan mudah alih melalui pengimbasan pas/visa ataupun Ceraian ID warga asing.

  - Pengusiran
    – NERS boleh menyenarai hitamkan mana-mana warga asing yang telah dihantar keluar *(deported)* dari Negara serta melakukan pemantauan bagi memastikan individu tersebut tidak lagi dapat memasuki Negara, walaupun melalui paspot yang berbeza melalui penangkapan dan pemadanan cap jari biometrik mereka.
  - Pemantauan
    – NERS mengandungi laporan terperinci dan analitik bagi membolehkan pemahaman lengkap mengenai jumlah, aliran dan corak warga asing di dalam Negara.

  - Semua warga asing yang memasuki negara ini perlu menyerahkan maklumat biometrik iaitu dengan menurunkan cap jari biometrik di kaunter imigresen di pintu-pintu masuk negara. Setelah maklumat biometrik direkodkan dan melepasi semakan imigresen, pelekat barkod 2 dimensi *(NexCode)* akan dilekatkan di atas pasport pelawat sebelum diserahkan semula. Semasa keluar negara, maklumat biometrik pelawat tersebut akan disahkan dengan menurunkan cap jari biometrik juga di kaunter imigresen di pintu-pintu keluar negara.

  - Hanya 2 cap jari biometrik iaitu 2 jari telunjuk akan direkodkan bagi memastikan semakan imigresen yang pantas.

  - Maklumat biometrik yang diambil melalui sistem NERS akan dihubungkan dengan sistem Jabatan Imigresen Malaysia yang dikenali sebagai sistem myIMMs Sistem kawalan di bawah sistem myIMMs tersebut akan menyemak maklumat pelawat dengan senarai syak Jabatan bagi mengawal pergerakan pelawat di pintu-pintu masuk negara.

  - Manakala semasa operasi penguatkuasaan, selain semakan fizikal pasport, pegawai penguat kuasa boleh mengimbas *NexCode* menggunakan telefon bimbit yang dilengkapi *mobile enforcement system.* Ini di mana maklumat biometrik akan disemak dengan sistem myIMMs bagi memastikan pelawat tersebut berada di negara ini menggunakan

pas yang bersesuaian dan dalam tempoh yang dibenarkan.

- Sejak NERS dilaksanakan, dilaporkan bahawa jumlah transaksi (1 Jun 2011- 28 Nov 2012) *Entry* adalah sebanyak 22,366,351 dan jumlah transaksi *Exit* adalah sebanyak 24,221,296. Jumlah keseluruhan transaksi *Entry/Exit* adalah sebanyak 46,587,647.

4.0 SISTEM PENGURUSAN PERMOHONAN VISA DI LUAR NEGARA MELALUI PUSAT SEHENTI (1 COUNTRY *1 ONE STOP CENTER OPERATOR)*

4.1 Pengenalan

1 Country 1 One Stop Center (OSC) *Operator* iaitu hanya 1 pengendali Pusat Sehenti pengurusan visa Malaysia bagi setiap negara yang menggunakan khidmat Pusat Sehenti. Kuasa melulus dan mengeluarkan pelekat visa (proses mencetak dan menampal) masih di bawah kuasa Jabatan Imigresen Malaysia. Manakala, tugas pengendali adalah khusus kepada menerima, semakan awal, merekodkan permohonan secara elektronik menggunakan sistem Visa Luar Negara serta menyerahkan dan mengambil semula pasport pemohon di Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia dengan selamat dan sistematik.

4.2 Laporan

3 buah negara menggunakan khidmat syarikat pengendali untuk menguruskan permohonan visa Malaysia di luar negara iaitu:

i. *Malaysia Visa Application Center* (MVAC) oleh *VFS Global* di India:
   - Mesyuarat Majlis Ekonomi (EC) bil. 7/2010 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 1 Mac 2010 telah bersetuju untuk menggunakan perkhidmatan VFS Global pvt. Ltd. (VFS) bagi memproses permohonan visa di India. Selain memfokuskan permohonan visa kepada golongan high networth individuals, EC juga bersetuju agar pelaksanaan ini disasarkan kepada semua golongan pelawat dan diproses dalam tempoh 24 jam.
   - Sehingga Jun 2011, VFS telah membuka lima (5) MVAC di Mumbai, Hyderabad, Delhi, Chennai dan Kolkata. Selain itu juga, VFS turut merancang untuk membuka 4 lagi MVAC di Bangalore, Kochi, Ahmedebad dan Chandigarh pada masa hadapan.

ii. Sistem Pengurusan Permohonan Visa (SPPV) *1Stop Center* oleh Ultra Kirana Sdn. Bhd. (UKSB) di Republik RakyatChina (RRC):
   - Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri pada 10 Oktober 2011 telah menawarkan kontrak konsesi selama enam (6) tahun kepada syarikat Ultra Kirana Sdn. Bhd. bagi memberikan Perkhidmatan Sistem Pengurusan Permohonan Visa *(SPPV 1 Stop Centre)* di Pejabat Atase Beijing, Shanghai, Guangzhou, Kunming di Republik Rakyat China (RRC) dan Hong Kong SAR.
   - Pelaksanaan ini adalah bagi mengurangkan bebanan kerja pegawai-pegawai di pejabat perwakilan dengan mengalihkan permohonan daripada mana-mana pusat permohonan kepada mana-mana pejabat perwakilan yang bersedia membuat proses kelulusan berdasarkan tahap kesediaan dan keupayaan bebanan kerja semasa.
   - Menerusi SPPV, setiap permohonan visa oleh RRC ke Malaysia dapat diproses dan dikeluarkan dalam tempoh kurang dari 24 jam. Syarikat kini bercadang untuk meluaskan One Stop Centre (OSC) di Shenzhen, Chengdu, Hangzhou, Tianjin, Guilin dan Xiamen.

iii. Malaysia *Electronic Visa Application System* (MEVAS) oleh Dancom-Epiweb JV di Singapura:

- Mesyuarat Sektor Dasar Bil 5/2011, dipengerusikan oleh Y.M. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Kanan) pada 5 Mei 2011 telah bersetuju supaya sistem i-visa dan e-visa diperkenalkan bagi pelawat yang hendak memasuki Malaysia dari Singapura bagi mengurangkan beban permohonan dan jumlah pelancong yang semakin meningkat.
- Objektif MEVAS dalah untuk membuktikan bahawa proses permohonan visa adalh lancar dan turut dapat mengurangkan bebanan kerja pegawai – pegawai pejabat Atase Imigresen Singapura tanpa menggangu fungsi dan kuasa melulus sedia ada JIM.
- Sistem MEVAS ini dilaksanakan berdasarkan skop kerja seperti berikut:

  a. syarikat akan membangunkan portal web i-Visa MEVAS, menyelenggarakan dan menyokong sistem, mengadakan latihan, menyediakan publisiti tanpa sebarang kos kepada Kerajaan;

  b. sistem ini akan dirangkaikan dengan Sistem Keselamatan myIMMs terhad untuk tujuan semakan dengan senarai syak jabatan. Pemohon

boleh mengemukakan permohonan visa sendiri melalui portal tersebut dan hadir ke pejabat pengurusan i-Visa MEVAS bagi tujuan penyerahan, semakan dan pengesahan dokumen;

c. penawaran i-Visa MEVAS untuk digunakan oleh agen pelancongan dan pelancong dari Singapura dalam membantu memproses, prosedur dan mengumpul dokumen yang diperlukan oleh pemohon;

d. memperkenalkan sistem i-Visa MEVAS yang berupaya mengalihkan permohonan visa kepada pejabat perwakilan Malaysia untuk proses kelulusan berdasarkan kapasiti beban kerja semasa;

e. syarikat akan membuka pejabat pengurusan i-Visa MEVAS bagi tujuan penerimaan permohonan, semakan fizikal dan pengesahan maklumat dokumen perjalanan sepadan dengan pemohon akan dibuka di lokasi-lokasi strategik seperti di pusat tumpuan pelancongan atau berhampiran dengan pintu masuk/ keluar Singapura

- Ketiga-tiga syarikat pengendali yang dinyatakan telah memulakan operasi melalui projek *Proof of Concept.* Sehingga kini, hanya UKSB yang menguruskan visa di RRC sahaja telah menandatangani kontrak pengurusan visa dengan Kementerian setelah didapati mencapai objektif mengurangkan beban kerja pegawai Pejabat Perwakilan Malaysia di RRC di samping mengekalkan kelancaran perkhidmatan visa. Ketiga-tiga projek tersebut juga adalah merupakan Program Transformasi JIM yang ditetapkan sebagai *Key Performance Index* YB Menteri Dalam Negeri bagi tahun 2011/2012.

BAHAGIAN

PENGURUSAN PEKERJA ASING

BAHAGIAN
PENGURUSAN PEKERJA ASING

1.0 PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Pekerja Asing (Bahagian PA) adalah urussetia Pusat Kelulusan Setempat Pekerja Asing untuk sektor-sektor yang dibenarkan setelah majikan gagal untuk mendapat pekerja tempatan. Kewujudan Pusat Kelulusan Setempat *(One-Stop Centre)* Pekerja Asing adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mempraktikkan tadbir urus yang baik serta mengurangkan birokrasi seterusnya meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan. Selain itu, Bahagian PA berperanan untuk mengkaji, merangka dan membantu penggubalan dasar, undang-undang dan peraturan berkaitan pekerja asing serta melaksanakan proses kawal selia ke atas syarikat-syarikat *outsourcing* dan majikan yang menggaji pekerja asing secara terus disamping memastikan proses kutipan dan pulangan balik bayaran levi dilaksanakan dengan cekap dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

2.0 LAPORAN BAHAGIAN

2.1 Proses Permohonan Pengambilan Pekerja Asing di Pusat Kelulusan Setempat

Majikan yang mengemukakan permohonan yang lengkap akan ditemuduga oleh panel temuduga yang terdiri daripada wakil Kementerian/Agensi mengikut sektor yang ditetapkan di Pusat Kelulusan Setempat dimana semua keputusan akan dikeluarkan pada hari yang sama.

Bagi tahun 2012, Bahagian PA telah memproses sebanyak 12,405 permohonan pengambilan pekerja asing, di mana dari jumlah tersebut sebanyak 12,047 (97%) permohonan telah diluluskan melibatkan 364,436 pekerja asing. Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak 4,990 merupakan permohonan yang diterima daripada majikan yang mengambil pekerja asing secara terus, 2,252 bagi permohonan penggantian pekerja asing, satu permohonan yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Pekerja Asing (Task Force), 698 permohonan yang diterima melalui saluran Fast Track dan 4,106 permohonan yang diberikan melalui Kelulusan Khas.

2.2 Kutipan Levi Pekerja Asing Bagi Permohonan Baru

Bagi tahun 2012, bayaran levi pekerja asing tahun pertama yang telah diterima di Bahagian PA adalah sebanyak RM 802 juta sepertimana Jadual 1 di bawah:

BULAN (2012)	KUTIPAN LEVI (RM)
Januari	33,612,610.00
Februari	34,579,020.00
Mac	85,709,710.00
April	146,395,610.00
Mei	108,810,015.00
Jun	87,009,580.00
Julai	82,210,400.00
Ogos	49,947,180.00
September	56,548,810.00
Oktober	53,940,080.00
November	31,638,910.00
Disember	32,397,470.00
JUMLAH	802,553,395.00

Jadual 1 : Jumlah Kutipan Levi Tahun Pertama Bagi Permohonan Pekerja Asing

2.3 Lawatan Naziran Yang Dijalankan Ke Atas Majikan dan Syarikat *Outsourcing* Yang Menggaji Pekerja Asing

Naziran dijalankan untuk memastikan majikan dan syarikat *outsourcing* yang menggaji pekerja asing sentiasa mematuhi syarat-syarat dan peraturan. Walau bagaimanapun, naziran telah ditangguhkan buat sementara waktu bermula pada 15 September 2011 sehingga 30 Jun 2012 bagi memberi tumpuan kepada pelaksanaan Program Penyelesaian Menyeluruh Warga Asing (Program 6P).

Proses lawatan naziran telah diaktifkan semula selepas tamat Proses Pemutihan (6P) pada 30 Jun 2012 (sambungan kali ke-4). Sehingga 14 Disember 2012, sebanyak 64 lawatan naziran telah dijalankan oleh Bahagian PA ke atas majikan dan syarikat *outsourcing.*

2.4 Program Penyelesaian Menyeluruh (Program 6P) – Proses Pemutihan

Kerajaan telah melaksanakan Program Penyelesaian Menyeluruh Menangani Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program 6P untuk menyelesaikan isu-isu berhubung keberadaan warganegara asing yang berada di Malaysia. Program ini meliputi enam proses seperti berikut:

- Pendaftaran: 1 Ogos 2011 – 31 Ogos 2011
- Pemutihan: 10 Oktober 2011 – 10 Januari 2012
- Pengampunan: 10 Oktober 2011 – 10 Januari 2012
- Penguatkuasaan: 20 Oktober 2011 dan berterusan
- Pemantauan: Berterusan
- Pengusiran: Januari 2012 dan berterusan

Proses Pemutihan bertujuan untuk memastikan PATI yang berdaftar semasa Proses Pendaftaran dibenarkan bekerja untuk tempoh tidak melebihi 3 tahun. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mempertimbangkan rayuan majikan untuk melanjutkan tempoh Proses Pemutihan sebanyak 6 kali secara pentadbiran seperti berikut:

(i) Fasa I	:	10 Oktober 2011 – 10 Januari 2012
(ii) Fasa II	:	11 Januari 2012 – 15 Februari 2012 (Lanjutan Pertama)
(iii) Fasa III	:	16 Februari 2012 – 10 April 2012 (Lanjutan Kedua)
(iv) Fasa IV	:	11 April 2012 – 30 Jun 2012 (Lanjutan Ketiga)
(v) Fasa V	:	9 Julai 2012 – 30 September 2012 (Lanjutan Keempat)
(vi) Fasa VI	:	1 Oktober 2012 – 30 November 2012 (Lanjutan Kelima)

Proses Pemutihan Fasa V adalah bagi memberi kepada peluang majikan yang telah membuat temujanji tetapi tidak berkesempatan menghadiri proses temuduga sebelum 30 Jun 2012. Lanjutan tempoh Proses Pemutihan ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada pihak Kedutaan memproses pasport warganegara mereka yang ingin bekerja di Malaysia. Fasa VI Proses Pemutihan adalah dikhususkan hanya kepada majikan yang telah hadir temuduga tetapi masih belum melengkapkan dokumen syarikat masing-masing.

Bagi memudahkan pihak majikan dalam urusan Proses Pemutihan, sebanyak 12 Pusat Pemutihan telah dibuka:

1. Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, Presint 2, Putrajaya
2. Bahagian Pasport Jabatan Imigresen, Presint 15, Putrajaya
3. Jabatan Pendaftaran Negara Presint 2, Putrajaya
4. Pejabat Imigresen Jalan Duta, Kuala Lumpur
5. Pejabat Imigresen Negeri Johor
6. Pejabat Imigresen Perlabuhan Klang, Selangor
7. Pejabat Imigresen Sebarang Jaya, Pulau Pinang
8. Pejabat Imigresen Negeri Pahang
9. Jabatan Pendaftaran Negara Cameron Highlands

Sehingga 2012, seramai 619,661 PATI yang melibatkan 114,193 majikan telah melalui Proses Pemutihan dan daripada jumlah tersebut seramai 503,161 PATI telah diberikan kelulusan. Daripada jumlah yang telah diluluskan, 492.618 PATI telah dijelaskan levi oleh majikan masing-masing dengan kutipan sebanyak RM618,791,380. Ini bermakna seramai 10,543 atau 2.3% PATI yang telah diluluskan masih belum menjelaskan bayaran levi walaupun tarikh akhir pembayaran levi dilanjutkan sehingga 28 Disember 2012. Statistik kelulusan Program Pemutihan mengikut negara dan sektor adalah seperti Jadual 2.

Statistik pekerja asing aktif yang mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) mengikut warganegara dan sektor sehingga 30 September 2012 adalah seperti di Jadual 3 - 6.

2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI)

Sepanjang tahun 2012 Mesyuarat Jawatankuasa JKKPA-PATI telah bersidang sebanyak tiga kali.

2.5.1 Mesyuarat JKKPA-PATI Kali ke-8 Bil.1/2012

Mesyuarat JKKPA-PATI Kali ke-8 Bil.1/2012 telah diadakan pada 9 Ogos 2012 bertempat di Dewan Persidangan ICU, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan dipengerusikan oleh Y.A.B Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin,Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Mesyuarat telah memberi penekanan kepada beberapa perkara mengenai Cadangan Pengambilan Pekerja Asing Warganegara Bangladesh Secara Kerajaan Kepada Kerajaan (G To G), Cadangan Pembukaan Semula Pengambilan

Pekerja Asing Bagi Subsektor Perkhidmatan Pelancongan, Cadangan Mengekalkan Keperluan Job Clearing System (JCS) Bagi Permohonan Pengambilan Pekerja Asing dan Cadangan Pelaksanaan Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) Sebagai Pra-Syarat Wajib Bagi Pengeluaran Dan Pembaharuan Pas Kerja Di JabatanImigresen Malaysia.

2.5.2 Mesyuarat JKKPA-PATI Khas Mengenai Mekanisme Penggajian Pekerja Bangladesh Secara Kerajaan kepada Kerajaan 'G To G"

Mesyuarat JKKPA-PATI Khas ini telah diadakan pada 1 November 2012 bertempat di Dewan Persidangan ICU JPM dan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Mesyuarat ini khusus bagi membincangkan mekanisme perlaksanaan Penggajian Pekerja Bangladesh secara Kerajaan kepada Kerajaan yang akan dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia dimana mesyuarat telah bersetuju supaya sebagai permulaan, kemasukan pekerja Bangladesh adalah untuk sektor perladangan sahaja.

2.5.3 Mesyuarat JKKPA-PATI Kali Ke-9 Bil.2/2012

Mesyuarat JKKPA-PATI Kali Ke-9 telah diadakan pada 21 Disember 2012 bertempat di Dewan Persidangan ICU JPM dan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Mesyuarat kali ini telah membincangkan mengenai Cadangan Pembukaan Pengambilan Pekerja Asing Bagi Sektor Perkhidmatan Pelancongan (Taman Tema), Cadangan Kemaskini Norma Bilangan Pekerja Sektor Pertanian untuk Burung Walit, Pelaksanaan Pengeluaran Kad Pekerja Asing Berwarna Bagi Setiap Sektor Pekerjaan dan status terkini mengenai Pelaksanaan Mekanisme Penggajian Pekerja Bangladesh Secara Kerajaan Kepada Kerajaan (G To G).

Proses temuduga semasa Program 6P

WARGANEGARA		SEKTOR						
	PEMBANTU RUMAH	PEMBINAAN	PERKHIDMATAN	PENGAWAL KESELAMATAN	PERKILANGAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH BESAR
BANGLADESH	3	93,108	39,200	-	56,885	3,455	10,320	202,971
INDONESIA	7,318	89,050	43,208	-	15,539	28,181	17,941	201,237
MYANMAR	5	9,124	18,336	-	16,448	2,274	2,668	48,855
INDIA	206	2,081	9,559	-	1,890	2,249	1,566	17,551
PAKISTAN	-	2,952	3,209	-	938	857	669	8,625
NEPAL	5	335	2,458	3,005	3,909	184	821	10,717
VIETNAM	45	1,465	1,232	-	1,979	62	144	4,927
KEMBOJA	134	173	702	-	623	569	277	2,478
CHINA	-	2	1,565	-	13	-	-	1,580
THAILAND	6	61	1,270	-	97	22	45	1,501
PHILIPPINA	390	151	916	-	69	6	29	1,561
SRI LANKA	26	117	655	-	229	64	41	1,132
LAOS	-	1	10	-	9	-	4	24
UZBEKISTAN	-	-	1	-	1	-	-	2
JUMLAH KESELURUHAN	**8,138**	**198,620**	**122,321**	**3,005**	**98,629**	**37,923**	**34,525**	**503,161**

Jadual 2: Statistik kelulusan Program Pemutihan mengikut negara dan sektor sehingga 31 Disember 2012

WARGANEGARA	SEKTOR						
	PEMBANTU RUMAH	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH BESAR
INDONESIA	87,771	141,343	78,445	16,272	108,069	47,065	478,965
BANGLADESH	44	26,160	72,838	10,544	12,914	7,669	130,169
NEPAL	68	5,181	251,518	30,845	4,463	12,035	304,110
MYANMAR	88	12,475	94,493	13,182	2,331	5,095	127,664
INDIA	544	3,472	4,864	43,700	18,341	21,164	92,085
VIETNAM	887	2,679	43,073	994	125	451	48,209
FILIPINA	23,575	247	1,988	1,192	47	144	27,203
PAKISTAN	26	6,459	3,354	1,351	6,157	12,497	30,844
THAILAND	300	654	402	4,879	32	530	6,797
CAMBODIA	14,809	150	4,391	252	163	222	19,987
CHINA	18	118	136	2,629	1	1	2,903
SRI LANKA	1,254	69	1,981	631	397	205	4,537
LAOS	49	6	12	3	2	4	76
LAIN-LAIN	36	0	0	1	0	0	37
JUMLAH	**129,469**	**199,013**	**557,505**	**126,475**	**153,042**	**108,082**	**1,273,586**

Jadual 3: Statistik PLKS Mengikut Warganegara dan Sektor Sehingga 31 Disember 2012 di Semenanjung Malaysia

WARGANEGARA	SEKTOR						
	PEMBANTU RUMAH	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH BESAR
INDONESIA	3,464	12,508	32,996	4,125	72,103	6,060	131,256
BANGLADESH	0	804	1,084	195	14	84	2,181
NEPAL	1	77	80	4	33	1	196
MYANMAR	2	669	1,067	43	5	33	1,819
INDIA	1	1,197	30	223	0	2	1,453
VIETNAM	0	85	23	24	0	6	138
FILIPINA	93	891	386	425	76	73	1,944
PAKISTAN	1	386	0	16	0	0	403
THAILAND	1	281	30	90	0	32	434
KEMBOJA	3	0	0	4	0	21	28
CHINA	0	1,827	1,175	2,436	54	109	5,601
SRI LANKA	0	0	0	1	0	0	1
LAOS	0	0	0	0	0	0	0
LAIN-LAIN	1	253	0	1	0	0	255
JUMLAH KESELURUHAN	**3,567**	**18,978**	**36,871**	**7,587**	**72,285**	**6,421**	**145,709**

Jadual 4: Statistik PLKS Mengikut Warganegara dan Sektor Sehingga 31 Disember 2012 di Sarawak

WARGANEGARA	SEKTOR						
	PEMBANTU RUMAH	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH BESAR
INDONESIA	7,892	4,487	10,204	2,705	85,599	23,072	133,959
BANGLADESH	0	0	0	0	0	0	0
NEPAL	0	4	0	0	0	407	411
MYANMAR	0	2	0	0	20	0	22
INDIA	0	0	0	0	0	0	0
VIETNAM	0	0	0	0	0	0	0
FILIPINA	1,215	3,408	1,308	1,137	3,353	4,610	15,031
PAKISTAN	0	0	0	0	0	0	0
THAILAND	0	0	0	0	0	0	0
CAMBODIA	2	0	0	0	0	0	2
CHINA	0	0	0	0	0	0	0
SRI LANKA	0	0	0	0	0	0	0
LAOS	0	0	0	0	0	0	0
LAIN-LAIN	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	**9,107**	**7,901**	**11,512**	**3,842**	**88,972**	**28,089**	**149,423**

Jadual 5 : Statistik PLKS Mengikut Warganegara dan Sektor Sehingga 30 September 2012 di Sabah

WARGANEGARA	SEKTOR						
	PEMBANTU RUMAH	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH BESAR
INDONESIA	721	596	35	262	15	263	1,883
BANGLADESH	0	0	0	0	0	0	0
NEPAL	0	0	0	0	0	0	0
MYANMAR	0	0	0	0	0	1	1
INDIA	3	0	0	212	0	8	223
VIETNAM	1	0	0	1	0	0	1
FILIPINA	77	66	3	432	13	150	741
PAKISTAN	0	0	0	2	0	0	2
THAILAND	1	0	0	10	2	7	20
CAMBODIA	0	0	0	0	0	0	0
CHINA	0	0	0	0	0	0	0
SRI LANKA	0	0	0	0	0	0	0
LAOS	0	0	0	0	0	0	0
LAIN-LAIN	0	0	0	11	2	7	21
JUMLAH	**793**	**667**	**38**	**919**	**30**	**429**	**2,871**
JUMLAH KESELURUHAN	**142,936**	**226,554**	**605,926**	**138,823**	**314,329**	**143,021**	**1,571,589**

Jadual 6: Statistik PLKS Mengikut Warganegara dan Sektor Sehingga 31 Disember 2012 di Labuan

PASUKAN
SUKARELAWAN MALAYSIA

PASUKAN SUKARELAWAN MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah melalui beberapa siri transformasi yang positif sepanjang tahun 2012. Pertambahan ahli yang ketara menunjukkan bahawa RELA sentiasa menjadi pilihan masyarakat yang ingin berkhidmat secara sukarela untuk negara. Anggota RELA bukan sekadar bertugas di majlis-majlis kenduri dan menjaga lalulintas namun peranan mereka telah berkembang dan lebih mencabar termasuklah membantu dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara. Teras 5K1P iaitu Keselamatan, Keamanan, Kesejahteraan, Keharmonian, Kesatuan dan Perpaduan menjadi tonggak utama dalam melaksanakan peranan RELA.

2.0 LAPORAN KERJA

2.1 Penggubalan Akta Baru RELA

Pada 20 Disember 2011, Parlimen Malaysia telah mengumumkan penarikan balik Proklamasi Darurat 1969 yang mana punca kuasa Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) pada ketika itu terletak di bawah Ordinan Darurat - Akta (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1964 Peraturan-Peraturan Perlu (Ikatan Relawan Rakyat). Sehubungan itu, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dipertanggungjawabkan untuk menggubal akta baru RELA yang berpaksikan kepada teras 5K1P. Beberapa siri bengkel telah dilaksanakan antaranya adalah Bengkel *Rebirth* RELA bersama *National Blue Ocean Strategic Institute* (NBOSI) dan Mesyuarat Penyelarasan bersama agensi kerajaan yang lain. Rang Undang-Undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 telah dibentangkan kepada YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri pada 19 Januari 2012 bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan beliau. Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 yang mempunyai 6 bahagian dan 28 seksyen telah diluluskan di Parlimen pada 18 April 2012 dan dikuatkuasakan pada 22 Jun 2012 setelah mendapat Perkenan Diraja. Dengan penggubalan akta baru tersebut nama Ikatan Relawan Rakyat Malaysia telah ditukarkan kepada Pasukan Sukarelawan Malaysia.

2.2 Pendaftaran Ahli Baru

Kempen penambahan ahli giat dijalankan sepanjang tahun 2012 di mana jumlah ahli baru terus meningkat sehingga melebihi 3 juta ahli, iaitu melepasi sasaran yang ditetapkan iaitu 50 ribu ahli bagi tahun 2012. Statistik keahlian adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KESELURUHAN		JUMLAH
	RELAWAN	RELAWATI	
Johor	128,459	55,240	183,699
Kedah	109,591	45,243	154,834
Kelantan	152,840	101,204	254,044
Melaka	54,866	34,704	89,570
Negeri Sembilan	81,324	45,432	126,756
Pahang	133,117	74,683	207,800
Perak	179,452	110,205	289,657
Perlis	26,398	14,937	41,335
Pulau Pinang	128,044	99,998	228,042
Sabah	163,838	120,050	283,888
Sarawak	149,284	75,733	225,017
Selangor	320,624	226,793	547,417
Terengganu	122,273	88,387	210,660
Wilayah Persekutuan	99,621	69,075	168,696
JUMLAH	**1,849,731**	**1,161,684**	**3,011,415**

Jadual 1 : Statistik keahlian RELA bagi tahun 2012

2.3 Penubuhan Unit Media Rela

Unit Media RELA ditubuhkan pada penghujung tahun 2011 dan berperanan untuk menjalankan kempen publisiti dan meningkatkan imej RELA selaras dengan matlamat ke Tujuh Komitmen Kementerian Dalam Negeri oleh YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussien iaitu Menggerakkan Gelombang Kesukarelawanan di kalangan masyarakat. Kempen terus giat dijalankan di seluruh negara melalui aktiviti pameran, program *Meet-up Twiter* dan *Twitup* Bersama Pemimpin. RELA juga telah dianugerahkan Anugerah Media Sosial Terbaik KDN 2012 dan Followers Twitter Paling Ramai 2012 dengan followers twitter @ relamalaysia seramai melebihi 230 ribu.

2.4 Penubuhan Unit Skuad Muda RELA

Unit Skuad Muda RELA ditubuhkan pada 9 April 2012 dengan tujuan untuk menggerakkan gelombang kesukarelawan di kalangan golongan muda dan membentuk jatidiri sebagai sukarelawan yang unggul.

Sepanjang tahun 2012, Skuad Muda RELA telah menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh RELA dan KDN khususnya yang melibatkan pemimpin-pemimpin negara dan negeri.

2.5 Pengembangan Briged Siswa Siswi (RELASIS)

Pada tahun 2012 sebanyak tiga buah IPT telah menerima penubuhan Briged Siswa Siswi (RELASIS) menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak empat RELASIS iaitu:

i. RELASIS UTHM (Johor)
ii. RELASIS UNIMAP (Perlis)
iii. RELASIS UUM (Kedah)
iv. RELASIS UNISZA (Terengganu)

2.6 Pelancaran Unit Cegah Jenayah Berbasikal/ Motosikal

RELA telah mengambil langkah proaktif untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan setempat dengan menubuhkan Unit Cegah Jenayah Berbasikal/Motosikal yang telah dilancarkan pada 11 Ogos 2012 di Negeri Sarawak.

2.7 Aktiviti penugasan dan keselamatan

RELA terus memberi sumbangan dalam mengukuhkan keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan keharmonian rakyat di mana pada tahun 2012 seramai 1,041,966 anggota telah bertugas di beberapa lokasi iaitu:

i. Tugasan NKRA - 333,714 anggota
ii. STOLPORT- 44,481 anggota
iii. Depot Tahan Imigresen - 375,025 anggota
iv. MAPO-18,777 anggota
v. KPDNKK Stesen Minyak - 92,660 anggota
vi. Pusat Sasaran Penting - 177,309 anggota

2.8 Omni Presence Bersama PDRM

Sepanjang tahun 2012 seramai 3,998 anggota RELA telah menyertai Sukarelawan Polis (SP) bagi tugasan Omni Presence di empat negeri Hot Spot iaitu Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Johor, manakala seramai 946 anggota ditugaskan di Sabah dan Sarawak.

2.9 Bencana alam

Selaras dengan Arahan MKN 20, RELA telah melaksanakan bantuan bencana banjir melalui platun-platun RELA setempat dengan tugasan yang dilaksanakan termasuklah menyediakan tempat perpindahan, menyediakan makanan kepada mangsa banjir dan membantu membersihkan tempat awam selepas banjir. Penglibatan sepanjang tahun 2012 mengikut negeri adalah seperti berikut :

i. Johor - 379 anggota
ii. Selangor- 1,086 anggota
iii. N.Sembilan- 89 anggota
iv. Melaka- 220 anggota
v. Perak - 1,213 anggota
vi. Kedah- 15 anggota

2.10 Latihan Untuk Anggota RELA

Sepanjang tahun 2012 seramai 8,328 anggota telah menjalani latihan dan kursus di empat buah pusat latihan dan negeri Sarawak. Latihan dan kursus yang dilaksanakan adalah :

i. Kursus Asas RELA - 20 siri
ii. Kursus Asas Strategik - 3 siri Keselamatan
iii. Kursus Kepimpinan Dan - 3 siri Pengurusan RELA
iv. Kursus Pengendalian - 2 siri dan Pengurusan Senjata Api
v. Kursus Bantuan Khas - 1 siri
vi. Kursus Pemantapan Kawat - 3 siri
vii. Kursus Pancaragam RELA - sepanjang tahun

2.11 *National Blue Ocean Strategy (NBOS) 6 & 7*

Pasukan RELA telah terlibat secara aktif di dalam menggerakkan beberapa inisiatif di dalam NBOS 6 & 7 seperti:

i. Addressing Low Cost Housing Issue by RELA and Military
ii. RELA Members Maintaining and Cleaning Up Long House Areas with the Engineering Support of Military
iii. Leveraging NGOs to Mobilise Volunteers for Tree Planting

RELA juga telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras aktiviti gotong-royong di bawah Program NBOS yang melibatkan agensi-agensi di bawah KDN, agensi luar kementerian seperti JPNIN, PBT, Bomba, Persatuan Penduduk, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan lain-lain. Aktiviti melibatkan pembersihan kawasan perumahan kos rendah/rumah pangsa adalah seperti berikut :

BIL	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
1.	15 September 2012	Rumah Pangsa Kinta Heights, Rumah Pangsa Jalan Silang dan Rumah Pangsa Jalan Bijih Timah di Perak	RELA- 136 anggota Lain-lain agensi - 371 orang Jumlah- 507 orang
2.	22 September 2012	Pantai Klebang di Melaka	RELA- 110 anggota Lain-lain agensi - 220 orang Jumlah- 330 orang
3.	22 September 2012	Taman Perumahan Kos Rendah Santan 2 di Perlis	RELA- 215 anggota Lain-lain agensi - 163 orang Jumlah- 378 orang
4.	6 Oktober 2012	Taman Datin Fatimah di Bukit Rambai, Melaka	RELA- 412 anggota Lain-lain agensi - 162 orang Jumlah- 574 orang
5.	7 Oktober 2012	Flat taman Mulia di Cheras, Kuala Lumpur	RELA- 150 anggota Lain-lain agensi - 333 orang Jumlah- 483 orang
6.	20 Oktober 2012	Flat Larkin di Johor Bahru, Johor	RELA- 237 anggota Lain-lain agensi - 140 orang Jumlah - 377 orang
7.	4 November 2012	Rumah Pangsa Alor Akar di Kuantan, Pahang	RELA- 100 anggota Lain-lain agensi - 280 orang Jumlah- 380 orang
8.	24 November 2012	Cempakapuri Nilai di Negeri Sembilan	RELA- 93 anggota Lain-lain agensi - 145 orang Jumlah- 238 orang
9.	6 Disember 2012	Taman Wira Mergong, Pusat Bandar dan Taman Teratai Jingga di Alor Star, Kedah	RELA- 150 anggota Lain-lain agensi - 500 orang Jumlah- 650 orang

Jadual 2 : Aktiviti gotong-royong yang dijalankan

BAHAGIAN

PENDAFTARAN NEGARA DAN PERTUBUHAN

BAHAGIAN PENDAFTARAN NEGARA DAN PERTUBUHAN

1.0 PENGENALAN

Bahagian Pendaftaran dan Pertubuhan (PP) merupakan salah satu bahagian di Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang diwujudkan melalui penstrukturan semula Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan berfungsi secara rasmi berkuatkuasa pada 1 September 2006.

Bahagian PP telah mengalami beberapa perubahan drastik kepada susunan struktur organisasi, pembahagian tugas dan perjawatan sejak diwujudkan di Kementerian Dalam Negeri. Bahagian ini dahulunya dikenali sebagai Bahagian Imigresen dan Pendaftaran Negara dan selepas itu dikenali pula sebagai Bahagian Hal Ehwal Pendaftaran Negara dan Pertubuhan. Selepas penggabungan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun 2008, Bahagian ini diberi nama yang baru iaitu Bahagian Pendaftaran dan Pertubuhan sehingga kini.

Bahagian ini bertanggungjawab mengenai dasar pendaftaran negara dan pendaftaran pertubuhan tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pertubuhan 1966.

Ini termasuklah mengendalikan dasar, undang-undang serta peraturan yang berkaitan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bagi memastikan kesesuaian dengan keperluan semasa Negara dan berperanan menguruskan permohonan kewarganegaraan Malaysia dan rayuan pendaftaran yang telah dibatal, ditolak dan dibubarkan sementara.

2.0 LAPORAN BAHAGIAN

2.1 Permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia

Bahagian PP telah diamanahkan untuk menyelesaikan permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia bagi tahun 2011 pada tahun 2012. Bahagian ini memproses permohonan Taraf Kewarganegaraan di bawah Perkara 15(A), Perkara 15(2), Perkara 19(1) dan Perkara 30(1) Perlembagaan Persekutuan.

Sehingga Disember 2012, sebanyak 17,609 fail telah diterima daripada JPN. Bahagian PP telah berjaya menyelesaikan sebanyak 17,609 fail iaitu 100% daripada jumlah fail yang diterima. Permohonan yang telah diproses seperti di Jadual 1.

BIL	JUMLAH PERMOHONAN YANG LENGKAP DITERIMA	JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DISELESAIKAN	JUMLAH PERMOHONAN YANG MASIH BELUM SELESAI	PERATUS PERMOHONAN YANG TELAH DIPROSES (%)
1.	17,609	17,609	-	100

Jadual 1 : Statistik Pemprosesan Permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia Bagi Tahun 2012 (Melibatkan Permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia Pada Tahun 2011 Yang Diproses Pada Tahun 2012)

2.2 Permohonan Rayuan Kes-Kes Pertubuhan

Bagi permohonan rayuan kes-kes Pertubuhan, sehingga Disember 2012, Bahagian PP telah menerima sebanyak 185 kes rayuan pertubuhan dan sebanyak 182 fail telah diselesaikan manakala baki sebanyak tiga (3) fail masih belum selesai. Permohonan yang diproses adalah seperti di Jadual 2.

BIL	KATEGORI RAYUAN	JUMLAH RAYUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN YANG DITERIMA DARIPADA JPPM	JUMLAH RAYUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN YANG TELAH DISELESAIKAN DI BAHAGIAN PP	JUMLAH RAYUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN YANG MASIH DALAM PROSES
1.	Penolakan	35	32	3
2.	Pembubaran Sementara	10	10	0
3.	Pembatalan	140	140	0
JUMLAH KESELURUHAN		185	182	3

Jadual 2 : Statistik Rayuan Permohonan Pendaftaran Pertubuhan Di Malaysia Bagi Tahun 2012

2.3 Aktiviti-Aktviti Lain

2.3.1 Bengkel Mengemaskini SOP Permohonan Taraf Kewarganegaraan

Dalam usaha untuk memastikan penambahbaikan prosedur permohonan taraf kewarganegaraan dan pemahaman undang-undang yang berkaitan dengannya, Bahagian PP telah julung-julung kali mengadakan Bengkel Penyelarasan Undang-undang dan Penyediaan SOP pada 5-8 April 2012 di Pulau Pinang. Bengkel ini melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pegawai dan kakitangan yang terlibat di dalam Bengkel Mengemaskini SOP Permohonan Taraf Kewarganegaraan.

2.3.2 Penganjuran Majlis Penyampaian Dokumen Pengenalan Diri oleh YAB Perdana Menteri

Majlis Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri melibatkan penganugerahan Sijil Kewarganegaraan, Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran telah disempurnakan oleh YAB PM pada 14 Februari 2012 di Pusat Latihan Dewan Bandaraya (IDB), Bandar Tun Razak, Cheras. Majlis ini melibatkan 56 orang penerima.

2.3.3 Penganjuran Majlis Penyampaian Dokumen Pengenalan Diri oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri di Kota Kinabalu , Sabah

Majlis Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri melibatkan penganugerahan Sijil Kewarganegaraan, Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Abu Seman bin Mansur pada 3 Mei 2012 di Wisma Wanita, Jalan Tuaran, Kota Kinabalu Sabah. Majlis ini melibatkan 124 orang penerima.

2.3.4 Penganjuran Majlis Penyampaian Dokumen Pengenalan Diri oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri I di Johor Bharu.

Majlis Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri melibatkan penganugerahan Sijil Kewarganegaraan, Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Abu Seman bin Mansur pada 25 Mei 2012 di Mini KDN, Johor Bharu. Majlis ini melibatkan 40 orang penerima.

Majlis Penyampaian Dokumen Pengenalan Diri Oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri di Johor Bharu

JABATAN
DEPOT

JABATAN DEPOT

1.0 PENGENALAN

Jabatan Pengurusan Depot diwujudkan untuk melaksana langkah-langkah transformasi pengurusan Depot Tahanan Imigresen. Transformasi kreatif berteraskan konsep 'Blue Ocean Strategy' ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kemantapan pengurusan Depot-Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara sejajar dengan undang-undang antarabangsa mengikut "Standard Minumum Rules for The Treatment of Prisoners 1955".

Objektif Jabatan Depot adalah 'Mengurus Penahanan Dan Kawalan Ke Atas Orang Tahanan Dengan Selamat, Terkawal dan Berkesan'. Visi adalah 'Untuk Menjadi Depot Tahanan Bertaraf Dunia' dan misi adalah 'Melaksanakan Penahanan dan Pengawalan Ke Atas Tahanan Secara Bersepadu Berdasarkan Peruntukan Undang-undang Sedia Ada'.

2.0 LAPORAN

Pada tahun 2012 Jabatan Depot dengan bantuan dan kerjasama erat semua Bahagian-bahagian, Jabatan dan Agensi yang berkaitan telah berjaya mencapai perkara-perkara berikut:-

2.1 Pengiktirafan MS ISO 9001:2008 Depot Tahanan

Memperolehi pengiktirafan MS ISO 9001:2008 pada 7 Mei 2012 untuk Ibu Pejabatnya di Putrajaya dan juga kesemua 13 buah Depot-Depot Tahanan di seluruh negara, termasuk juga sebuah Rumah Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang di Tanjung Kling, Melaka (RP4).

Dengan pengiktirafan MS ISO 9001:2008, masyarakat mendapat jaminan bahawa Kerajaan tidak pernah mengabaikan aspek penambahbaikan dalam proses kerjanya demi memelihara keamanan dan kesejahteraan negara.

2.2 Proses dan Prosedur Pengusiran Tahanan / Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

Jabatan Depot turut mengurus hal ehwal pengusiran tahanan/ Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditahan di depot-depot tahanan imigresen seluruh negara.

Dari bulan Januari hingga Disember 2012, dengan kerjasama semua yang terlibat, Jabatan Pengurusan Depot telah menguruskan kemasukan tahanan seramai 44,189 orang dan menguruskan pengusiran tahanan seramai 21,024 orang.

Kelancaran proses pengusiran telah dipertingkatkan dengan jalinan kerjasama erat kedutaan-kedutaan asing. Ianya telah dilakukan melalui Kementerian Luar Negeri bagi melancarkan proses penyediaan dokumentasi sebelum mereka boleh dihantar pulang ke Negara asal secara sah mengikut undang-undang. Sepanjang tahun 2012 Jabatan Depot telah meningkatkan siri-siri mesyuarat yang telah diadakan dengan pihak-pihak terbabit.

Selain daripada usaha itu, transformasi bersama Jabatan Penjara Malaysia telah dilakukan dengan melakukan dokumentasi awal terhadap PATI di penjara yang menghadapi hukuman atas kesalahan jenayah dan pelbagai kesalahan lain sebelum PATI tersebut diusir. Melalui transformasi ini lebih ramai tahanan dapat diusir dengan lebih cepat. Dengan penambahbaikan prosedur ini, rakyat mendapat jaminan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk mempercepatkan lagi proses pengusiran PATI ke negara asal mereka tanpa membelakangkan undang-undang dan perikemanusiaan sejagat.

2.3 Kerjasama Dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Jabatan Depot turut melibatkan NGO dalam usaha menambahbaik pengurusan di depot tahanan.

Sepanjang tahun 2012, Jabatan Depot telah bekerjasama dengan Suara Kanak-Kanak (SUKA) dan *International Commitee of The Red Cross* (ICRC).

SUKA telah menyumbang pengalaman kaunseling mereka melalui kursus kepada petugas di depot tahanan, Sepanjang tahun 2012, seramai 160 orang petugas-petugas depot tahanan telah menghadiri kursus anjuran SUKA. Manakala ICRC pula menyumbang pengalaman mereka dalam memberi pandangan terhadap pengurusan tahanan di depot-depot.

Jabatan Depot juga telah bekerjasama bagi mengadakan *ICRC Workshop For Depots Commanders* dalam usaha untuk menambah pengetahuan mengenai piawaian antarabangsa terkini mengenai pengurusan tahanan. Program *Family Link* yang dianjurkan oleh ICRC banyak membantu tahanan untuk pulang ke negara asal mereka.

Kerjasama dengan UNHCR telah meringankan beban Kerajaan dalam penjagaan tahanan. Statistik Januari hingga Disember 2012 seramai 3,299 tahanan yang diiktiraf sebagai pelarian telah diserahkan kepada UNHCR. Melalui usaha kerjasama sebegini, Jabatan Depot telah meluaskan lagi skop penambahbaikan pengurusan di depot-depot tahanan. Usahasama *smart-partnership* sebegini akan diteruskan dengan lebih banyak lagi NGO, sam ada dalam atau luar Negara.

2.4 Penambahbaikan *Standard Operating Procedures (SOP)*

Selaras dengan peredaran semasa yang menuntut "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", Jabatan Depot telah menambahbaik S.O.P yang mengandungi tiga aspek iaitu Pengurusan, Kawalan dan Keselamatan dan Dokumentasi & Pengusiran.

Sepanjang tahun 2012, dengan kerjasama pelbagai pihak, Jabatan Pengurusan Depot telah menambahbaik S.O.P mengenai pengurusan Kematian Dalam Tahanan (Bunuh Diri) dan S.O.P Pencegahan Penyakit.

Dengan penambahbaikan S.O.P ini, rakyat mendapat jaminan bahawa Kerajaan beroperasi dalam minda yang dinamik dalam usaha bergerak seiring dengan peredaran era moden yang seringkali menuntut transformasi dilaksanakan.

2.5 Penubuhan Mahkamah Sesyen PATI Di Depot Tahanan

Mahkamah Sesyen PATI telah ditubuhkan di Depot Tahanan bagi menyegerakan proses perundangan dan pendakwaan. Mahkamah PATI ini juga telah berjaya mempercepatkan dan menyelesaikan kes-kes kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 yang dilakukan oleh PATI.

Kewujudan mahkamah ini dapat menjimatkan masa dan kos yang ditanggung oleh Kerajaan disamping tahap kawalan dan keselamatan dapat dipertingkatkan bagi mengelak kes bolos kerana mahkamah berada dalam Depot.

2.6 Penubuhan Unit Anti Rusuhan (LSF)

Penubuhan Unit Anti Rusuhan (LSF) di setiap depot adalah sebagai langkah segera/awal mengawal rusuhan yang melibatkan tahanan di samping bagi mengelak rusuhan yang berlaku merebak ke tempat lain sebelum bantuan daripada PDRM dan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) tiba. LSF ini dianggotai Pegawai/kakitangan Depot (Imigresen) dan RELA tanpa melibatkan pertambahan kakitangan baru yang perlu diberi latihan sebelum atau setelah menyertai Unit ini.

2.7 Naiktaraf Depot dan Pembukaan Depot Baru

Jabatan Depot sentiasa memberi perhatian berkaitan kapasiti tahanan. Kemasukkan tahanan sentiasa dipantau supaya tidak berlaku kesesakan dengan memindahkan tahanan ke depot yang kurang penghuni. Kesesakan dalam depot boleh menimbulkan pergaduhan dan ancaman daripada tahanan termasuklah mogok lapar, rusuhan, kemurungan melampau dan sebagainya.

Kebajikan tahanan sentiasa dijaga. Keperluan rawatan dipertingkatkan dan tahanan yang sakit diberi kemudahan perubatan. Makanan tahanan diberi keutamaan termasuk kualiti makanan mengikut menu yang ditetapkan dan masa makan dipatuhi.

Penyerahan PTS Bukit Jalil oleh PDRM kepada Jabatan Depot KDN pada 1 Julai 2012 telah memudahkan pengurusan tahanan di sekitar Lembah Klang.

Sementara projek naiktaraf Depot Tahanan Belantik, Kemayan, Langkap, Semenyih, Lenggeng, Pekan Nenas dan Machap Umboo dengan blok-blok tahanan yang lebih selesa dan selamat lengkap dengan kemudahan sistem pagar keselamatan dan CCTV yang canggih, secara tidak langsung telah menyelesaikan masalah kesesakan tahanan dan meningkatkan kualiti penjagaan/kebajikan di samping melancarkan lagi proses kawalan dan pengusiran tahanan.

Kompleks baru Depot Tahanan Semenyih, Selangor

Sistem Pagar Keselamatan Di Depot

BIL	AGENSI BULAN	2010			2011			2012		
		L	P	KK	L	P	KK	L	P	KK
1	INDONESIA	36,850	8,264	376	8,766	4,927	252	11,076	4,891	356
2	THAILAND	1,810	1,259	28	1,432	1,128	34	1,392	1,266	42
3	VIETNAM	1,156	405	67	1,127	437	3	1,415	1,296	14
4	MYANMAR	8,262	495	67	5,160	464	47	8,045	849	195
5	BANGLADESH	6,325	19	88	3,978	117	15	3,065	18	2
6	PAKISTAN	1,012	11	4	721	13	0	1,452	43	9
7	P.R CHINA	256	946	0	129	904	1	235	977	2
8	NIGERIA	122	2	0	271	21	5	1,121	59	6
9	INDIA	1,519	69	8	1,201	156	2	1,338	138	9
10	KEMBOJA	834	576	86	653	493	79	630	369	96
11	FILIPINA	180	375	41	235	175	3	302	288	6
12	NEPAL	881	18	0	572	18	4	1,199	17	1
13	SRI LANKA	211	17	0	130	17	1	278	99	3
14	LAOS	14	20	0	3	13	0	2	23	0
15	AFGHANISTAN	33	0	0	35	0	0	102	2	3
16	LAIN-LAIN WARGANEGARA	325	251	18	338	117	31	1,134	271	53
JUMLAH		**59,790**	**11,954**	**721**	**24,751**	**9,000**	**477**	**32,786**	**10,606**	**797**
JUMLAH KESELURUHAN		**59,790**			**34,228**			**44,189**		

STATISTIK KEMASUKAN TAHANAN MENGIKUT WARGANEGARA DI DEPOT IMIGRESEN MALAYSIA DARI TAHUN 2010 HINGGA 2012

BIL	AGENSI BULAN	2010			2011			2012		
		L	P	KK	L	P	KK	L	P	KK
1	INDONESIA	16,660	8,009	401	6,975	4,217	224	6,255	3,019	295
2	THAILAND	958	742	17	1,146	711	27	1,109	989	38
3	VIETNAM	782	202	1	1,055	411	2	974	851	19
4	MYANMAR	2,379	236	3	2,422	199	6	1,267	198	26
5	BANGLADESH	5,302	26	2	3,304	16	0	918	6	1
6	PAKISTAN	489	0	4	606	10	0	812	14	3
7	P.R CHINA	413	771	0	130	607	0	150	521	2
8	NIGERIA	74	1	0	107	3	0	647	34	2
9	INDIA	1,452	97	2	1,105	96	2	608	58	1
10	KEMBOJA	485	364	40	599	401	77	386	259	96
11	FILIPINA	156	463	17	209	171	5	209	171	6
12	NEPAL	491	7	1	507	15	3	396	8	1
13	SRI LANKA	32	15	0	88	6	0	97	112	0
14	LAOS	10	17	0	6	11	0	2	21	0
15	AFGHANISTAN	29	0	0	23	0	0	65	0	0
16	LAIN-LAIN WARGANEGARA	910	634	19	198	80	14	334	34	10
JUMLAH		**30,622**	**11,584**	**507**	**18,480**	**6,954**	**360**	**14,229**	**6,295**	**500**
JUMLAH KESELURUHAN		**42,713**			**25,794**			**21,024**		

STATISTIK PENGUSIRAN TAHANAN MENGIKUT WARGANEGARA DI DEPOT IMIGRESEN MALAYSIA DARI TAHUN 2010 HINGGA 2012

JABATAN & **AGENSI**

POLIS DIRAJA MALAYSIA

POLIS DIRAJA MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Keselamatan dan kesejahteraan yang dikecapi hari ini adalah terhasil daripada kerjasama semua pihak untuk menjamin negara sentiasa selamat dan aman. PDRM telah diamanahkan untuk memelihara undang-undang dan keselamatan negara demi kesejahteraan masyarakat. Bagi tujuan itu, setiap lapisan warga PDRM telah memainkan peranan yang profesional dan terbaik bagi mencapai sasaran dalam menjayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP) melalui inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah.

Mengimbas kembali tahun 2011, pencapaian besar NKRA Mengurangkan Jenayah ialah penurunan Jenayah Indeks sebanyak 11.1% bagi tempoh Jan-Dis 2011. Demikian juga bagi Jenayah Jalanan dalam tempoh yang sama telah menurun kepada 39.7%. Angka ini telah membuktikan usaha bersungguh-sungguh oleh Pasukan NKRA Mengurangkan Jenayah yang bekerja keras dalam mengekang jenayah dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih selamat untuk semua.

Bagi membuktikan pencapaian ini, Indeks Keamanan Global (Global Peace Index, GPI) telah mengisytiharkan Malaysia sebagai negara yang paling aman di Asia Tenggara dan negara yang ke-4 paling selamat di rantau Asia Pasifik. Rangking GPI, Institut Ekonomi dan Keamanan turut meletakkan Malaysia negara ke-19 paling selamat dan paling aman daripada 153 negara di seluruh dunia.

Pengiktirafan ini turut diberikan oleh Indeks Peraturan Undang-undang 2011 (Rule of Law Index 2011) di bawah Projek Keadilan Dunia (World Justice Project – WJP) telah meletakkan Malaysia sebagai negara paling selamat antara 19 negara berpendapatan sederhana tinggi dan yang ke-12 pada peringkat global.

Dalam Laporan Daya Saing Global 2011 (Global Competitiveness Report – GCR) yang dilaksanakan oleh Forum Ekonomi Sedunia berkaitan dengan Perniagaan Jenayah Dan Keganasan, ranking Malaysia meningkat sebanyak 30 anak tangga dari tempat ke-93 kepada 63.

Bagi tahun 2012, di bawah Program NKRA Mengurangkan Jenayah, PDRM terus berusaha untuk menurunkan kadar jenayah di seluruh negara dengan langkah-langkah yang lebih agresif. Jenayah Indeks seluruh Malaysia mencatat penurunan sebanyak 7.6%. Manakala jenayah Jalanan di seluruh Malaysia menurun 41.3% berbanding tahun 2011.

Sebanyak 352,993 IP telah dibuka pada tahun 2012 dengan jumlah pertuduhan sebanyak 122,357 atau 34.7%. Berbanding pada tahun 2011 sebanyak 370,452 IP dibuka dengan jumlah pertuduhan 86,794 atau 23.4%. Angka ini juga menunjukkan peningkatan kadar pertuduhan sebanyak 11.3%.

Selain itu, ke arah matlamat transformasi PDRM untuk setaraf dengan agensi kepolisan di negara-negara maju, ketetapan telah dibuat untuk melaksanakan projek World Class Policing, iaitu sebahagian daripada inisiatif untuk penjenamaan semula PDRM. Langkah awal telah pun dimulakan dan bandar raya Kuala Lumpur telah dikenal pasti untuk implementasi projek ini, dengan sasaran untuk menjadikan bandaraya Kuala Lumpur tersenarai dalam Global Top 20 bagi bandar yang sesuai untuk didiami menjelang tahun 2020. Ia dapat direalisasikan dengan penyediaan sistem keselamatan dan infrastruktur bertaraf antarabangsa. Namun begitu, ke arah World Class Policing, PDRM menitik beratkan pemantapan modal insan atau sumber manusia melalui peningkatan dari aspek pengetahuan, kemahiran serta kebolehan mereka untuk diterjemahkan pula kepada peningkatan dalam prestasi dan produktiviti organisasi PDRM.

Pada tahun 2012 juga, PDRM telah memperkenalkan maskot "Harimau Biru" sebagai usaha berterusan untuk mendekatkan PDRM kepada pelbagai lapisan masyarakat. Secara simboliknya, maskot ini menjelmakan sifat tegas tetapi dalam masa yang sama ia bersifat mesra rakyat, iaitu sifat yang perlu ada dalam diri setiap warga PDRM dalam menyampaikan perkhidmatannya kepada masyarakat.

2.0 LAPORAN JABATAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK

2.1. Penglibatan Warga Asing Dalam Jenayah Narkotik

Pada tahun 2012, JSJN telah menangkap seramai 2,870 orang warga asing atas pelbagai kesalahan dadah. Jumlah tangkapan ini meningkat sebanyak 147% berbanding tempoh yang sama tahun 2011. Seramai 571 orang daripada tangkapan tersebut telah disiasat di bawah Sek. 39B Akta

Dadah Berbahaya 1952 kerana kesalahan mengedar dadah. Risikan dan siasatan yang dijalankan mendapati penglibatan warga Nigeria, Iran dan Pakistan adalah membimbangkan kerana mereka terlibat dalam aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah dalam kuantiti yang besar. Secara keseluruhan, JSJN telah menangkap seramai 171,649 orang atas pelbagai kesalahan dadah dalam tahun 2012 dengan peningkatan sebanyak 3% berbanding tahun sebelumnya.

2.2 Makmal Dadah Haram

Dalam tempoh kajian, JSJN telah membongkar 19 buah makmal memproses dadah haram yang melibatkan tangkapan seramai 70 orang. Jumlah tangkapan menunjukkan peningkatan sekali ganda berbanding tempoh yang sama tahun 2011, iaitu seramai 34 orang hasil dari pembongkaran 18 buah makmal.

2.3 Rampasan Dadah

Pada Tahun 2012, JSJN telah berjaya merampas pelbagai jenis dadah yang dianggarkan bernilai RM 243.32 juta. Nilai rampasan ini menurun sebanyak 36.15% berbanding rampasan pada tahun 2011 dengan nilai RM 381.09 juta.

2.4 Tindakan Pencegahan

Tindakan pencegahan di bawah ADB (LLPK) 1985 hanya digunakan ke atas individu yang bertindak sebagai dalang dalam aktiviti pengedaran tanpa mengendalikan dadah secara fizikal. Dalam tempoh kajian, JSJN telah menangkap seramai 813 orang di bawah Akta ini berbanding 853 orang tempoh masa yang sama tahun sebelumnya.

3.0 LAPORAN TRAFIK PDRM

3.1 Statistik Kes Kemalangan Jalan Raya

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 462,423 kes kemalangan jalan raya seluruh negara telah dicatat berbanding 449,040 pada tempoh yang sama 2011, iaitu peningkatan sebanyak 13,383 kes. Seperti tahun-tahun sebelumnya Selangor masih merekodkan kemalangan tertinggi, iaitu 129,106 kes diikuti oleh Johor 62,316 kes dan Kuala Lumpur 61,872 kes. Manakala penyumbang terendah kes kemalangan ialah Perlis dengan 1,881 kes.

3.2 Statistik Kematian Kes Kemalangan

Kes kemalangan yang meragut nyawa bagi tahun 2012 ialah 6,381 orang berbanding 6,349 orang pada tahun 2011. Angka ini menunjukkan peningkatan jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya sebanyak 32 orang. Angka kematian tertinggi ialah Selangor dengan 1,053 orang, diikuti oleh Johor sebanyak 985 orang dan Pulau Pinang 693 orang.

3.3 Statistik Kematian Mengikut Pengguna

Perbandingan statistik kes kematian mengikut pengguna untuk tahun 2012, pengguna motosikal mendahului lain-lain jenis pengguna dengan catatan 4,178 kematian, diikuti oleh pengguna motokar 1,435 kematian dan pejalan kaki dengan 530 kematian.

4.0 PERISTIWA DAN AKTIVITI PDRM PADA TAHUN 2012

4.1 International Conference On Principled Policing

International Conference On Principled Policing: Rule Of Law, Public Order And Sustainable Development telah diadakan pada 13 Februari 2012 di Sunway Resort Hotel & Spa, Sunway, Subang Jaya dan dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Objektif utama persidangan ini adalah bagi bertukar-tukar pendapat dan berkongsi ideologi baru daripada pelbagai sudut dalam meningkatkan lagi perkhidmatan pasukan polis. Tetamu yang hadir dalam persidangan ini ialah, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, YDH IG Tan Sri Haji Ismail bin Haji Omar, Ketua Polis Negara, YDH DIG Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, Sir H.E. Kasit Piromya, Mantan Menteri Luar Thailand, Y.Bhg Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah, bekas Ketua Hakim Negara, Mr. Micheal Salkeld, Setiausaha Pertama Pertahanan dan Keselamatan Organisasi *UK Trade & Investment British High Commission,* Sir Prof. Charles Sampford, *Director IEGL, The Institute For Ethics, Governance And Law* dan Sir Mr Ken Kohl, *US Department of Justic, Embassy of USA.*

4.2 Seminar Perundangan 'Akta Perhimpunan Aman 2012'

Seminar Perundangan 'Akta Perhimpunan Aman 2012' telah berlangsung di Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur, Cheras, pada 27 Februari 2012 anjuran Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisan) Sesi 2011/2012. Seminar yang

bertajuk "Akta Perhimpunan Aman 2012" diadakan bertujuan meningkatkan kefahaman berhubung tugas-tugas kepolisan terhadap akta-akta yang baru diluluskan demi menjamin hak semua warganegara Malaysia untuk berhimpun secara aman. Panel seminar ini ialah YDH Dato' Razali bin Basri, Ketua Penolong Pengarah JSJ D5 (Pendakwaan Undang-Undang) dengan tajuk "Tranformasi Penugasan Polis Menghadapi Hak Rakyat Untuk Berhimpun" dan YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rani bin Kamarudin, Direktor Unit Legal, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bertajuk "Implementasi Akta Perhimpunan Aman 2012".

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rani bin Kamarudin, Direktor Legal Unit, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

4.3 'High Profile Policing'

YDH CP Datuk Mortadza bin Nazarene, Pengarah Pengurusan PDRM telah mengadakan program *High Profile Policing* yang merangkumi *Walkabout* dan *Meet and Greet* di sekitar kawasan terpilih di Kuala Lumpur dan Selangor. Program tersebut bermula pada 20 Mac hingga 22 Mac 2012 di beberapa lokasi terpilih seperti di Pavilion, Masjid India dan Wangsa Walk bagi kawasan Kuala Lumpur dan The Curve, Selangor.

Pada 22 Mac 2012, program *"High Profile Policing"* Pengarah Jabatan Logistik PDRM, YDH Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah telah dilangsungkan di sekitar premis perniagaan Bandar Puteri 1, Puchong Selangor. Program ini turut dihadiri oleh YDH Dato' Haji Tun Hisan bin Dato Haji Tun Hamzah, Ketua Polis Selangor, Ketua Polis Daerah Serdang Supt Abd Razak bin Elias, Timbalan-Timbalan Pengarah Jabatan Logistik, Pegawai-pegawai Kanan Polis dan beberapa individu jemputan dari Kelab Community Policing IPD Serdang.

Manakala pada 23 Mac 2012, program *Walkabout High Profile Policing* telah diadakan di Kompleks Berjaya Times Square, Bukit Bintang, Kuala Lumpur oleh YDH Tan Sri Haji Ismail Bin Haji Omar, Ketua Polis Negara. Beliau telah meluangkan masa berjumpa dengan orang ramai dan pengunjung pusat membeli belah tersebut.

YDH CP Datuk Mortadza bin Nazarene, Pengarah Pengurusan PDRM telah mengadakan program *High Profile Policing*

4.4 Sambutan Hari Polis Ke-205

Sambutan Hari Polis Ke-205 telah diadakan di Dataran Merdeka pada 24 Mac 2012 yang berorientasikan motto 'Komuniti Sejahtera Komitmen Kami', di mana PDRM mengorak satu lagi langkah dalam mengimplementasikan kualiti dan profesionalisme sebagai satu badan penguat kuasa undang-undang yang terus relevan kepada masyarakat dan negara. Turut hadir, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Wira Abu Seman bin Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, YBhg. Jeneral Datuk Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin, Panglima Tentera Darat, YDH DIG Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, Pengarah-pengarah PDRM, Timbalan-timbalan Pengarah PDRM, Pegawai-pegawai Kanan PDRM serta jemputan khas.

Pada 27 Mac 2012 bertempat di Hotel Palace of the Golden Horses, Majlis Santapan Diraja Sempena Peringatan Hari Polis Ke-205, Tahun 2012 Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al Mu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah serta Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah diadakan. Keberangkatan Seri Paduka Baginda Tuanku berdua, membawa erti yang amat besar kepada seluruh warga PDRM. Ini jelas bahawa Seri Paduka Baginda Tuanku berdua, adalah raja berjiwa rakyat, yang amat prihatin dan begitu mengambil berat terhadap seluruh rakyat jelata, khususnya sekalian warga PDRM.

YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri diperkenalkan dengan Maskot "Harimau Biru" oleh YDH Tan Sri Haji Ismail Bin Haji Omar, Ketua Polis Negara

4.5 Anugerah Emas MCPF

Hasil daripada Program Lawatan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) ke atas 131 buah Balai Polis di seluruh negara, enam balai polis telah terpilih untuk menerima Anugerah Emas MCPF. Pasukan Pelawat Peringkat Kebangsaan MCPF diketuai oleh YBhg. Datuk Kamaruddin Md Ali dan dibantu oleh YBhg. Tan Sri Robert Pahang. Enam buah balai yang menerima anugerah Emas MCPF ialah Balai Polis Johor Jaya, Balai Polis Sea Park, Balai Polis Panching, Balai Polis Sungai Bakap, Balai Polis Tambunan dan Balai Polis Sentral Sibu. Penyampaian anugerah ini telah berlangsung pada 31 Mac 2012 semasa Mesyuarat Agong Tahunan Ke-19 MCPF 2012 di Maktab PDRM Cheras yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir, YDH Tan Sri Hj Ismail bin Hj Omar, Ketua Polis Negara, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, Naib Pengerusi MCPF, dan jemputan khas.

Bergambar kenangan bersama YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia

4.6 Perasmian Bangunan Menara 1 Bukit Aman

Pada tanggal 12 April 2012, PDRM sekali lagi mencatat sejarah apabila Bangunan Menara 1 Bukit Aman telah disempurnakan perasmiannya oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang merupakan mercu tanda baharu di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Pemesatan pembangunan terus dipacu kerajaan daripada bangunan kayu Bluff Road Hill Police Station, kemudiannya beralih ke bangunan empat tingkat yang kini dikenali sebagai Kompleks Tiga seterusnya ditambah dengan bangunan baru Menara Dua yang pada suatu masa dahulu merupakan mercu tanda struktur tertinggi di Kuala Lumpur dan kini, Menara 1 Bukit Aman. Turut hadir menyerikan majlis tersebut ialah YABhg. Datin Sri Rosmah binti Mansor, isteri YAB Perdana Menteri Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia, YB Datuk Wira Abu Seman bin Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, YDH Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, YDH CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah, Pengarah Jabatan Logistik, Pengarah-pengarah PDRM, Timbalan-timbalan Pengarah, Ketua-ketua dan Pesuruhjaya Polis, Pegawai-pegawai Kanan PDRM serta wakil-wakil media.

Sempena Majlis Perasmian Menara 1 Bukit Aman, isteri Perdana Menteri, YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah binti Mansor berkesempatan melawat dan merasmikan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) Bukit Aman. Perasmian TASKA ini merupakan satu lagi detik sejarah penjajaran PDRM dalam mengimbangi kehidupan kerjaya-keluarga *(work-life balance)* selaras dengan dasar kerajaan mengurangkan beban ibu bapa menghantar anak-anak jauh dari tempat kerja.

Upacara memotong reben perasmian oleh YAB Perdana Menteri Malaysia

4.7 Kembara PDRM 2012

Program Kembara PDRM 2012 yang julung kali diadakan ini telah dilancarkan oleh YDH Tan Sri Haji Ismail bin Haji Omar, Ketua Polis Negara di PULAPOL Kuala Lumpur pada 20 April 2012. Seramai 659 orang pegawai dan anggota PDRM mengambil bahagian dalam aktiviti kembara yang telah dirancang di setiap persinggahan. Program ini membabitkan Konvoi Kenderaan Pacuan EmpatRoda (4X4), Konvoi Motosikal Polis Berkuasa Tinggi, Konvoi Berbasikal dan Konvoi Perairan Pasukan Polis Marin yang melibatkan beberapa laluan di semenanjung Malaysia.

YDH Ketua Polis Negara melepaskan konvoi Pacuan Empat Roda (4X4) yang diketuai oleh YDH Datuk Seri Mohd Bakri Bin Mohd Zinin.

4.8 The Malaysia Book Of Records

Pada 17 Jun 2012 bertempat di Dataran Kawad, PULAPOL Kuala Lumpur, Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia telah menjayakan Ops Gigi Mega 1 Malaysia. Kejayaan mengumpul 7,424 orang peserta yang terdiri daripada warga PDRM dan agensi-agensi seperti ATM, RELA dan JPAM, penuntut-penuntut Kolej Multi Media, pelajar-pelajar sekolah di sekitar PULAPOL Kuala Lumpur dan juga penduduk-penduduk kawasan Parlimen Setiawangsa, telah merealisasikan program ini untuk dicatatkan di dalam *The Malaysia Book Of Records.* Program seperti ini pernah diadakan pada tahun 2005 melibatkan seramai 845 orang kanak-kanak pra sekolah dan sekolah rendah di mana ia telah mencatatkan rekod dalam *The Malaysia Book Of Records.* Rekod tersebut telah diatasi oleh Program memberus gigi beramai-ramai yang telah diadakan oleh Jalan-Jalan Publications di Port-Dickson, melibatkan penyertaan seramai 1,163 orang pada 2 Disember 2011.

4.9 Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif PDRM Tahun 2012

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif PDRM 2012 merupakan salah satu inisiatif PDRM untuk mengutarakan pelbagai idea baru berteraskan ciri-ciri inovatif dan kreatif serta menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambahan dalam perkhidmatan di samping melahirkan warga PDRM yang menjadi peneraju (trend setter) dalam melaksanakan pengurusan kepolisan seharian. Polis Diraja Malaysia telah mengeluarkan 'Pelan Pengurusan Inovasi PDRM Bagi tahun 2012-2015' yang telah diumumkan oleh YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara sempena Sambutan Hari Inovasi Polis Diraja Malaysia 2012 di Cindai Ballroom, Ri-Yaz Heritage Resorts & SPA, Pulau Duyong, Kuala Terengganu pada 25 Jun 2012. Beliau turut menyampaikan hadiah kemenangan Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif PDRM 2012.

KATEGORI	TEMPAT PERTAMA	TEMPAT KEDUA	TEMPAT KETIGA
Teknikal	Kumpulan F Transform – IPD Petaling Jaya, Selangor	Kumpulan U-7 – Unit 7 PSP Seremban	Kumpulan T-Ganu Team – IPK Terengganu
Pengurusan	Kumpulan Roda – IPD Ipoh	Kumpulan Target – Bridged Utara PGA Ulu Kinta	Kumpulan Smart Cops – IPD Subang Jaya

Jadual 1: Keputusan pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) pdrm 2012

Ketika di majlis perasmian

4.10 PDRM Tumpas *Soccer Gaming* 2012 Melalui Op Soga

Pada 4 Julai 2012, Jabatan Siasatan Jenayah telah melancarkan satu operasi pembanterasan dan pencegahan bersepadu (OP SOGA) yang bermula dari 1 Mei 2012 hingga 2 Julai 2012. Operasi ini melibatkan peringkat Bukit Aman, peringkat Kontinjen dan peringkat Daerah untuk membanteras segala kegiatan pertaruhan kejohanan EURO 2012. OP SOGA ini telah dilancarkan 2 bulan sebelum kejohanan EURO 2012 bermula. Di samping itu, terdapat juga beberapa acara bola sepak lain yang mendapat perhatian sindiket bookie bola haram dalam tempoh Mei 2012 hingga Julai 2012 ini. Kerjasama dan hubungan yang baik antara pihak berkuasa antarabangsa seperti China, Hong Kong, Macau, Singapore, Thailand dan Vietnam membolehkan PDRM mendapatkan maklumat disusuli dengan tindakan pencegahan.

4.11 BLT sebagai Penanda Aras Khidmat Kami

"Penganugerahan Balai *League Table* (BLT) yang dianjurkan oleh PDRM bermatlamat memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai polis dan pegawai awam di balai yang mencapai prestasi tertinggi serta menghargai khidmat bakti mereka yang telah bertungkus lumus dalam mengurangkan kadar jenayah di kawasan pentadbiran masing-masing," ujar Tan Sri Haji Ismail bin Haji Omar, Ketua Polis Negara dalam ucapannya sempena Majlis Penganugerahan Balai League Table Siri 1 / 2012 di Balai Polis Puchong, pada 11 Julai 2013. Balai Polis Kinarut, Papar, Sabah, mendahului senarai johan BLT bagi kategori E, Balai Polis Belaga, Sarawak bagi kategori D, Balai Polis Semenyih, Kajang, Selangor bagi kategori C, Balai Polis Chabang Tiga, Kuala Terengganu bagi kategori B dan Balai Polis Puchong, Serdang, Selangor bagi kategori A.

Antara pemenang Anugerah Balai *League Table* Siri 2 dan 3/2012

Pada 20 Disember 2012, bertempat di Balai Polis USJ, Subang Jaya, Selangor, YDH Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail bin Haji Omar, Ketua Polis Negara telah menyampaikan anugerah kepada pemenang-pemenang sempena Majlis Penganugerahan Balai League Table Siri 2 Dan 3/2012. Turut hadir di majlis tersebut adalah YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, YBrs. Encik Eugene Teh, Pengarah NKRA Mengurangkan Jenayah, Jabatan Perdana Menteri, YDH Pengarah-pengarah PDRM, YDH Ketua-ketua Polis Negeri, Pesuruhjaya Polis, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Dalam Negeri, Pegawai-pegawai Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) serta Pegawai-pegawai Kanan dan anggota PDRM.

4.12 *Community Policing* - Polis Wanita Turun Padang

Pada 19 Julai 2012, buat julung kalinya polis wanita PDRM menyertai program *Community Policing* melalui program *Policing for Women by Women* bagi mendekati komuniti wanita khususnya untuk memberi fokus kepada permasalahan wanita dan kanak-kanak sejajar dengan kehendak PDRM ke arah "Komuniti Sejahtera Komitmen Kami". Program ini dijalankan sebagai langkah pencegahan jenayah awal bermula dari peringkat persekolahan lagi. Program Community Policing di SMK (P) Batu 3 Jalan Ipoh, Sentul ini disempurnakan oleh YDH DCP Dato' Zubaidah binti Md Ismail, Timbalan Pengarah I Jabatan Logistik dan disambut baik oleh YBhg. Puan Mazirah binti Muhammad, Pengetua SMK (P) Batu 3, barisan guru-guru dan pelajar-pelajar terutama sekali Kadet Polis SMK (P) Batu 3.

YDH DCP Dato' Zubaidah binti Md Ismail, Timbalan Pengarah I Jabatan Logistik menandatangani buku lawatan disaksikan oleh Pengetua Sekolah SMK (P) Batu 3

4.13 PDRM Peroleh 3 Bintang Amalan 5S

Polis Diraja Malaysia menerima Anugerah 3 Bintang semasa Konvensyen *Quality Environment* (QE) yang telah berlangsung di Renaissance Hotel Melaka pada 17 dan 18 Julai 2012. Konvensyen *Quality Environment* (QE) ini dianjurkan oleh Malaysia *Productivity Council* (MPC). PDRM diwakili oleh Pasukan QE Bahagian Bantuan Teknik (D6), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman yang diketuai oleh YDH Ketua Penolong Pengarah D6, ACP Dev Kumar A/L M.M.Sree. Pasukan ini seterusnya mewakili PDRM dalam Konvensyen *Quality Environment* (QE) Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada Oktober 2012.

4.14 PDRM Peroleh Anugerah Emas Dalam Konvensyen ICC

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menganjurkan *Innovative And Creative Circle Convention* (ICC) Peringkat Wilayah Selatan tahun 2012 di Hotel Renaissance, Melaka mulai 17 hingga 18 Julai 2012. Konvensyen ini diadakan bertujuan menggalakkan pemesatan aktiviti ICC di seluruh negara, memberi pendedahan kepada peserta mengenai aspek produktiviti dan kualiti dalam ICC, menimba pengetahuan dari organisasi yang berpengetahuan dalam melaksanakan aktiviti ICC dan memilih kumpulan KIK yang terbaik untuk menyertai Konvensyen ICC Peringkat Kebangsaan.

Antara Wakil PDRM menerima Anugerah

4.15 21 Das Tembakan Meriam Iringi Sambutan Hari Pahlawan 2012

Istiadat sambutan Hari Pahlawan Tahun 2012 telah diadakan pada 31 Julai 2013 di Dataran Merdeka dengan menyaksikan keberangkatan tiba DYMM Sultan Muhammad (V), ketibaan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan YBhg. Jen. Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd. Zin, Panglima Angkatan Tentera yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Istiadat Sambutan Hari Pahlawan 2012. Istiadat dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan 'Negaraku' dan diiringi dengan 21 das tembakan Meriam Istiadat diikuti dengan pemeriksaan Barisan Kawalan Kehormatan Utama oleh DYMM Sultan Muhammad (V). Turut hadir, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Pertahanan, YDH Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail bin Haji Omar, Ketua Polis Negara serta jemputan-jemputan khas.

Keberangkatan tiba DYMM Sultan Muhammad (V)

Barisan Kawalan Kehormatan Utama

4.16 Rampasan Dadah Terbesar Pada 2012

Usaha berterusan PDRM dan bantuan maklumat orang ramai dalam mengekang kegiatan pengedaran dadah oleh warga asing daripada terus berleluasa di negara ini telah membuahkan kejayaan dengan tertangkapnya 21 individu bersama jumlah rampasan 122.68kg serbuk dadah, 65.07 liter cecair syabu, 630g heroin serta 1,600 biji pil yang mengandungi pseudoephederine di sekitar Lembah Klang dalam operasi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman yang dijalankan pada 9 Ogos 2012. Ahli-ahli sindiket ini tersiri daripada 14 lelaki dan seorang wanita warga Iran, seorang lelaki dan 2 wanita warga Uzbekistan, 2 wanita warga Filipina serta seorang lelaki berbangsa Cina tempatan dengan menjadikan kondo-kondo mewah yang disewa sebagai pusat kegiatan dadah mereka.

4.17 Misi Pengaman PBB Darfur, Sudan (UNAMID)

PDRM merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri (KDN), yang sehingga kini masih memberikan kepercayaan kepada PDRM dan merestui penghantaran kumpulan seramai 23 pegawai dan anggota ke *United Nations African Union Mission in Darfur* (UNAMID) di Sudan bagi menggantikan pasukan yang telah kembali pada 16 Disember 2011. Misi Pengaman PBB Darfur, Sudan ini diketuai oleh DSP Shaharuddin bin Abdullah, selaku Ketua Kumpulan G 25.

4.18 Admin Portal Rasmi PDRM Terima Penghargaan Daripada KDN

Setimpal dengan pengiktirafan Prestasi 5 Bintang oleh *Multimedia Development Corporation* (MDeC) ini, individu-individu yang memainkan peranan penting dalam mencapai prestasi ini telah diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Pasukan Portal Dan Laman Web Kementerian Dalam Negeri di Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya, pada 7 November 2012 dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi menyampaikan Sijil Penghargaan kepada wakil Admin Portal Rasmi PDRM

4.19 Sambutan Hari Inovasi Kementerian Dalam Negeri Tahun 2012

Sambutan Hari Inovasi Kementerian Dalam Negeri Tahun 2012 yang menjulang tema "Inovasi Pemacu Transformasi KDN" telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Abu Seman bin Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri di Auditorium Kompleks D, Putrajaya pada 12 Disember 2012. Polis Diraja Malaysia telah merangkul Johan di Pertandingan Pameran Inovasi. YDH Dato' Sri Salleh bin Mat Rasid, Pengarah Jabatan KDN/KA telah mewakili PDRM untuk menerima anugerah tersebut.

4.20 Unit Rondaan Bermotosikal PDRM: PDRM Perhebat Usaha Perangi Jenayah

Sempena Majlis Pelancaran Unit Rondaan Bermotosikal PDRM di Padang Awam BK 5, Bandar Kinrara, Puchong, Selangor, pada 19 Disember 2012, sebanyak 560 unit motosikal telah diserahkan kepada Unit Rondaan Bermotosikal. Ia akan digunakan secara *'buddy system'*, iaitu dua buah motosikal akan membuat rondaan selama 24 jam di kawasan perumahan dalam tiga syif. Jumlah ini merupakan sebahagian daripada seribu unit yang akan diagihkan di kawasan-kawasan perumahan di enam negeri di bawah NKRA Fasa Dua. Motosikal ini akan dilengkapi dengan sistem lampu serta siren dan rondaan unit ini akan meliputi kawasan-kawasan sibuk seperti kawasan perniagaan, perindustrian, taman rekreasi dan sekolah. Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, Pengarah-pengarah PDRM, Pegawai-pegawai Kanan PDRM serta wakil-wakil media .

Gimik Pelancaran Motosikal dimulakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia

Antara Motosikal Model Kawasaki Ninja 250 (STD)X yang akan digunakan oleh Unit Rondaan Bermotosikal PDRM

JABATAN
PENJARA MALAYSIA

JABATAN PENJARA MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Jabatan Penjara adalah berbeza dari institusi atau organisasi yang ada dalam masyarakat moden. Perbezaan bukan sekadar dari penampilan fizikal, malahan ianya merupakan satu tempat di mana satu kumpulan pekerja yang terlatih berkhidmat untuk mengurus dan menjaga satu kumpulan manusia yang bergelar "banduan/tahanan/juvana". Kumpulan kedua ini tidak datang secara rela, malah mereka dipaksa masuk dan dihalang dari meninggalkan kawasan penjara oleh pengawal, tembok dan pagar. Dalam erti kata lain, pihak pengurusan Jabatan Penjara tidak boleh memilih pelanggan dan tidak mempunyai kuasa untuk membebaskan mereka. Banduan/ tahanan/penghuni harus hidup mengikut peraturan yang ditetapkan dan pergerakan mereka adalah amat terkawal. Dalam konsep kepenjaraan masa kini, penjara merupakan tempat di mana banduan akan ditahan, dikawal dan menjalani pelbaga aktiviti pemulihan sehinggalah tarikh mereka dibebaskan. Masyarakat harus menyedari bahawa falsafah kepenjaraan itu merupakan satu ukuran ketamadunan bagi kehidupan sesebuah masyarakat sesebuah negara. Jabatan Penjara Malaysia adalah institusi terakhir dalam perlaksanaan *"Criminal Justice System"*, dan bertanggungjawab kepada Kementerian Dalam Negeri. Jabatan Penjara Malaysia berkhidmat kepada masyarakat dengan menahan mereka yang dihukum oleh mahkamah. Tugas Jabatan Penjara ialah mengawal mereka dengan penuh perasaan perikemanusiaan dan membantu mereka menjalani kehidupan yang berfaedah serta mematuhi undang-undang semasa dalam tahanan dan selepas dibebaskan.

2.0 KEJAYAAN PROGRAM PERKHIDMATAN LUAR BERSAMA KOMUNITI

Sebagaimana kita sedia maklum, Jabatan Penjara Malaysia juga telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kolaberasi bersama Kementerian, Jabatan serta bersama masyarakat

i. Program Pemulihan Pemasyarakatan

Antaranya *Blue Ocean Strategy* di antara Jabatan Penjara Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam Program Pemulihan Pemasyarakatan bukan sahaja telah membantu pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Negara(NKRA) mengurangkan jenayah, tetapi pada waktu yang sama membolehkan kerajaan menjimatkan kos sekitar RM200 juta untuk membina kompleks penjara baru.

TAHUN	JALANI	JALANI PAROL	TELAH BEBAS
2012	1,725	338	1,188
2011	1,831	129	723
JUMLAH	**3,556**	**467**	**1,911**

Sejak pelaksanaan mulai Mac 2011 hingga sekarang seramai 3,556 Orang DiSelia (ODS) telah mengikuti program ini. Daripada jumlah tersebut seramai 1,911 ODS telah bebas, dan setakat ini tiada seorang bekas Orang DiSelia kembali melakukan jenayah dan masuk semula ke penjara. Dengan kerjasama pihak NGOs, 90% telah mendapatkan pekerjaan.

ii. Perkhidmatan Rumah Perantaraan

Sejak pelaksanan mulai Mei 2010 hingga sekarang seramai 387 residen (Bekas Banduan) dan 135 Orang DiParol (ODP) telah mendapatkan perkhidmatan (RP) ini. Mulai tahun 2012 fungsi Rumah Perantaraan telah diperluaskan untuk menempatkan Orang Di Parol berbanding sebelum ini hanya menempatkan bekas banduan sahaja.

Daripada jumlah tersebut tiada seorang pun yang kembali melakukan jenayah dan masuk semula ke penjara. Dengan kerjasama pihak NGOs sebanyak 90% residen telah mendapatkan pekerjaan.

ECONOMY TRANSFORMATION PROGRAM (ETP)

1. Pelaksanaan hukuman di luar tembok penjara mengikut program seperti berikut :

TAHUN	PAROL	PKW	JUMLAH
2008	199	-	199
2009	722	-	722
2010	1,029	120	1,149
2011	1,482	405	1,887
2012	1,417	361	1,778
JUMLAH	**4,849**	**886**	**5,735**



Bilangan Penghuni Terlibat Sepanjang Tempoh Pelaksanaan Hukuman Diluar Tembok

2. Pelaksanaan hukuman di luar tembok penjara dilihat membawa kepada penjimatan wang kerajaan di mana kita dapat menjimatkan:

PROGRAM	JUMLAH TERLIBAT	RESIDIVIS %	PENJIMATAN SEHARI
SISTEM PAROL	4,849	0.8%	RM 169,715.00
PERINTAH KEHADIRAN WAJIB	886	0 %	RM 31,010.00
JUMLAH	**5,735**	**0.8%**	**RM 200,725.00**

3. Latihan vokasional dan industri
Statistik dan unjuran penghuni yang dipersijilkan dari tahun 2009 hingga 2013

2009	2010	2011	2012	2013
400 orang	618 orang	1,558 orang	3,750 orang	4,000 orang

Pendapatan hasil daripada produk-produk yang dihasilkan oleh banduan melalui kerja-kerja kemahiran di penjara pada tahun 2012 melepasi sasaran jualan RM17 juta dan hasil ini sebahagian akan di masukkan ke dalam akaun amanah kerajaan.

PENDAPATAN	TAHUN (RM)
2012	17,007,354.97
2011	12,671,579.73
2010	8,106,136.18
2009	7,541,363.55
2008	6,406,663.78

Blue Ocean Strategy antara Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia telah berjaya mendapat pengiktirafan *'Malaysia Books Of Record'* (MBOR) dalam perkara pendaftaran paling ramai oleh agensi dalam pelaksanaan program SLDN dan Jabatan Penjara Malaysia merupakan agensi yang pertama menjalankan persijilan SKM-SLDN kepada banduan. Bagi sesi pertama, seramai 3,657 penghuni telah berdaftar menerusi program persijilan ini yang melibatkan 30 buah penjara seluruh Malaysia.

Program Persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dimana ianya merupakan latihan berorientasikan industri. Ini bermaksud setiap penghuni yang bekerja dibengkel–bengkel akan dipersijilkan mengikut bidang masing–masing berdasarkan konsep Latihan Berasaskan Pengeluaran Produk atau Perkhidmatan *Training Cum Production* (TCP).

40 bidang kemahiran yang menepati Piawaian Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan itu boleh diikuti oleh penghuni penjara kecuali banduan yang menjalani hukuman mati mandatori. Usaha ini meningkatkan keupayaan banduan agar mereka lebih berilmu dan berkemahiran, memudahkan kembali ke alam pekerjaan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing.

AGENSI
ANTIDADAH KEBANGSAAN

AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

1.0 PENGENALAN

Bagi memenuhi aspirasi Gagasan 1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah melaksanakan transformasi berasaskan kepada pendekatan-pendekatan berikut :-

- Memberi perkhidmatan kepada seluruh masyarakat yang mempunyai permasalahan dadah;
- Menganggap penagih / pengguna / penyalahguna dadah sebagai pesakit; bukan penjenayah;
- Memberi pilihan kepada penagih / pengguna / penyalahguna dadah untuk datang secara sukarela tanpa perundangan *(decriminated patient*);
  Menyediakan perkhidmatan dan rawatanm pemulihan berasaskan konsep terbuka *(open access)*
- Memperkenalkan konsep klinikal dalam perkhidmatan rawatan;
- Memberi tumpuan kepada rawatan dan perubatan ke atas kes-kes penagihan berulang dan kronik;
- Mendekati pelanggan dengan mengadakan program pendampingan; dan
- Menyediakan tenaga kerja bagi menggantikan buruh asing.

2.0 LAPORAN

Berlandaskan transformasi yang dilaksanakan, tahun 2012 memperlihatkan kejayaan demi kejayaan AADK dalam perlaksanaan program dalam rawatan dan pemulihan serta pencegahan dadah. Bermula dengan penambahan 2 buah Klinik Cure & Care 1Malaysia iaitu di Bachok, Kelantan dan Karangan Kedah, ia telah menjadikan jumlah klinik tersebut menjadi 10 buah di seluruh negara. Dengan pertambahan 2 buah klinik tersebut, AADK telah mencatat pertambahan kehadiran klien pada 2012 iaitu sebanyak 12,737 orang.

Apa yang lebih membanggakan, kajian keberkesanan program yang dijalankan oleh Universiti Malaya dan Universiti Yale di Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi dan Kota Bharu tahun 2012 menunjukkan bahawa hampir 95% klien di premis masing-masing di telah berjaya mengurangkan ketagihan terhadap dadah. Malah melalui kajian yang sama, sebanyak 78.3% responden turut menyatakan bahawa rawatan di Klinik Cure & Care 1Malaysia membantu keluarga/ rakan yang mempunyai masalah dadah.

Statistik Kemasukan Klien

KLINIK C&C	KLIEN		RUJUKAN & ADVOKASI	JUMLAH
	INPATIENT	OUTPATIENT		
SG. BESI	1,329	608	778	2,715
KOTA BHARU	289	640	908	1,837
BUKIT MERTAJAM	744	122	631	1,497
TAMPOI	892	759	145	1,796
KUCHING	93	284	94	471
PAPAR	235	250	29	498
TAMPIN	556	533	824	1,913
JERANTUT	480	600	190	1,270
KARANGAN	393	45	268	706
BACHOK	32	13	2	47
TERKUMPUL 2012 (10 KLINIK)	5,043	3,854	3,869	12,766
TERKUMPUL 2011 (8 KLINIK)	3,028	2,259	4,080	9,367
TERKUMPUL 2010 (6 KLINIK)	666	772	117	1,555
TERKUMPUL 2010-2012	8,737	6,885	8,066	23,688

AADK turut melakar sejarah baru dalam rawatan dan pemulihan dadah dengan memperkenalkan kaedah rawatan Hipnoterapi di Klinik Cure & Care 1Malaysia. Bertujuan memperluaskan pilihan klien untuk pelan rawatan yang memenuhi keperluan kepulihan, Hipnoterapi ini dilihat menjadi alat untuk membantu individu yang mengalami tekanan fizikal dan psikologi akibat penagihan dadah.

Sepanjang 28 tahun yang lalu, AADK telah melaksanakan program rawatan dan pemulihan di dalam institusi yang berkonsepkan program *regimented, tough and rugged,* kurang humanistik, tidak memenuhi keperluan klien dan menganggap penagih dadah sebagai penjenayah. Namun demikian, kaedah tersebut didapati tidak lagi sesuai

digunakan dan AADK telah membuat anjakan berganda dalam melaksanakan transformasi di *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) agar seiring dengan perubahan profil klien, jenis dadah yang digunakan dan harapan *stakeholder* serta masyarakat bagi memastikan peranan CCRC terus relevan dan berkesan. Justeru, CCRC atau dulunya dikenali sebagai PUSPEN (Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik) turut mengalami transformasi program ke atas penghuninya dengan memperkenalkan modul yang berkonsepkan F*un, Effective and Easy To Implement.*

Sesi Hipnoterapi Bersama Klien Klinik Cure & Care 1Malaysia

Sepanjang tahun 2012, 6 buah CCRC telah melaksanakan modul CCRC Penyingkatan Tempoh berbanding 4 buah pada tahun 2011. Untuk rekod, seramai 500 orang klien telah dibebaskan setelah menjalani penilaian prestasi kepulihan klien. Dari jumlah itu, 78.9% telah berjaya memperolehi dan mengekalkan pekerjaan dari tempoh Mac hingga Disember 2012.

Selain Pemulihan Dalam Institusi, Pemulihan Dalam Komuniti yang merangkumi *Cure and Care Service Centre* (CCSC), *Caring Community House* (CCH) dan juga AADK Daerah turut menunjukkan kejayaan. Sebanyak 43 buah CCSC telah beroperasi pada tahun 2012 dan telah memberikan perkhidmatan secara terus kepada 4,994 residen dan 172,861 klien harian. Manakala 62 buah CCH telah beroperasi di seluruh negara sehingga Disember 2012 dengan jumlah klien seramai 106,713 orang.

Fungsi AADK bukan hanya tertumpu kepada rawatan dan pemulihan sahaja, malah pihak agensi turut melaksanakan pengesanan dan pengawasan terhadap penagih yang enggan mengikuti rawatan dan pemulihan dadah. Sepanjang tahun 2012, AADK telah menjalankan operasi bersepadu bersama beberapa agensi dan jabatan bagi mengesan penagih dadah yang melanggar syarat dan penagih yang enggan datang secara sukarela bagi mendapatkan rawatan. Antara agensi dan jabatan yang terlibat adalah seperti berikut :-

i. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- 588 operasi

ii. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- 176 operasi

iii. Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)
- 157 operasi

Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 4522 kertas siasatan terhadap orang kena pengawasan (OKP) yang melanggar syarat pengawasan telah dibuka. Selain itu, AADK juga berjaya menyelesaikan sebanyak 1814 aduan awam yang diterima berkaitan masalah dadah bagi seluruh negara.

AADK turut memperkasakan Sukarelawan Antidadah 1Malaysia atau lebih dikenali dengan nama SKUAD 1Malaysia. Program SKUAD 1Malaysia ini telah digerakkan di seluruh negara setelah dilancarkan oleh YB Menteri Dalam Negeri pada Julai 2011. Ahli-ahli SKUAD 1Malaysia merupakan aset penting dalam menyampaikan maklumat terus kepada masyarakat mengenai kesan dan bahaya dadah kepada kesihatan. Ini adalah bertepatan dengan tema yang ditetapkan oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) bagi sambutan Hari Antidadah Antarabangsa 2012 iaitu "*Healthy Community Without Drugs"*. Untuk rekod, sehingga kini keahlian SKUAD 1Malaysia adalah seramai 255,256 orang.

NEGERI	JUMLAH KEAHLIAN SKUAD 1MALAYSIA
PERLIS	11,064
KEDAH	23,225
PULAU PINANG	10,904
PERAK	22,925
KELANTAN	22,536
TERENGGANU	24,077
PAHANG	25,264
SELANGOR	14,993
WILAYAH PERSEKUTUAN	13,645
NEGERI SEMBILAN	6,611
MELAKA	7,329
JOHOR	41,923
SABAH	8,401
SARAWAK	22,359
JUMLAH KESELURUHAN	**255,256**

Sepanjang tahun 2012, AADK telah melaksanakan banyak program yang melibatkan ahli SKUAD 1Malaysia seperti Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan dan Hari Antidadah Antarabangsa serta Perhimpunan 1M4U di Esplanade KLCC. Di samping itu bagi memantapkan lagi SKUAD 1Malaysia, ahli sukarelawan berkenaan turut diberikan pendedahan berkenaan rawatan dan pemulihan dadah di samping program pencegahan dadah. Malah pada tahun 2012, seramai 3 orang ahli yang terpilih mewakili negara ke Osaka Jepun bagi menghadiri Kongres Remaja dan Belia Asian

Tahun 2012 boleh disifatkan sebagai tahun penghargaan terhadap AADK. Ini kerana melalui transformasi yang digerakkan oleh pihak agensi, pelbagai pihak dari dalam mahupun luar negara mengiktiraf pendekatan yang dilaksanakan AADK samada melalui program rawatan dan pemulihan dadah ataupun sukarelawan antidadah SKUAD 1Malaysia. *Deligasi United Nation on Drugs and Crime* (UNODC) misalnya, telah mencadangkan agar negara anggota *Asean Senior Official On Drug Matters* (ASOD) ke-33 turut mempraktikkan pendekatan yang telah dilaksanakan oleh AADK melalui Klinik Cure & Care 1Malaysia kerana ia dilihat memenuhi hak asasi manusia. Bukan itu sahaja, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Seri Dr. Ali Hamsa ketika lawatan beliau turut menyatakan bahawa AADK telah bergerak di landasan yang betul dan seiring Program Transformasi Kerajaan yang berkonsepkan Gagasan 1Malaysia : "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Hasil kejayaan yang dikecapi, Klinik Cure & Care 1Malaysia telah menjadi tumpuan delegasi samada dalam negara mahupun antarabangsa untuk berkongsi maklumat mengenai transformasi rawatan dan pemulihan secara sukarela. Untuk rekod tahun 2012 mencatat sebanyak 8 lawatan daripada luar negara ke Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi.

LAWATAN DARI LUAR KE KLINIK CURE & CARE 1MALAYSIA SUNGAI BESI, K.L

BIL	2012	
1	Lawatan daripada pelajar PhD University of British Columbia, Vancouver, Kanada anjuran Majlis AIDS Malaysia	Canada
2	Lawatan Daripada *Ministry of Labor, Invalids and Social Affairs* (MOLISA), Vietnam	Vietnam
3	Lawatan dan kunjungan deligasi antarabangsa iaitu daripada *Department of Prison, Ministry of Rehabilitation & Prison Reforms dan National STD/ Aids Control Programme (NSACP), Ministry of Health Sri Lanka*	Sri Lanka
4	Lawatan daripada Treatnet - *Southeast Asia*	Bangkok
5	Lawatan daripada *Office Of The Narcotics Control Board*	Thailand
6	Lawatan daripada Delegasi Mesyuarat *33rd ASEAN Senior Official on Drug Matters* (ASOD)	China, Indonesia, Singapore, Brunei, Myanmar, Vietnam, Thailand, Cambodia, Lao, Filipina
7	Lawatan daripada Delegasi Mesyuarat *2nd Regional Consultation on Compulsory Centres for Drug Users* (CCDUs) *in Asia & The Pacific*	China, Indonesia, Myanmar, Vietnam, Thailand, Cambodia, Philipina, Brunei, Lao, UNDOC, ESCAP, UNAIDS, ANCD, World Bank, AUSAID
8	Lawatan daripada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan, Republik Kazakhstan	Republik Kazakhstan

JABATAN
IMIGRESEN MALAYSIA

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengorak langkah yang lebih efisien dalam merealisasikan program-program transformasi Jabatan Imigresen Malaysia dengan pencapaian dan kejayaan melalui sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan stakeholders tanpa mengabaikan kebajikan warga Imigresen. Kecekapan sistem penyampaian (JIM) yang seiring dengan inisiatif kerajaan mewujudkan *Rural Transformation Centre (*RTC) di beberapa negeri oleh YAB Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Kunci kejayaan perkhidmatan JIM adalah terletak kepada warganya yang efisien dan memiliki nilai-nilai murni integriti. Pada masa yang sama warga Imigresen lebih berani berinovasi semasa melaksanakan tugas sebagai salah satu usaha untuk mengujudkan perkhidmatan berprestasi tinggi dalam Sektor Awam sebagaimana hasrat kerajaan yang telah mengumumkan bahawa tahun 2012 merupakan tahun gerakan inovasi nasional. Dengan yang demikian setiap program atau pencarian inovasi yang dilaksanakan oleh semua warga JIM telah mengambil kira prinsip-prinsip peningkatkan kualiti, produk baru atau pasaran baru (i.e perkhidmatan *online*) dan memperbaiki proses kerja.

1.1 VISI, MISI, DAN OBJEKTIF JABATAN

i. Peneraju dikalangan perkhidmatan imigresen
ii. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan pembangunan ekonomi dan keselamatan negara dengan penuh integriti
iii. Menguruskan hal – hal imigresen selaras dengan kepentingan negara

1.2 FUNGSI JABATAN

i. Mengeluarkan pasport dan dokumen perjalanan kepada warganegara dan penduduk tetap
ii. Mengeluarkan visa, pas dan permit kepada warganegara asing yang memasuki Malaysia
iii. Mengawalselia pergerakan keluar masuk orang di pintu – pintu masuk yang diwartakan
iv. Menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan – peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966, Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007

2.0 LAPORAN JABATAN

2.1 Perubahan Identiti Pakaian Seragam Baru Kakitangan Imigresen

Perubahan identiti pakaian seragam baru kakitangan Imigresen telah dilakukan secara menyeluruh selaras dengan Plan Transformasi Imigresen pada tahun 2012.

2.2 Pembukaan Mini Pejabat Imigresen di Negeri Kelantan, Melaka dan Kuala Lumpur sempena *Rural Transformation Centre* (RTC) dan *Urban Transformation Centre* (UTC)

Jabatan Imigresen Negeri Kelantan dan Melaka telah membuka mini pejabat yang memberi perkhidmatan seperti permohonan dan pembaruan Pasport Malaysia yang telah beroperasi pada tahun 2012. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Pejabat ini akan beroperasi dari jam 8.00 pagi sehingga 10.00 malam setiap hari.

Pegawai-pegawai Imigresen sedang memberi perkhidmatan kepada pelanggan

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak merasmikan UTC Kuala Lumpur

2.3 Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dari Jabatan Audit Negara

Jabatan Imigresen Malaysia telah menerima anugerah dari Jabatan Audit Negara kerana pencapaian tahap cemerlang dalam Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011 bagi Agensi-agensi Persekutuan Dan Badan Berkanun Persekutuan. Satu majlis bagi menghargai pencapaian tersebut telah diadakan pada 03 Oktober 2012 (Rabu) bertempat di Dewan Seminar, Agensi Remote Sensing Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kuala Lumpur.

YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim menyampaikan sijil Anugerah Penyerlahan Amalan Nilai-Nilai Murni 1 Malaysia (Integriti).

YBhg Dato' Sri Dr.Ali Hamsah (KSN) menyerahkan anugerah Skytrax kepada Dato' Alias Hj.Ahmad (KPI)

Pegawai-pegawai Imigresen KLIA bersama replica cek Anugerah Penyerlahan Amalan Nilai-Nilai Murni 1 Malaysia (Integriti).

2.4 Anugerah Penyerlahan Amalan Nilai-Nilai Murni 1 Malaysia (Integriti)

Jabatan Imigresen Malaysia telah di pilih menerima Anugerah Penyerlahan Amalan Nilai-Nilai Murni 1 Malaysia (Integriti) yang merupakan satu pengiktirafan yang berprestig yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan (KPKK). Majlis penganugerahan itu telah berlangsung di Panggung Sari, Kompleks Kraf, Kuala Lumpur pada 7 Jun 2012. Pejabat Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menerima sijil penghargaan serta hadiah bernilai RM 5000.00 bagi kategori Anugerah Penyerlahan Amalan Nilai-Nilai Murni 1 Malaysia (Integriti).

Pejabat Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA telah memenangi dua tahun berturut-turut. Anugerah ini tlah dijadikan pencetus inspirasi untuk terus meningkatkan kuali serta prestasi yang lebih cemerlang di dalam merealisasikan nilai-nilai murni sebagai amalan setiap warga Imigresen bukan sahaja di KLIA malah menjadi budaya dan amalan seluruh warga Imigresen.

2.5 Pengeluaran Paspot Transaksi 'Pasport Malaysia Online' Jabatan Imigresen Malaysia Bagi Tahun 2012

My online pasport telah dilancarkan pada tahun 2011 supaya orang ramai tidak perlu bersesak-sesak ke kaunter Pasport Malaysia dan mereka hanya boleh berbuat demikian melalui Internet menerusi perkhidmatan secara atas talian iaitu MyoInline Passport. Dengan cara demikian, orang ramai dapat menjimatkan masa. Permohonan Myonline Pasport ini hanyalah bagi permohonan gentian Pasport Malaysia sahaja. Pada tahun 2012, sejumlah 18,921 permohonan pembaharuan passport secara *online* telah dibuat. Daripada jumlah tersebut 17,292 pengeluaran passport Malaysia telah dibuat dengan mendapat hasil kutipan sebanyak RM 3,607,600.00. Jadual 1 dan 2 menunjukkan Transaksi Pasport Malaysia Jabatan Imigresen Malaysia Bagi Tahun 2012.

AGENSI	PENGELUARAN PAS KHAS						JUMLAH
BULAN	MAHKAMAH	INSOLVENSI	LHDN	KWSP	SPRM	LAIN-LAIN	
JANUARI	3	5	6	2	0	0	16
FEBRUARI	3	8	3	1	0	0	15
MAC	5	11	3	0	0	0	19
APRIL	10	6	3	0	0	0	19
MEI	9	7	5	1	0	0	22
JUN	8	10	3	1	0	0	22
JULAI	11	6	4	1	0	0	22
OGOS	8	4	10	1	0	0	23
SEPTEMBER	11	4	3	2	0	1	21
OKTOBER	25	7	7	1	0	1	41
NOVEMBER	13	8	6	0	0	2	29
DISEMBER							
JUMLAH	106	76	53	10	0	4	249

Jadual 1 :
Transaksi 'Pasport Malaysia *Online'* Jabatan Imigresen Malaysia Bagi Tahun 2012

KATEGORI	PMA 48 M/S (ICAO)		PMA 32 M/S		PMA	PMA	PMA	PMA	JUMLAH	KUTIPAN
PASPORT	RM300	RM100	RM300	RM100	64 M/S	GRATIS	DIPLO-MATIK	RASMI		HASIL PMA (RM)
JANUARI	82,697	118,050	1,572	4	-	1,053	58	23	203,457	33,723,726.92
FEBRUARI	81,722	115,074	1,845	1	1	1,029	89	16	199,777	33,385,096.12
MAC	84,564	123,849	1,688	1	-	1,190	57	31	211,380	34,375,801.68
APRIL	71,740	105,011	1,817	1	1	1,100	77	24	179,771	29,496,872.02
MEI	76,133	109,801	1,132	-	-	1,142	82	26	188,316	30,471,621.92
JUN	69,759	94,515	558	-	-	1,028	102	19	165,981	27,414,188.92
JULAI	72,603	91,847	197	1	-	1,001	92	27	165,768	28,046,628.40
OGOS	76,457	98,442	49	-	-	1,004	58	20	176,030	29,299,784.42
SEPTEM-BER	73,766	104,217	-	1	-	1,113	56	29	179,182	29,207,780.92
OKTOBER	79,743	127,349	1	-	-	1,353	55	26	208,527	32,701,564.50
NOVEMBER	89,296	148,749	-	-	-	1,447	87	23	239,602	36,426,160.30
DISEMBER										
JUMLAH	858,480	1,236,904	8,859	9	2	12,460	813	264	2,117,791	344,549,226.12

Jadual 2
Pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) / Hasil (PMA) Bagi Semua Cawangan, Tahun 2012

JABATAN
PENDAFTARAN NEGARA

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

1.0 PENGENALAN

Jabatan Pendaftaran Negara ditubuhkan selepas Peraturan-peraturan Dharurat (Kawasan - kawasan Pendaftaran) 1948 dikuatkuasakan sebagai salah satu langkah untuk menentang ancaman keselamatan. Peraturan-peraturan ini memerlukan semua penduduk supaya mendaftar dan memperolehi kad pengenalan apabila mencapai umur 12 tahun ke atas.

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Ia bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen pengenalan individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

2.0 LAPORAN JABATAN

2.1 Urusniaga utama JPN adalah permohonan kad pengenalan, pendaftaran kelahiran, pendaftaran pengangkatan mahkamah, pendaftaran *de facto,* pendaftaran kematian, pendaftaran MyKid, permohonan kewarganegaraan, permohonan pendaftaran perkahwinan, permohonan pendaftaran perceraian dan pembatalan serta pendaftaran kes siasatan.

2.2 Bagi tempoh Januari hingga Disember 2012, urusniaga utama Jabatan Pendaftaran Negara yang melibatkan 10 bidang utama telah berjaya membuat transaksi sebanyak 5,743,412 transaksi. Statistik urusniaga ini dipaparkan seperti di Jadual 1.

AKTIVITI	JUMLAH
Permohonan Kad Pengenalan	4,402,885
Pendaftaran Kelahiran	543,015
Pendaftaran Pengangkatan Mahkamah	3,428
Pendaftaran Pengangkatan De Facto	5,570
Pendaftaran Kematian	138,828
Permohonan MyKid	587,786
Permohonan Kewarganegaraan	25,992
Permohonan Pendaftaran Perceraian dan Pembatalan	354
Pendaftaran Kes Siasatan	3,453
JUMLAH	117

Jadual 1: Statistik urusniaga JPN bagi tahun 2012

2.3 Aktiviti-aktiviti lain

2.3.1 Bengkel Mengemaskini SOP Permohonan Taraf Kewarganegaraan

Dalam usaha untuk memastikan penambahbaikan prosedur permohonan taraf kewarganegaraan dan pemahaman undang-undang yang berkaitan dengannya, Bahagian PP telah julung-julung kali mengadakan Bengkel Penyelarasan Undang-undang dan Penyediaan SOP pada 5-8 April 2012 di Pulau Pinang. Bengkel ini melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM).

2.3.2 Penganjuran Majlis Penyampaian Dokumen Pengenalan Diri oleh YAB Perdana Menteri

Majlis Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri melibatkan penganugerahan Sijil Kewarganegaraan, Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran telah disempurnakan oleh YAB PM pada 14 Februari 2012 di Pusat Latihan Dewan Bandaraya (IDB), Bandar Tun Razak, Cheras. Majlis ini melibatkan 56 orang penerima.

2.3.3 Penganjuran Majlis Penyampaian Dokumen Pengenalan Diri oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri di Kota Kinabalu , Sabah

Majlis Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri melibatkan penganugerahan Sijil Kewarganegaraan, Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Abu Seman bin Mansur pada 3 Mei 2012 di Wisma Wanita, Jalan Tuaran, Kota Kinabalu Sabah. Majlis ini melibatkan 124 orang penerima.

2.3.4 Penganjuran Majlis Penyampaian Dokumen Pengenalan Diri oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri I di Johor Bharu.

Majlis Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri melibatkan penganugerahan Sijil Kewarganegaraan, Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Abu Seman bin Yusop pada 25 Mei 2012 di Mini KDN, Johor Bharu. Majlis ini melibatkan 40 orang penerima.

3.0 KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

3.1 Pengiktirafan JPN Sebagai Agensi Barisan Hadapan Bertaraf Lima Bintang Oleh MAMPU

Penilaian Penarafan Bintang MAMPU terhadap JPN melibatkan tiga peringkat iaitu peringkat ibu pejabat di Putrajaya, peringkat negeri di JPN Negeri Pulau Pinang serta di pejabat cawangan JPN daerah Seberang Perai Utara dan Butterworth, Pulau Pinang. Bagi tahun 2011, JPN mendapat penarafan lima bintang iaitu pada tahap cemerlang dengan markah keseluruhan sebanyak 92.30% berbanding penilaian pada tahun 2009 sebanyak 85.81%. Majlis penyerahan plak dan sijil penarafan lima bintang telah disampaikan oleh YBhg. Dr. Mazlan Bin Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (PT) MAMPU kepada YBhg. Dato' Jariah Binti Mohd Said, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia dengan disaksikan oleh YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Majlis penyerahan tersebut diadakan semasa Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri pada 27 November 2012 bertempat di Dewan Auditorium, Aras 5 Blok D8, Kompleks D, Putrajaya.

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said menerima sijil penarafan lima bintang yang disampaikan oleh YBhg. Dr. Mazlan bin Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (PT) MAMPU dan disaksikan oleh YB. Dato' Lee Chee Leong dan YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohammad Radzi.

3.2 Anugerah *Best Security And Authentication*

Program *Smart Card Awards* Asia 2012 mula dilaksanakan di Asia pada tahun ini oleh syarikat Terrapin Pte Ltd yang menjadi penganjur kepada Persidangan *Cards & Payments* Asia 2012 di Singapura. *Cards & Payment* Asia adalah satu persidangan antarabangsa di bidang industri kad pintar. Persidangan ini adalah acara tahunan yang dikendalikan oleh syarikat tersebut.

Pada kali ini, beberapa kategori anugerah telah dipertandingkan, salah satu kategori adalah *Best Security and Authentication Programme*. Dalam program ini, syarikat penganjur memilih bank atau agensi kerajaan yang menunjukkan keupayaan untuk melaksanakan infrastruktur keselamatan yang kukuh untuk mencegah / mengurangkan kecurian dan pemalsuan identiti rakyatnya. Pelaksanaan yang berkesan dan infrastruktur keselamatan yang kukuh adalah ciri-ciri yang dinilai dalam kategori ini.

Dalam program ini, JPN telah mempertandingkan dua buah projek iaitu projek MyKad Struktur Baru dan penggunaannya serta Projek MyKad *Security Authentication System* (MyKAMS) yang mana MyKad digunakan untuk aktiviti penguatkuasaan secara *online* melalui alat pembaca kad mobil oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan agensi lain. Melalui sistem MyKAMS, data pemegang MyKad dicapai secara *online* daripada pangkalan data di JPN, JPJ dan PDRM. Sebarang pemalsuan identiti dapat dikesan dengan mudah melalui sistem tersebut.

MyKad dan Sistem MyKAMS telah dipilih sebagai johan dalam kategori *Best Security and Authentication Program* menewaskan projek daripada negara-negara Asia Pasifik, Jerman dan Australia.

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said di Majlis Perasmian Program Smart Card Awards Asia 2012 di Singapura

3.3 Pensijilan 5S 1JPN

Pelaksanaan amalan 5S di JPN telah diperluaskan skop pensijilannya iaitu untuk mendapatkan satu sijil bagi Ibu Pejabat JPN dan Ibu Pejabat Negeri di seluruh Malaysia. Penilaian oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dilaksanakan secara serentak di seluruh Malaysia pada 18 Jun 2012 kecuali JPN Negeri Perlis, Kedah dan Negeri Sembilan yang dinilai pada 19 Jun 2012 berikutan cuti sempena Hari Israk dan Mikraj pada tarikh sebelumnya.

Hasil penilaian tersebut, JPN telah berjaya memperoleh pensijilan 5S 1JPN bagi tempoh setahun bermula 19 Jun 2012 hingga 18 Jun 2013. Pensijilan ini bertujuan untuk menggalakkan semua JPN Negeri terlibat sama dalam menjayakan amalan ini dan ianya akan menjadi agenda tahunan Jabatan. Selain itu, ianya juga untuk memastikan keseragaman dalam menyampaikan perkhidmatan dengan persekitaran yang berkualiti di samping dapat membantu mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif, membudayakan kebersihan, meningkatkan produktiviti dan memperkukuhkan keselamatan bagi menjana prestasi cemerlang Jabatan.

Kesinambungan dari kejayaan JPN memperolehi pensijilan ini, JPN Putrajaya telah menerima 32 siri lawatan dari agensi luar yang telah menjadikan JPN Putrajaya sebagai penanda aras untuk Amalan 5S.

MPC

Certificate of Achievement

Malaysia Productivity Corporation hereby certifies that
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA
IBU PEJABAT PUTRAJAYA,
JPN NEGERI PERLIS, KEDAH, PULAU PINANG, PERAK,
SELANGOR, W.P KUALA LUMPUR, NEGERI SEMBILAN,
MELAKA, JOHOR, PAHANG, TERENGGANU,
KELANTAN, SARAWAK, W.P LABUAN
& SABAH

Quality Environment

has implemented the standard requirements
of Quality Environment Management System

Issue Date : 19 June 2012
Expiry Date : 18 June 2013
Certification No. : AC 2834

(Mohd Razali Hussain)
Director-General
Malaysia Productivity Corporation

The Organisation agrees to maintain its Quality Environment Management System and use the Approved Certificate in accordance with the Standard Requirements.

Sijil 5S 1JPN yang telah diperolehi olej JPN bagi tempoh setahun bermula 19 Jun 2012 hingga 18 Jun 2013

Majlis Perasmian Gotong-royong Perdana 5S 1JPN oleh YBrs. Encik Hassan bin Dahaman, mantan Timbalan Ketua Pengarah (P) selaku Pengerusi JKK Induk 5S 1JPN

3.4 *Key Performance Indicator* (KPI) Menteri Dalam Negeri (MDN) dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KSU) Bagi Permohonan Daftar Lewat

Program Transformasi Kerajaan (GTP) merupakan inisiatif kerajaan untuk menggerakkan agenda transformasi negara dalam mencapai negara maju melalui GTP. Kerajaan telah memperkenalkan kaedah baharu yang lebih berani dan berbeza dalam perancangan dan pelaksanaan program-program untuk rakyat. Enam Bidang Keberhasilan Utama Negara telah digariskan sebagai panduan untuk merealisasikan Program GTP. Justeru itu, penetapan KPI MDN dan KSU telah dilaksanakan seiring dengan komitmen JPN dalam menyokong program transformasi Negara. Penyelesaian permohonan Daftar Lewat Kelahiran telah dipilih sebagai KPI MDN dan KSU bagi tahun 2012, di mana JPN bertanggungjawab untuk memastikan 95% permohonan Daftar Lewat Kelahiran yang diterima diselesaikan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan iaitu, satu bulan bagi Semenanjung Malaysia dan tiga bulan bagi permohonan yang diterima di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sebanyak 23,719 permohonan Daftar Lewat Kelahiran diterima di mana 12,601 permohonan dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan manakala selebihnya adalah permohonan yang diterima daripada Semenanjung Malaysia. Tahun 2012, telah menyaksikan JPN berjaya menyelesaikan KPI MDN dan KSU dengan pencapaian 100% penyelesaian permohonan daftar lewat kelahiran yang diterima.

3.5 Majlis Pelancaran Dokumen Baru Daftar Kematian / Permit Mengubur JPN.LM02 (Pin. 1/11)

Majlis Pelancaran Dokumen Baru Daftar Kematian/ Permit Mengubur telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Mahmood

Bin Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri pada 9 Februari 2012 di Balora Perdana, JPN Putrajaya. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menghargai kerjasama yang telah diberikan oleh Agensi Pengesah Kematian iaitu Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Dengan adanya kerjasama tersebut, inovasi baru yang diperkenalkan oleh JPN dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pelaksanaan dokumen baru Daftar Kematian / Permit Mengubur JPN.LM02 (Pin. 1/11) sekaligus dapat mengatasi karenah birokrasi kerana pemaklum hanya perlu melaporkan sekali sahaja bagi sesuatu kematian untuk mendapatkan dua dokumen iaitu Permit Mengubur dan Sijil Kematian dalam satu masa.

BIL	KATEGORI	PENYERTAAN
1.	Perkhidmatan Kaunter Terbaik	63
2.	Pengurusan Kewangan	15
3.	Inovasi	20
4.	Kumpulan Inovatif dan Kreatif	19
Jumlah Penyertaan		117

Jadual 2: Jumlah penyertaan Anugerah Inovasi JPN Tahun 2012

YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri di Majlis Pelancaran Dokumen Baru Daftar Kematian/Permit Mengubur bersama Agensi Pengesah Kematian

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said bersama YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aseh bin Hj.Che Mat, Presiden Perbadanan Putrajaya dan pemenang keseluruhan sempena Sambutan Hari Inovasi JPN tahun 2012

3.6 Sambutan Hari Inovasi JPN 2012

Membawa tema "Inovasi Tanpa Sempadan", sambutan Hari Inovasi JPN telah diadakan pada 31 Oktober 2012. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan di antaranya adalah seperti pameran, ceramah serta pengumuman keputusan bagi penyertaan Anugerah Inovasi JPN tahun 2012. Antara tajuk ceramah yang telah disampaikan ialah "Taklimat Inovasi Menjana Transformasi dan Prestasi Anda Tahun Ini" oleh wakil penceramah jemputan dari JPA dan "Taklimat Transformasi Minda Pencetus Pencapaian Wawasan" oleh wakil penceramah jemputan dari Kementerian Pertahanan (MINDEF). Penyempurnaan Sambutan Hari Inovasi JPN telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aseh Bin Hj. Che Mat, Presiden Perbadanan Putrajaya. Secara keseluruhannya, Sambutan Hari Inovasi JPN tahun 2012 telah berjalan dengan lancar mengikut perancangan serta mendapat sambutan yang menggalakkan. Secara tidak langsung, sambutan Hari Inovasi yang dijalankan dapat memperlihatkan kreativiti dan inovasi sekaligus menjana transformasi minda di kalangan warga JPN. Statistik penyertaan Anugerah Inovasi Jabatan yang dipertandingkan pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

3.7 Pendaftaran Perkahwinan 12.12.12

Majlis Perkahwinan Beramai-ramai Pasangan Bukan Islam 12.12.12 telah diadakan pada 12 Disember 2012 (Rabu) yang melibatkan sejumlah 114 pasangan di JPN Putrajaya dan 834 pasangan di Pejabat Pendaftaran Negeri seluruh Malaysia. Majlis di JPN Putrajaya telah dihadiri oleh Menteri Dalam Negeri, YB. Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein dan isteri, Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB. Dato' Sri Abu Seman Bin Yusop dan isteri serta pegawai-pegawai kanan Kementerian yang turut sama memeriahkan majlis dan meraikan pasangan yang diupacarakan pada hari tersebut. Majlis ini diadakan di Dewan Balora Perdana, Aras B1, Ibu Pejabat JPN, Putrajaya.

Objektif majlis ini diadakan adalah untuk membuka peluang kepada lebih ramai pasangan yang ingin mengupacarakan perkahwinan sempena tarikh 12.12.12 di JPN, Putrajaya. Selain itu, ianya dapat mempromosikan perkhidmatan pendaftaran perkahwinan di JPN kepada orang ramai dan membuktikan usaha murni Jabatan terhadap orang ramai serta menunjukkan *touch-point* kepada pelanggan. Program seperti ini juga dapat memberikan kesedaran terhadap

kepentingan pendaftaran perkahwinan kepada orang ramai yang bukan beragama Islam bagi menjamin keutuhan institusi kekeluargaan.

Majlis Perkahwinan Beramai-ramai Pasangan Bukan Islam ini dijadikan program tahunan JPN mulai tahun 2008. Program sebegini turut dibuat secara meriah oleh JPN Negeri bagi menggambarkan komitmen Jabatan dalam mempromosikan kepentingan pendaftaran perkahwinan dari segi sosial di kalangan pasangan bukan beragama Islam.

Pasangan pengantin bergambar kenang-kenangan bersama YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri dan isteri sempena Majlis Perkahwinan 12.12.12

3.8 Johan Keseluruhan Konvensyen Persekitaran Berkualiti 5S Peringkat Kebangsaan Anjuran (MPC)

JPN Negeri Sarawak berjaya mengungguli anugerah utama pada persidangan tahunan Produktiviti & Inovasi dan Eksposisi (APIC 2012) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). JPN Sarawak telah memenangi johan keseluruhan Persekitaran Berkualiti (5S) 2012. APIC 2012 telah dianjurkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 14 hingga 17 Oktober lalu dengan tema "Dui Idea ke Realiti". Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE/5S) Kebangsaan anjuran MPC ini telah berjaya menarik perhatian 63 buah kumpulan yang mengamalkan Amalan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amal) di organisasi masing-masing. Prestasi setiap kumpulan yang terlibat telah dinilai sepanjang tempoh pemantauan oleh MPC bermula dari Julai 2011 hingga Julai 2012 secara berkala untuk memilih kumpulan yang terbaik dalam setiap kategori yang dipertandingkan.

JPN negeri Sarawak berjaya memenangi Juara Keseluruhan Persekitaran Berkualiti (5S) 2012 yang telah diadakan di KLCC

3.9 Tempat Ke-3 Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan

Kumpulan KIK dari JPN Negeri Pahang dan Selangor telah dipilih untuk mewakili Kementerian Dalam Negeri menyertai Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan kali ke-29 Tahun 2012 pada 5 hingga 7 November 2012 bertempat di Hotel Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah. Kumpulan Kristal dari JPN Negeri Pahang telah berjaya mendapat tempat ke-3 bagi kategori teknikal dengan projek bertajuk Mini Mobile Studio (MMS) dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000 serta sijil penghargaan yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Ali Bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara Malaysia.

Kumpulan KIK Kristal dari JPN Pahang bergambar kenang-kenangan setelah berjaya memenangi tempat ke-3 Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan di Langkawi, Kedah

3.10 Anugerah *'Strategic Achievers' Malaysia Government Portals And Website Assessment* (MGPWA)

Selain dari pencapaian Portal JPN bertaraf 5 Bintang, Portal JPN turut diberi penganugerahan *'Strategic Achiever'* di bawah Penilaian Malaysia *Government Portals And Website Assessment* (MGPWA) 2012. Portal JPN adalah satu-satunya agensi di bawah KDN yang memperolehi pencapaian ini. Bagi penilaian Penganugerahan 'Strategic Acheiver', portal dan laman web yang disenarai pendek hendaklah bertaraf 5 Bintang MGPWA 2012 bagi membolehkan penilaian seterusnya iaitu wajib melepasi semua empat kriteria penilaian tanpa gagal salah satu kriteria seperti berikut:

i. Penetration Test;
ii. ICT Security Incidents;
iii. Public Complaints; dan
iv. English Review.

Dari 186 portal yang dinilai, Portal JPN adalah di antara 28 portal dan laman web yang berjaya dianugerahkan sebagai *'Strategic Achiever'.*

YBrs. Tuan Haji Zakaria bin Awi, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) menerima plak bagi Anugerah *Strategic Achievers Malaysia Government Portals dan Website Assessment* (MGPWA) daripada YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

3.11 Tempat Ke-3 Anugerah Pameran Inovasi Kementerian Dalam Negeri

Kementerian Dalam Negeri telah menganjurkan Sambutan Hari Inovasi pada 12 Disember 2012 bertempat di Dewan Auditorium, Aras 5 Blok D8, Kompleks D, Putrajaya. Sempena sambutan ini, KDN telah menganjurkan pertandingan bagi Anugerah Pameran Inovasi dengan penyertaan oleh semua lapan agensi di bawah naungan Kementerian Dalam Negeri. Bagi anugerah ini, JPN telah memenangi tempat ke-3 dengan mempamerkan penggunaan Kaunter Pendaftaran Bergerak Secara Online menerusi teknologi parabola. Persembahan video korporat mengenai program ini telah dijayakan sepenuhnya oleh kakitangan JPN sendiri.

YB. Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri menyampaikan sijil dan plak kepada YBrs. Tuan Haji Zakaria bin Awi, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) di atas pencapaian JPN memenangi tempat ke-3 Anugerah Pameran Invoasi KDN

3.12 Anugerah Organisasi AKRAB Gemilang

Pada 26 November 2012, JPN telah dijemput untuk membentangkan laporan AKRAB di Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk dinilai. Sebanyak tujuh agensi telah disenaraipendek untuk membentangkan laporan masing-masing. Sehubungan dengan itu, bagi mengiktirafkan kesungguhan dan komitmen yang ditunjukan oleh semua ahli AKRAB dalam menjayakan berbagai program sepanjang penubuhannya, JPA telah menganugerahkan Anugerah AKRAB Gemilang bagi kategori organisasi yang disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Tan Sri Abdul Aziz kepada YBhg. Dato' Jariah Binti Mohd Said Ketua Pengarah Pendaftaran Negara pada 20 Disember 2012 di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya. Anugerah tersebut merupakan anugerah yang tertinggi dalam anugerah AKRAB keseluruhannya.

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said menerima piala Anugerah AKRAB Gemilang daripada YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

JABATAN
PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 yang mana secara ringkasnya memperuntukkan kuasa bagi Jabatan untuk mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar. JPPM diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat JPPM di 14 buah negeri dan sebuah cawangan kecil di Miri, Sarawak pula diketuai oleh Penolong Pendaftar Pertubuhan.

2.0 AKTIVITI-AKTIVITI PENGURUSAN PERTUBUHAN

Setakat 31 Disember 2012, sebanyak 49,746 pertubuhan induk telah didaftarkan dengan JPPM. Dalam tempoh yang sama jua, JPPM telah menerima sejumlah 7,834 permohonan pendaftaran pertubuhan baru, peningkatan sebanyak 77.6% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Bagi tujuan pemantauan ke atas pertubuhan berdaftar, JPPM telah menerima 43,325 Penyata Tahunan [Seksyen 14(1) Akta] pada tahun 2012. Jumlah ini menunjukkan hanya 37.35% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan yang berdaftar sahaja (115,987 pertubuhan induk dan cawangan) yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menghantar maklumat tahunan tersebut. Bagi pertubuhan yang gagal menghantar Penyata Tahunan dalam tempoh dua tahun atau kurang, JPPM akan menghantar kenyataan sebelum pembatalan [Seksyen 14(2) Akta] ke atas pertubuhan tersebut supaya mengemukakan penyata tersebut dalam tempoh 30 hari. Sehingga 31 Disember 2012,sebanyak 638 notis telah dikeluarkan kepada pertubuhan induk dan sebanyak 83 lagi notis telah dikeluarkan kepada pertubuhan cawangan.

Bagi pertubuhan yang masih gagal mengemukakan Penyata tahunan dalam tempoh 30 hari, 528 perintah Pembubaran Sementara telah dikeluarkan kepada pertubuhan induk dan sebanyak 115 perintah telah dikeluarkan kepada pertubuhan cawangan [Seksyen 14(5) Akta] sehingga 31 Disember 2012. JPPM juga telah mengambil tindakan ke atas pertubuhan yang gagal menghantar Penyata Tahunan tiga tahun berturut-turut di mana satu kenyataan sebelum pembatalan [Seksyen 13(2) Akta] telah dikeluarkan. Pertubuhan yang menerima notis tersebut diberi tempoh selama 30 hari untuk memberi maklum balas dan akan dibatalkan sekiranya gagal berbuat demikian atas alasan pertubuhan tersebut telah tidak wujud [Seksyen 13(1)(c)(v) Akta]. Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 1,497 dan 136 notis kenyataan sebelum pembatalan telah dikeluarkan masing-masing kepada pertubuhan induk dan cawangan.

Di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Seksyen 18), sesebuah pertubuhan boleh mengemukakan rayuan kepada YB Menteri Dalam Negeri di atas keputusan pembatalan atau penolakan pendaftaran; penolakan permohonan pindaan undang-undang atau Perintah Pembubaran Sementara yang telah dibuat oleh Pendaftar Pertubuhan. Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 204 permohonan rayuan telah diterima di mana 92 rayuan telah diluluskan, 17 rayuan ditolak, 46 rayuan diluluskan dengan bersyarat dan selebihnya masih dalam pertimbangan.

JPPM juga menjalankan aktiviti pemeriksaan ke atas pertubuhan, siasatan ke atas aduan, risikan dan pendakwaan bagi memastikan pengurusan pertubuhan dan pelaksanaan program/aktiviti pertubuhan adalah selaras dengan Akta Pertubuhan 1966 dan Perlembagaan Pertubuhan. Aktiviti penguatkuasaan Akta ini dijalankan oleh pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkhidmat di JPPM dengan kerjasama Cawangan Penguatkuasaan JPPM Negeri.

Terdapat dua kaedah pemeriksaan yang dilakukan iaitu pemeriksaan bernotis yang memfokuskan kepada pertubuhan bermasalah dan bagi menyiasat aduan mengenai sesuatu kesalahan yang telah dilakukan oleh pihak pertubuhan; dan pemeriksaan tanpa notis (mengejut) akan dibuat secara rambang dan berdasarkan aduan awam yang diterima. Sebanyak 1255 pemeriksaan bernotis dan 133 pemeriksaan tanpa notis telah dilakukan ke atas pertubuhan berdaftar di seluruh negara pada tahun 2012.

JPPM akan menjalankan aktiviti siasatan berdasarkan aduan yang diterima terhadap sesuatu pertubuhan samada ia telah melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan berdaftarnya. Seterusnya, JPPM akan memperakukan kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri berkenaan untuk tindakan pendakwaan di mahkamah sekiranya hasil siasatan mendapati pemegang-pemegang jawatan sesebuah pertubuhan telah melanggar Akta Pertubuhan 1966.

Sepanjang tahun 2012, Jabatan telah menerima sejumlah 364 kes aduan berkaitan kelemahan pengurusan dan pentadbiran pertubuhan berdaftar. Kebanyakan aduan yang diterima adalah melibatkan pertubuhan-pertubuhan daripada kategori Agama, Kebajikan Masyarakat, Am dan Perdagangan.

Daripada keseluruhan aduan yang diterima, sejumlah 210 kes adalah telah selesai. Sebanyak 69 kes aduan yang disiasat telah diberi teguran/ khidmat nasihat supaya menguruskan pertubuhan dengan teratur dan sebanyak 26 kes dalam tindakan notis. Sementara itu, sebanyak 124 kes lagi masih dalam siasatan Jabatan. Sementara itu, sebanyak 7 kertas siasatan (Pendakwaan) telah dibuka dan masih dalam tindakan lanjut JPPM.

3.0 AKTIVITI SOKONGAN

Secara keseluruhan, Peruntukan Belanjawan Mengurus Jabatan bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM 21,132,000.00. Daripada jumlah ini, sebanyak 98% iaitu RM 20,709,360.00 telah dibelanjakan. Pada tahun 2012, jumlah kutipan hasil Jabatan adalah sebanyak RM 438,570.00, di mana jumlah tersebut diperolehi daripada hasil kutipan FI yang dikenakan untuk yuran carian maklumat pertubuhan dan yuran rayuan terhadap penolakan atau pembatalan pendaftaran pertubuhan serta jualan panduan/ contoh Perlembagaan Pertubuhan.

4.0 PENAMBAHBAIKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JPPM

Bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan terutama dalam pengurusan pendaftaran pertubuhan serta menyahut kehendak Kerajaan bagi jabatan-jabatannya untuk memperkenalkan perkhidmatan atas talian *(online)*, JPPM telah memperkenalkan satu sistem baru yang dinamakan Sistem Elektronik Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (eROSES) yang boleh dicapai melalui url www.eroses.gov.my. Jika sebelum ini urusan pendaftaran dan pengemaskinian maklumat pertubuhan adalah secara manual, eROSES membolehkan pengguna mendaftarkan akaun pengguna, membuat permohonan baru, membuat pindaan undang-undang dan juga menawarkan khidmat pembayaran secara atas talian.

Sistem ini mula diperkenalkan secara *pilot* di lima cawangan negeri JPPM iaitu Ibu Pejabat, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak dan Johor. Seterusnya, sistem ini telah diperluaskan penggunaannya kepada semua negeri pada 2 Julai tahun yang sama. Sejak pelancaran eROSES pada 16 Januari 2012, JPPM telah mencatatkan rekod permohonan yang paling tinggi sejak penubuhannya iaitu peningkatan sebanyak 77.6% daripada tahun 2011. Dijangkakan bermula pada tahun 2013, pertubuhan-pertubuhan berdaftar akan dikehendaki untuk menyerahkan Penyata Tahunan melalui sistem eROSES.

Ketua Pengarah ROS memberi penerangan mengenai Eroses di Sidang Akhbar

Ketua Pengarah ROS melancarkan sistem eROSES

Secara ringkasnya, penggunaan sistem eROSES ini adalah bagi mengurangkan beban orang awam di mana proses pendaftaran pertubuhan sehingga pembayaran boleh dilakukan secara atas talian di mana-mana. Ini secara langsung mengurangkan dan seterusnya menghapuskan keperluan pelanggan untuk hadir secara fizikal di pejabat-pejabat JPPM bagi tujuan urusan pendaftaran pertubuhan dan sebagainya.

Satu sidang akhbar telah diadakan pada 5 Julai 2012 di Kota Kinabalu, Sabah bagi mengumumkan dan menguar-uarkan sistem tersebut di mana semua permohonan pendaftaran pertubuhan baru perlu dibuat melalui sistem ini mulai dari 1hb Julai 2012 di seluruh Malaysia.

Bagi tujuan pendedahan dan latihan kepada penggunaan sistem eROSES, ibu pejabat JPPM telah mengadakan beberapa siri bengkel bagi pegawai / kakitangan JPPM termasuk di negeri-negeri. Contohnya satu bengkel telah diadakan pada 30 Mac – 1 April 2012 untuk semua pembangun sistem dan diadakan dengan kerjasama fasilitator daripada MAMPU dan juga Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Kementerian Dalam Negeri bagi menjamin kesinambungan dan penyeragaman pengaturcaraan serta memudahkan integrasi fasa I dan fasa II Sistem eROSES. Hasil bengkel tersebut adalah satu dokumentasi standard bagi struktur sistem online serta membolehkan pasukan pembangunan sistem aplikasi menggunakan dokumentasi tersebut sebagai panduan dalam membangunkan sistem aplikasi *online eROSES.*

Penerangan kepada pertubuhan mengenai eROSES

Program Dialog Outreach bersama Pertubuhan

Program ini bertujuan memberi ruang bagi JPPM berinteraksi dengan lebih dekat dengan pertubuhan-pertubuhan melalui sesi dialog yang dianjurkan di semua negeri bermula pada tahun 2011.

i. Majlis dialog di Kelantan pada 28 Mei 2012
ii. Majlis Dialog bersama Pertubuhan di Pulau Pinang dan Kedah pada 4 Mei 2012 di Kedah
iii. Majlis Dialog bersama Pertubuhan di Pelabuhan Klang, Selangor pada 28 Februari 2012
iv. Majlis Dialog dan Hari Bersama Pelanggan di Terengganu pada 16 Januari 2012
v. Majlis Dialog bersama Pertubuhan di Bario, Sarawak pada 10 Mac dan di Marudi, Sarawak pada 11 Mac 2012

Bengkel pengenalan sistema eROSES kepada pegawai/ kakitangan JPPM

Antara Program Outreach bersama pertubuhan

Peserta Bengkel berbincang dengan fasilitator daripada MAMPU dan juga Bahagian Teknologi Maklumat,KDN

JABATAN

PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) merupakan agensi di bawah seliaan dan kawalan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Jabatan ini ditubuhkan di bawah Akta Pertahanan Awam 1951 (Akta 221) yang bertanggungjawab secara langsung dalam aktiviti menyelamat dan kecemasan di seluruh negara. Aktiviti Pertahanan Awam di Malaysia telah dimulakan oleh pihak British pada tahun 1939 sebagai Passsive Defence yang dibentuk di bawah Emergency Regulation Enactment Chapter 41 untuk mengadakan langkah-langkah bagi menghadapi Peperangan Dunia Kedua. Pada tahun 1951, The Civil Defence Ordinance 1951 digubal secara rasmi sebagai satu undang-undang dalam sistem keselamatan Tanah Melayu. Justeru, pada 24 Mac 1952 Jabatan ini telah ditubuhkan secara rasmi bagi melaksanakan peruntukan ordinan.

2.0 LAPORAN

2.1 Statistik Keanggotaan Sukarelawan Pertahanan Awam

BIL	NEGERI	JUMLAH KESELURUHAN ANGGOTA
1.	Perlis	5,703
2.	Kedah	37,433
3.	Pulau Pinang	17,830
4.	Perak	18,032
5.	Wilayah Persekutuan	13,887
6.	Selangor	18,750
7.	Negeri Sembilan	10,122
8	Melaka	13,329
9	Johor	14,954
10	Pahang	27,849
11	Terengganu	13,850
12	Kelantan	14,800
13	Sarawak	11,613
14	Sabah	14,244
JUMLAH		209,972

Jadual 1 : Statistik Pendaftaran Anggota Baru JPAM Mengikut Negeri Bagi Tempoh Jan – Nov 2012

Aktiviti JPAM secara amnya banyak ditunjangi oleh anggota-anggota yang terdiri daripada orang awam yang berkhidmat sebagai anggota sukarela. Dari tahun ke tahun, jumlah keanggotaan sukarelawan ini semakin meningkat selaras dengan peranan jabatan ini yang semakin luas dan berkembang. Bagi tempoh Januari hingga November 2012, JPAM telah berjaya menambah anggota baru seramai 209,972 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang. Statistik keanggotaan adalah seperti di Jadual 1 di bawah.

2.2 Operasi Talian Kecemasan 999

Pada 20 Mei 1995, Talian Kecemasan 991 telah dilancarkan sebagai tanda komitmen JPAM di dalam memberikan khidmat bantuan kecemasan secara 24 jam. Walau bagaimanapun pada tahun 2008, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan '999' sebagai talian kecemasan tunggal dengan slogan 'Satu Negara Satu Nombor' bagi menyatukan talian kecemasan yang membabitkan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Bagi tempoh Januari hingga November 2012, JPAM telah menerima sebanyak 103,872 kes kecemasan yang melibatkan 50,482 orang mangsa. Laporan keseluruhan kes Talian Kecemasan 999 sepanjang tahun 2012 adalah seperti di Jadual 2 di bawah :

BIL	TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH MANGSA
1	2009	35,830	24,934
2	2010	54,435	27,432
3	2011	95,929	44,305
4	Jan hingga Nov 2012	103,872	50,482

2.3 Operasi Pasukan Penyelamat Pantai

Menara Penyelamat Pantai JPAM *(Baywatch)* merupakan satu altenatif JPAM untuk menambahkan perkhidmatannya kepada orang awam terutamanya kepada pengunjung-pengunjung pantai yang sudah pasti terdedah kepada pelbagai bentuk kecemasan di pantai seperti bahaya lemas, serangan binatang berbisa dan tsunami. Antara lain, JPAM memberi perkhidmatan kawal selia aktiviti di kawasan pantai dan mengambil tindakan serta merta apabila berlaku keadaan yang boleh mengancam keselamatan nyawa dan harta benda. Bencana Tsunami pada 26 Disember 2004 telah menyedarkan negara betapa perlunya Pasukan Penyelamat Pantai berikutan kejayaan Feringghi *"Baywatch"*, Pulau Pinang, memberi amaran awal sehingga berjaya memastikan mereka yang berada di Pantai Feringghi tanpa sebarang kehilangan jiwa. Pada hari ini, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia mempunyai 32 menara penyelamat pantai di pusat-pusat peranginan utama di negara ini,. Sepanjang tahun 2012, Menara Penyelamat Pantai Pertahanan Awam telah menangani sebanyak 1,451 kes melibatkan 1,441 orang mangsa.

BULAN	JUMLAH							JUMLAH	
	KSP	SO	L	MU	RLR	KK	LLK	KES	MANGSA
JANUARI	4	24	4	0	15	0	55	102	102
FEBRUARI	2	20	2	0	8	0	21	53	53
MAC	6	277	0	4	5	0	32	324	318
APRIL	5	47	4	2	10	0	23	91	85
MEI	6	29	1	2	6	0	27	71	80
JUN	9	54	4	1	10	0	50	128	136
JULAI	12	75	1	2	21	2	24	137	140
OGOS	3	51	1	2	11	0	20	88	87
SEPTEMBER	4	57	3	2	11	0	21	98	100
OKTOBER	3	29	1	1	11	0	14	59	49
NOVEMBER	6	56	3	2	15	0	27	109	110
DISEMBER	11	101	7	2	35	1	34	191	181
JUMLAH	**71**	**820**	**31**	**20**	**158**	**3**	**348**	**1451**	**1441**

Jadual 2: Statistik keseluruhan mengikut jenis kes (pasukan penyelamat pantai) bagi tahun 2012

- Petunjuk

KSP Kemalangan Sukan Pantai
SO Sengatan Obor-Obor
L Lemas
MU Kes Menangkap Ular
RLR Rawatan Luka Ringan
KK Khidmat Kemanusian
LLK Lain-lain kes

Gambar 1 : Anggota Penyelamat Pantai menyelamat mangsa lemas

Gambar 2 : Anggota Pertahanan Awam memberi bantuan kepada mangsa kemalangan jalan raya.

2.4 Ops Bantu

Pada musim-musim perayaan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia mengambil inisiatif melancarkan OPS BANTU yang secara umumnya memberi bantuan khidmat kemanusiaan musim perayaan di jalan persekutuan dan jalan negeri yang mempunyai statistik jumlah kemalangan yang tinggi. Pada tahun ini, JPAM telah melancarkan dan melaksanakan dua kali OPS BANTU iaitu pada perayaan Tahun Baru Cina (16 hingga 30 Januari 2012) dan perayaan Hari Raya Aidil Fitri(16 hingga 26 Ogos 2012).

Antara tugas-tugas yang dijalankan adalah lanjutan dari perkhidmatan bantuan kecemasan serta ditambah dengan bantuan kepada pengguna jalan raya yang menghadapi kesulitan semasa perjalanan balik kampung pada musim perayaan. Tugasan utama di dalam operasi "Ops Bantu" ini adalah memberi bantuan dalam kecemasan iaitu *First Aider* (FA) dan *First Responder* (FR), membuat rondaan di sepanjang jalan raya persekutuan dan negeri bagi membantu sekiranya terdapat mangsa-mangsa bencana, kemalangan atau yang dalam kesusahan. Selain itu, anggota JPAM juga membantu dalam membaikpulih kerosakan kecil kenderaan yang tersangkut di tepi jalan sekaligus membantu melancarkan lalulintas lebuhraya atau jalanraya berkenaan.

PERCETAKAN
NASIONAL MALAYSIA BERHAD

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

1.0 PENGENALAN

Percetakan Malaysia Nasional Berhad (PNMB) merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Di Perbadankan (MKD) dan merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri. PNMB tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965 dan akta-akta yang berkaitan dalam operasi perniagaan syarikat. Struktur PNMB terbahagi kepada Bahagian Operasi dan Bahagian Perkhidmatan dan diterajui oleh Pengarah Urusan yang dipantau oleh Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat.

2.0 PENCAPAIAN

PNMB telah mencapai peningkatan 39% dalam perniagaan sektor swasta dan berjaya mendapatkan projek dari Institut Penterjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Maxis, Astro, Petronas, CIMB dan Bursa Malaysia. PNMB juga telah memeterai perjanjian pengimejan digital pertama dengan menyediakan pengimbasan dokumen dan memfailkan penyelesaian kepada DIGI Johor. Selain itu, PNMB telah dianugerahkan kontrak untuk mencetak baucer bagi program Baucer Buku 1Malaysia (BB1M) dan program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Projek yang dilaksanakan melibatkan teknologi terkini dan mempamerkan keupayaan PNMB untuk menghasilkan dokumen keselamatan yang tinggi kualitinya. PNMB juga telah menaik taraf kapasiti pengeluaran dan kemudahan bagi outlet di Kuantan dan Kota Kinabalu bagi menampung permintaan percetakan yang semakin meningkat.

3.0 PRODUK DAN PERKHIDMATAN

PNMB bertanggungjawab dalam memenuhi pelbagai kehendak dan keperluan percetakan selain menawarkan khidmat konsultasi, reka bentuk, pisah-warna, atur huruf, proses filem, kerja percetakan, penjilidan, kerja-kerja penyudahan, laminasi, pembungkusan dan juga penghantaran ke semua destinasi pelanggan.

PNMB juga dapat memenuhi keperluan pelanggan termasuklah penerbitan percetakan buku, risalah, laporan, borang, banner, bunting dan kad pintar menggunakan peralatan mesin percetakan dengan teknologi terkini.

AKTIVITI –AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN PADA TAHUN 2012

BIL	TARIKH	AKTIVITI
1	20 April	Seminar Keselamatan di Hotel Pullman,Putrajaya melibatkan pegawai tinggi Kementerian Kerajaan & Swasta
2	21 - 23 April	Sales Convention Tahunan di Awana Genting Highlands khusus untuk kakitangan Bahagian Jualan dan Pemasaran PNMB seluruh Malaysia
3	22 April	Malam 'Sales Appreciation Nite' khusus untuk meraikan dan memberi ganjaran kepada kakitangan Bahagian Jualan PNMB seluruh Malaysia
4	9 - 12 Jun	Hari Sukan Tahunan PNMB
5	1 - 2 Julai	Seminar Keselamatan Anjuran PNMB bersama KDN
6	15 Julai	Makan Malam Tahunan PNMB
7	17 Ogos	Majlis Buka Puasa PNMB
8	22 September	Majlis Rumah Terbuka PNMB
9	22 September	Perasmian Premis Baru PNMB Kuantan dan Penyerahan Zakat untuk Premis Kuantan
10	30 November	Latihan Kebakaran
11	23 November	Management Retreat
12	2 November	Perasmian Premis Baru di Kota Kinabalu
13	4 Disember	CSR Project Bantal bersama Mazidul Tv3 & Penyingkap Fakta 666
14	7 Disember	MOU PNMB & SAJ
15	8 Disember	PNMB Serah Zakat Wilayah 2011

PERISTIWA **PENTING**

PERISTIWA **PENTING**

JANUARI

5 JAN

YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, telah mengadakan lawatan ke Pusat Setempat *(One Stop Centre)* Proses Pemutihan Program 6P di Dewan Serbaguna, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Presint 2, Putrajaya.

21 JAN

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, Ketua Setiausaha, telah melakukan lawatan kerja ke Gunung Pulai Waterworks dan Pontian Waterworks Ulu Choh yang merupakan antara kawasan sasaran penting dalam kawasan keselamatan.

28 JAN

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, bersama anggota RELA ketika Program Perhimpunan Perdana Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) Bersama YAB Perdana Menteri bersempena dengan Sambutan Hari RELA ke-40.

30 JAN

YB. Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri, telah mengadakan lawatan rasmi ke Pusat Pemutihan, Jabatan Imigresen, Seberang Jaya, Pulau Pinang.

FEBRUARI

16 FEB

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, Ketua Setiausaha, menyempurnakan Majlis Pelancaran Dokumen Baru Daftar Kematian/Permit Mengubur Dan Penyampaian Sijil Penghargaan di Dewan Balora Perdana, Putrajaya. (16 Februari 2012)

16 FEB

YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, telah melakukan lawatan kerja ke Pos Kawalan Batalion 14 PGA Pulau Bohey Dulang dan Pulau Mataking.

26 FEB

YB. Dato' Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, telah merasmikan Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan 2012 bertempat di Padang Awam, Taman Sri Lambak, Kluang, Johor

27 FEB

YB. Datuk Wira Abu Seman Yusop,Timbalan Menteri Dalam Negeri, dalam lawatan kerja ke Markas Operasi Pasukan Gerakan Marin Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan.

MAC

13 MAC

YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, sedang memeriksa perbarisan pasukan RELA dalam Majlis Penganugerahan Pangkat Kehormat RELA.

23 MAC

YB. Datuk Wira Abu Seman Yusop,Timbalan Menteri Dalam Negeri, dalam Majlis Penyerahan Cek Sagu Hati Khas Bekas Polis (TAWP 6A) di Ibu Pejabat Polis Daerah Alor Gajah,Melaka.

24 MAC

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, merasmikan Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Kali Ke-60 Peringkat Kebangsaan Tahun 2012.

30 JAN

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, Ketua Setiausaha, dalam Majlis Penyerahan Cek Saguhati Khas Kepada Polis Zaman Darurat Di Cameron Highlands.

APRIL

14 APR

YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, telah turut serta dalam menyampaikan cek sumbangan RM3000.00 kepada bekas-bekas polis pada zaman darurat di Kampar.

14 APR

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, Ketua Setiausaha, dalam Majlis Penyerahan Cek Saguhati Khas Kepada Bekas Polis Zaman Darurat Di IPK, Kelantan.

22 APR

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, dalam Program Ceria GAAS-P Bersama Anak-Anak Yatim, Warga Emas Dan Orang Kurang Upaya di Taman Rimba Bukit Kiara, Taman Tun Dr Ismail.

22 APR

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, dalam Program Ceria GAAS-P Bersama Anak-Anak Yatim, Warga Emas Dan Orang Kurang Upaya di Taman Rimba Bukit Kiara, Taman Tun Dr Ismail.

MEI

5 MEI

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, Ketua Setiausaha, dalam Majlis Perasmian Kursus Team Building KDN Dan Pemakaian Pangkat Kehormat RELA Di Villa Chin Sg Rait, Miri, Sarawak.

14 MEI

YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara dan YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, Ketua Setiausaha, dalam lawatan tapak projek Pusat Latihan Ketenteraman Awam (PULKA) di Simpang Pelangai, Bentong,Pahang.



14 MEI

YB. Datuk Wira Abu Seman Yusop,Timbalan Menteri Dalam Negeri, dalam lawatan kerja ke Pusat Koreksional Labuan dan menghadiri Taklimat Bulanan Pengurusan Tertinggi Jabatan Penjara.

18 MEI

Majlis Serah Tugas Dan 'Clock Out' YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, Ketua Setiausaha, dengan YBhg. Dato' Abdul Rahim Mohamad Radzi.

JUN

5 JUN

YBhg. Dato' Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha, dalam lawatan kerja KSU ke Jabatan Pendaftaran Negara.

10 JUN

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, dalam Majlis Pelancaran Skuad Muda di Putrajaya.

11 JUN

YB. Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, bermesra dengan Skuad Muda KDN dalam Himpunan Skuad Muda.

30 JUN

YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, merasmikan Sambutan Hari Ulang Tahun UPP Kali ke-36 telah diadakan di Kompleks UPP Bukit Kayu Hitam, Kedah sempena penubuhannya pada 28 Jun 1976.

JULAI

13 JUL

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha, dalam lawatan kerja ke Melaka telah melibatkan beberapa tempat seperti Ibu Pejabat Polis Daerah Jasin, Penjara Jasin, *Caring Community House* (CCH), Kompleks Mini KDN dan juga UTC Melaka.

15 JUL

YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, merasmikan Program 1Malaysia For Youth (1M4U) yang diadakan di Esplanade, KLCC, Kuala Lumpur.

25 JUL

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, telah membuat lawatan ke Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Chow Kit.

30 JUL

YB. Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri, telah membuat lawatan ke Pusat Membeli Belah Mid Valley, Kuala Lumpur.

OGOS

1 OGOS

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha, dalam Majlis Penyerahan Bangunan Di Bawah Pelaksanaan Kementerian Dalam Negeri kepada Polis Diraja Malaysia.

7 OGOS

YB. Dato Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, lawatan ke Pusat Membeli Belah Tesco , Ampang.

7 OGOS

YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak,Perdana Menteri Malaysia dan YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, dalam Majlis Berbuka Puasa PDRM Bersama Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Di Pulapol, Jalan Semarak.

15 OGOS

YB. Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri, telah merasmikan satu Program Pendaftaran Skuad Muda KDN Sebagai Rakan Cop di Dewan Gemilang, Kementerian Dalam Negeri, Aras G, Blok D1,Kompleks D, Putrajaya.

SEPTEMBER

9 SEP

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, menghadiri Majlis Jalinan Kasih Aidil Fitri diadakan di Padang Awam, Felda Kahang Timur, Kluang Johor.

12 SEP

YB. Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri, merasmikan Rumah Perantaraan *(Halfway House)* Negeri Kelantan.

16 SEP

YB. Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha, telah melakukan lawatan kerja ke Tapak Projek Penjara Bintulu dan Jabatan dibawah KDN, Bintulu, Sarawak.

29 SEP

YB. Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri, menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Komuniti Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor.

OKTOBER

5 OKT

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, menghadiri Majlis Pelancaran Kecil Bengkel Anti-Jenayah Untuk Wanita bertempat di Dean Sekolah SMK Seafield USJ 2.

7 OKT

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri (MDN), menghadiri Program Karnival Sihat Bersama Komuniti Peringkat Daerah yang diadakan di Dataran Taman Sri Lambak, Kluang.

12 OKT

YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, menghadiri Majlis Perasmian & Menandatangangi Perjanjian Persefahaman Pelaksanaan Program Sistem Latihan Dual Nasional di Jabatan Penjara Malaysia.

22 OKT

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, menghadiri Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja Bersama Malaysia-Republik Rakyat China.

NOVEMBER

7 NOV

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, telah menerima kunjungan hormat Menteri Luar Australia Senator Bob Carr di pejabat Menteri Dalam Negeri di Putrajaya.

9 NOV

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha, telah melakukan Lawatan Turun Padang ke Negeri Kelantan.

22 NOV

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, telah menghadiri Perhimpunan 1KDN Semarakkan Kedamaian & Tabung Kecemasan GAZA.

23 NOV

YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, menghadiri Majlis Perasmian Rumah Perantaraan (RP) Negeri Perak.

DISEMBER

10 DIS

YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, menghadiri Majlis Penyerahan Sijil Kewarganegaraan Malaysia dan Lawatan Kerja Ke Klinik Cure & Care.

12 DIS

YB. Datuk Wira Abu Seman Mohd Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri, menyempurnakan Hari Inovasi yang diadakan di Auditorium D8, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

13 DIS

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, telah menerima kunjungan hormat TYT Herman Prayitno, Duta Besar Indonesia di Putrajaya.

18 DIS

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha, telah menerima kunjungan hormat HE Paul W. Jones *Ambassador Embassy Of United States Of Amerika.*

Sidang Editorial

Depan dari kiri :

Puan Siti Normaliz binti Othman (ULP),Puan Sabariah binti Atan Din (KW),
Puan Juliana binti Semaon (UK), Puan Suriani binti Mohamed Esa (UK),
Puan Hasnah binti Othman (AK), YBhg Dato' Daud bin Tahir [TKSU K (P)],
Puan Hajah Zuraidah binti Zainuddin (UK), Puan Aireen binti Ahmad Shahuddin
(NKRA), Puan Shuhaida binti Yahya (IT), Puan Nurul Syahmiza binti Md. Isa (UK),
Puan Rohaslina binti Yahya (PDP)

Belakang dari kiri :

Puan Djuliana binti Jamaludin (PG), Encik Khairi Azali bin Ibrahim (AB),
Encik Mohamad Faizal bin Mosot (AD), Encik Noor Zaman bin Mohamad (PQ),
Encik Nik Ahmad Khusairi Nik Ibrahim (Ketua Editorial), Encik Mohd Fazli bin Mohd
Haron (UK), Ustaz Mohd Zaini bin Ramli (KK), Encik Fazli bin Mohd Roslan (PK)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Blok D1 & D2, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62546 Putrajaya.
03 - 8000 8000
03 - 8889 1613, 03 - 8889 1610
webmaster@moha.gov.my
@KDNPUTRAJAYA
Kementerian Dalam Negeri (KDN)
http://portal.ikdn.gov.my